

**3 DEKAD
KEMAJUAN**
3 DECADES OF SUCCESS

2024
**LAPORAN
TAHUNAN**
ANNUAL REPORT

3 DEKAD KEMAJUAN

Pencapaian 30 tahun syarikat diadaptasi dalam **reka bentuk unik** yang menggabungkan **simbol angka '30'** dalam bentuk yang **elegan dan futuristik**.

Muka depan laporan tahunan ini direka dengan tema yang menonjolkan empat teras utama perniagaan syarikat iaitu Air, Air Kumbahan, Tenaga dan Persekitaran, Minyak dan Gas, Infrastruktur dan Hartanah serta Perniagaan dan Pelaburan Strategik. Susunan elemen ini menggambarkan kekuatan dan fokus strategik syarikat dalam menggerakkan pertumbuhan berterusan. Reka bentuk ini juga menampilkan visual moden untuk memperlihatkan identiti korporat yang dinamik dan inovatif.

Pencapaian 30 tahun syarikat diadaptasi dalam reka bentuk unik yang menggabungkan simbol angka '30' dalam bentuk yang elegan dan futuristik. Elemen ini memberikan mesej simbolik bahawa kejayaan syarikat selama tiga dekad merupakan hasil usaha bersepadu, inovasi dan dedikasi. Tajuk '3 Dekad Kemajuan' diserlahkan untuk memberi inspirasi kepada pembaca.

Warna biru memainkan peranan penting dalam tema muka depan. Biru melambangkan kepercayaan, kestabilan dan kejayaan yang mencerminkan nilai korporat syarikat. Gabungan pelbagai tona biru mencipta kesan visual yang harmoni dan profesional, manakala penggunaan warna putih memberikan kontras yang bersih dan elegan.

Ikon dan grafik interaktif turut digunakan bagi memperkenalkan teras perniagaan syarikat secara kreatif. Setiap ikon direka dengan gaya minimalis yang moden bagi memudahkan pemahaman pembaca, di samping memperkukuh mesej bahawa syarikat ini bersifat pelbagai dan bersedia untuk menghadapi cabaran masa depan.

Keseluruhan reka bentuk muka depan ini bukan sahaja meraikan ulang tahun ke-30 syarikat, malah menjadi simbol transformasi dan aspirasi masa hadapan. Dengan konsep warna biru, elemen inovatif dan penekanan pada empat teras perniagaan, muka depan ini memberi gambaran jelas tentang kejayaan dan hala tuju syarikat.

3 DECADES OF SUCCESS

The company's 30-year milestone is adapted with a **unique design** incorporating the number '30' in an **elegant** and **futuristic** style.

The front cover of this annual report is designed with a theme that highlights the four main business pillars of the company: Water, Wastewater, Energy and Environment, Oil and Gas, Infrastructure and Property, as well as Strategic Business and Investment. The arrangement of these elements reflects the company's strength and strategic focus in driving continuous growth. The design also features modern visuals to showcase a dynamic and innovative corporate identity.

The company's 30-year milestone is adapted with a unique design incorporating the number '30' in an elegant and futuristic style. This element conveys a symbolic message that the company's success over three decades is the result of integrated efforts, innovation and dedication. The title '3 Dekad Kemajuan' is prominently displayed to inspire readers.

The colour blue plays a significant role in the front cover's theme. Blue symbolises trust, stability and success, reflecting the company's corporate values. A combination of various shades of blue creates a harmonious and professional visual effect, while the use of white provides a clean and elegant contrast.

Icons and interactive graphics are also used to creatively introduce the company's business pillars. Each icon is designed in a modern minimalist style to enhance readability while highlighting the message that the company is diverse and prepared to face future challenges.

Overall, this front cover design not only celebrates the company's 30th anniversary but also serves as a symbol of transformation and future aspirations. With a blue-themed concept, innovative elements and emphasis on the four business pillars, the cover provides a clear depiction of the company's achievements and direction.



01 **Pengenalan** Introduction

1-2 **3 Dekad Kemajuan**
3 Decades of Success

02 **Sekilas Pandang** At a Glance

7 **Prestasi Keuangan 2024**
2024 Financial Performance

8 **Pecahan Pendapatan Kumpulan PDT**
PDT Group's Income Breakdown

9 **Pecahan Pendapatan PDT**
PDT's Income Breakdown

10 **Kedudukan Aset dan Liabiliti Kumpulan PDT dan PDT**
PDT Group and PDT's Asset and Liability Position

11-16 **Laporan Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PDT 2024**
2024 PDT Key Performance Indicator (KPI) Achievement Report

17 **Penilaian Prestasi 2024**
2024 Performance Review

18 **Ulasan Penilai Pencapaian Prestasi**
Assessor's Review on Performance Achievement

19 **Ulasan Pelaksanaan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)**
Environmental, Social and Governance (ESG) Implementation Review

20 **Ulasan Penilai Cadangan Penambahbaikan**
Assessor's Review on Recommendation for Improvement

21-30 **Peristiwa Penting 2024**
2024 Highlights

03 Struktur Korporat Corporate Structure

- | | | | |
|-------|---|-------|--|
| 32-36 | Perutusan Pengerusi
<i>Chairman's Message</i> | 52-60 | Profil Pengurusan Kanan
<i>Senior Management Profile</i> |
| 37-45 | Penyata Korporat Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan
<i>President & Group Chief Executive's Corporate Statement</i> | 61-62 | Profil Korporat & Perniagaan
<i>Corporate & Business Profile</i> |
| 46-51 | Barisan Ahli Lembaga Pengarah
<i>Board of Directors</i> | | |

04 Analisis Prestasi Kewangan 2024 2024 Financial Performance Analysis

- | | | | |
|-------|---|-------|---|
| 63-66 | Pencapaian Kewangan 2024
<i>2024 Financial Achievements</i> | 72 | Penyata Pendapatan 2024
<i>2024 Income Statement</i> |
| 67-71 | Kenyataan Laporan Juruaudit Bebas
<i>Independent Auditors' Statement Report</i> | 73-74 | Penyata Kewangan 2024
<i>2024 Financial Statement</i> |

05 Analisis Keberhasilan Utama Key Result Analysis

- | | | | |
|---------|--|---------|--|
| 75-106 | Teras Perniagaan 1:
<i>Core Business 1:</i>
Sektor Air, Air Kumbahan, Tenaga & Persekitaran
<i>Water, Wastewater, Energy & Environment Sector</i> | 111-116 | Teras Perniagaan 3:
<i>Core Business 3:</i>
Sektor Infrastruktur & Hartanah
<i>Infrastructure & Property Sector</i> |
| 107-110 | Teras Perniagaan 2:
<i>Core Business 2:</i>
Sektor Minyak & Gas
<i>Oil & Gas Sector</i> | 117-119 | Teras Perniagaan 4:
<i>Core Business 4:</i>
Sektor Perniagaan & Pelaburan Strategik
<i>Strategic Business & Investment Sector</i> |

06 Tadbir Urus Korporat dan Governans
Corporate Governance

121-123 Analisis Tadbir Urus Korporat dan Governans
Corporate Governance Analysis

124 Ahli Jawatankuasa Governance, Risk & Audit Committee (GRAC)
Governance, Risk & Audit Committee (GRAC) Members

125-126 Pencapaian Utama 2024
2024 Key Achievements

127 Inisiatif Utama IGD 2024
2024 IGD's Key Initiatives

128 Pelaksanaan Fungsi Audit Dalam
Implementation of Internal Audit

07 Tanggungjawab Sosial Korporat
Corporate Social Responsibility

130-139 Analisis Tanggungjawab Sosial Korporat
Corporate Social Responsibility Analysis

140-155 Pembangunan Modal Insan
Human Capital Development

156-158 Penjenamaan Semula Nama Sektor dan Jawatan Pengurusan PDT
Rebranding of Sector Names and Management Positions at PDT

159-161 Kempen Kitar Semula Dan Kesedaran Awam Kakitangan PDT
Recycling Campaign and Awareness for PDT Staff

162-165 Pertandingan Inovasi PDT: 'Innovathon'
PDT Innovation Competition: 'Innovathon'

08 Rangkuman 2024
2024 Summary

167-168 Majlis & Acara
Events

169 Liputan Media
Media Coverage

09 Direktori
Directory

170-172

10 Sidang Editorial
Editorial Board


173

Sekilas Pandang


At a Glance

7	Prestasi Keuangan 2024 2024 Financial Performance	17	Penilaian Prestasi 2024 2024 Performance Review
8	Pecahan Pendapatan Kumpulan PDT PDT Group's Income Breakdown	18	Ulasan Penilai Pencapaian Prestasi Assessor's Review on Performance Achievement
9	Pecahan Pendapatan PDT PDT's Income Breakdown	19	Ulasan Pelaksanaan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) Environmental, Social and Governance (ESG) Implementation Review
10	Kedudukan Aset dan Liabiliti Kumpulan PDT dan PDT PDT Group and PDT's Asset and Liability Position	20	Ulasan Penilai Cadangan Penambahbaikan Assessor's Review on Recommendations for Improvement
11-16	Laporan Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PDT 2024 2024 PDT Key Performance Indicator (KPI) Achievement Report	21-30	Peristiwa Penting 2024 2024 Highlights


Penyata Pendapatan Kumpulan PDT
PDT Group's Income Statement




Penyata Pendapatan PDT
PDT's Income Statement



Pecahan Pendapatan Kumpulan PDT
PDT Group's Income Breakdown




Pecahan Pendapatan PDT
PDT's Income Breakdown




Ringgit Malaysia (RM)
Malaysian Ringgit (MYR)

Kedudukan Aset dan Liabiliti Kumpulan PDT (2022 - 2024)
PDT Group's Asset and Liability Position (2022 - 2024)



Kedudukan Aset dan Liabiliti PDT (2022 - 2024)
PDT's Asset and Liability Position (2022 - 2024)




LAPORAN PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) PDT 2024

2024 PDT Key Performance Indicator (KPI)
Performance Report

LAPORAN TAHUNAN 2024
ANNUAL REPORT

Secara keseluruhannya, PDT telah mencapai purata pencapaian KPI sebanyak 98%. Jumlah peratusan ini telah berjaya melebihi sasaran yang ditetapkan pada suku keempat iaitu 90%, dengan mengambil kira enam Fokus dan 35 Inisiatif.

Overall, PDT recorded an average KPI achievement of 98%. This percentage successfully exceeded the target set for the fourth quarter, which was 90%, covering six Focus Areas and 35 Initiatives.



Quarter	Percentage
Q1	59.4%
Q2	62.8%
Q3	84%
Q4	98%

LAPORAN PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) PDT 2024

2024 PDT Key Performance Indicator (KPI)
Performance Report

Bil. No.	KPI PDT	Sasaran Target	Pencapaian Achievement	Peratusan Pencapaian Achievement Percentage
1. Projek Berimpak Tinggi (10%) High Impact Projects(10%)				
1.1	Eco Botanic III	Kelulusan Pelaksanaan Projek Project Implementation Approval	PDT menerima kelulusan MMK bertarikh 2 Oktober 2024 bagi pelaksanaan projek. PDT received MMK approval dated 2 October 2024 for the implementation of the project.	9.3%
1.2	Pembangunan Loji Rawatan Kumbahan Serantau dan Loji Pemulihan Air di Pasir Gudang Development of Regional Sewage Treatment Plant (RSTP) and Water Reclamation Plant (WRP) in Pasir Gudang	Kelulusan Awalan Projek Preliminary Project Approval	Pihak JSW dan IWK dalam tindakan untuk memuktamadkan terma-terma perjanjian Second Supplementary Agreement Loji Pemulihan Air JSW and IWK are currently in the process of finalising the terms of the Second Supplementary Agreement (Water Reclamation Plant).	
2. Pengurusan dan Operasi (10%) Management and Operations (10%)				
2.1	Human Resources Information System	Penyediaan Dua Modul: Development of two Modules: i. Sistem Penilaian Prestasi Performance Appraisal System ii. Sistem Latihan Training System	i. Sistem Penilaian Prestasi diterima pada 27 November 2024. The Performance Appraisal System was accepted on 27 November 2024. ii. Sistem Latihan diterima pada 18 Disember 2024. The Training System was accepted on 18 December 2024.	10%
2.2	Program Amalan 5S 2.0 5S Practices Program 2.0	Memproleh Keputusan Audit Pematuhan 3 Bintang Achieved 3-Star Compliance Audit Rating.	Penangguhan Pensijilan 5S oleh Pihak MPC 5S certification by MPC has been postponed.	
2.3	Inisiatif ESG PDT PDT ESG Initiative	Pelaksanaan dan Pemantauan Implementation and Monitoring	Kempen Amalan Hijau dan Teknologi Digital dilancarkan pada Mei 2024. The Green Practices and Digital Technology Campaign was launched in May 2024.	
2.4	Sistem Solar PDT PDT Solar System	Kecekapan Tenaga Energy Efficiency	Pemantauan dan Pelaporan telah dilaksanakan. Monitoring and reporting have been implemented.	
2.5	ISO 37001: Anti-Bribery Management System (ABMS)	Pengakreditasi ISO 37001 di peringkat PDT ISO 37001 Accreditation at PDT level	PDT telah memperolehi Pensijilan ABMS melalui badan pensijilan SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan tarikh kuat kuasa pensijilan pada 24 Oktober 2024. PDT obtained the ABMS certification through the certification body SIRIM QAS International Sdn. Bhd., with the certification effective from 24 October 2024.	

LAPORAN PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) PDT 2024

2024 PDT Key Performance Indicator (KPI)
Performance Report

Bil. No.	KPI PDT	Sasaran Target	Pencapaian Achievement	Peratusan Pencapaian Achievement Percentage
2. Pengurusan dan Operasi (10%) Management and Operations (10%)				
2.6	Corporate Integrity System Malaysia (CISM)	Penyenaraian PDT di bawah CISM PDT Listing under CISM	PDT telah disenaraikan sebagai syarikat yang telah menyelesaikan program CISM pada Jun 2024. PDT was listed as a company that completed the CISM programme in June 2024.	
3. Kewangan (25%) Financial (25%)				
3.1	Pendapatan Income	RM33,722,913	RM34,745,200	24.9%
3.2	OPEX OPEX	RM23,415,412	RM21,743,971	
3.3	Aliran Tunai Bersih Net Cash Flow	RM42,585,973	RM40,107,210	
3.4	Prestasi Kewangan Financial Performance	+VE GEARING RATIO +VE LIQUIDITY RATIO	Nilai Nisbah Penggearing adalah sebanyak positif (+ve) 12.29% The Gearing Ratio stands at a positive 12.29% Nilai Nisbah Kecairan adalah sebanyak positif (+ve) 9.21:1 The Liquidity Ratio stands at a positive 9.21:1.	
3.5	Keuntungan Selepas Cukai Profit After Tax	RM10,307,501	RM13,001,229	
	Unjuran Belanjawan (Penjimatan Bajet) Budget Forecasting (Budget Savings)			
3.6	Penjimatan Bajet Budget Savings	Penjimatan 5% berbanding sasaran 5% savings compared to the target	Penjimatan 7% berbanding sasaran 7% savings compared to the target	
3.7	Penjimatan Perbelanjaan Perolehan Procurement Expenditure Savings	Penjimatan 5% berbanding sasaran 5% savings compared to the target	Penjimatan 16% berbanding sasaran 16% savings compared to the target	
4. Inisiatif Strategik (30%) Strategic Initiatives (30%)				
Teras 1 : Air, Air Kumbahan, Tenaga & Persekitaran Core Business I : Water, Wastewater, Energy and Environment				
4.1	LRA Kahang	Penyiapan & Serahan Projek Project Completion and Handover	Perakuan Siap Kerja (CPC) bertarikh 29 Ogos 2024 telah dikeluarkan oleh BPENJ kepada kontraktor pada 19 September 2024. The Certificate of Practical Completion (CPC) dated 29 August 2024 was issued by BPENJ to the contractor on 19 September 2024.	

LAPORAN PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) PDT 2024

2024 PDT Key Performance Indicator (KPI) Performance Report

Bil. No.	KPI PDT	Sasaran Target	Pencapaian Achievement	Peratusan Pencapaian Achievement Percentage
4.2	Pemasangan Solar Berbumbung di Bangunan PBT Rooftop Solar Installation on Local Authority (PBT) Buildings	i. Menerima Pulangan RM50,000 Received returns of RM50,000 ii. Pemantauan Projek Project Monitoring	i. Pulangan pendapatan sebanyak RM33,598.30 telah diperolehi pada 17 Disember 2024. A revenue return of RM33,598.30 was received on 17 December 2024. ii. Pemantauan solar telah dijalankan dan laporan SARE bagi Okt - Dis 2024 dikeluarkan kepada SUKT pada Januari 2025. Solar monitoring was conducted and the SARE report for Oct – Dec 2024 was issued to SUKT in January 2025.	29.4%
Teras 2 : Minyak dan Gas Core Business 2 : Oil and Gas				
Prestasi Dividen Dividend Performance				
4.3	PLNG2	RM100,000	RM500,000	
4.4	PITSB	RM960,000	RM960,000	
Teras 3 : Infrastruktur dan Hartanah Core Business 3 : Infrastructure and Property				
4.5	Eco Botanic II	i. Penyiapan Projek dan Serahan Project completion and handover ii. Pelaksanaan dan Pemantauan projek Project implementation and monitoring.	Sehingga 31 Dis 2024, Presint 2 telah 100% siap dan serahan kunci telah selesai dilaksanakan As of 31 December 2024, Precinct 2 was 100% completed and the key handover has been carried out.	
Pelupusan Disposal				
4.6	Pelupusan Aset Jenis Komersial Milik PDT Melalui Proses Jualan Disposal of Commercial Assets Owned by PDT Through Sale Process	5 Lot Kedai di Taman Delima 5 Shop Lots in Taman Delima	4 unit kedai telah berjaya mendapatkan pinjaman. Baki 1 unit masih dalam proses permohonan pinjaman. Loan approvals have been successfully obtained for 4 shop units. The remaining 1 unit is still in the loan application process.	
Hartanah Property				
4.7	Memperkasa Potensi Hasil Baharu Melalui Pajakan / Sewaan Tanah Enhancing New Revenue Potential Through Land Leasing/Rental	5 Plot Hartanah PDT 5 PDT's Property Plots	Kaedah dan konsep tawaran sewaan dilaksanakan setelah perjanjian pengurusan aset dimuktamadkan. The leasing approach and concept were implemented following the finalisation of the asset management agreement.	

LAPORAN PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) PDT 2024

2024 PDT Key Performance Indicator (KPI) Performance Report

Bil. No.	KPI PDT	Sasaran Target	Pencapaian Achievement	Peratusan Pencapaian Achievement Percentage
4.8	Memperkukuh Nilai Komersial Hartanah Melalui Pajakan / Sewaan Baharu <i>Strengthening Commercial Property Value Through New Leasing/Rental</i>	5 Plot Hartanah PDT yang tamat tempoh sewaan pada 2024. <i>5 PDT's Property Plots with Leases Expiring in 2024.</i>	Notis penamatan dan pengosongan tapak kepada penyewa telah disampaikan pada akhir September 2024. <i>Termination and site vacate notices were issued to tenants at the end of September 2024.</i>	
Teras 4 : Minyak dan Gas <i>Core Business 4: Strategic Business & Investment</i>				
Prestasi Dividen <i>Dividend Performance</i>				
4.9	Ranhill Utilities	RM169,922	PDT telah menerima 169,622 unit dividen saham pada 21 Mei 2024. <i>PDT received 169,622 units of share dividends on 21 May 2024.</i>	
4.10	SAJSB	RM500,000	RM500,000	
4.11	JCCD	RM500,000	RM500,000	
5. Program Tanggungjawab Sosial Korporat (10%) <i>Corporate Social Responsibilities (10%)</i>				
5.1	Tabung Pemerakasaan Wanita	RM100,000	Penyaluran peruntukan telah dibuat pada 23 Ogos 2024. <i>The allocation was disbursed on 23 August 2024.</i>	
5.2	Tabung Pendidikan Sarjana PDT	RM150,000	Pemohon telah menerima sumbangan pada 5 Disember 2024. <i>The applicants received the contribution on 5th December 2024.</i>	
5.3	Tabung Pendidikan Kakitangan Kerajaan Kumpulan Pelaksana	RM30,000	Pemohon telah menerima sumbangan pada 5 Disember 2024. <i>The applicants received the contribution on 5th December 2024.</i>	
5.4	Sumbangan / Derma <i>Donations/Contributions</i>	RM200,000	Sumbangan telah disalurkan kepada pemohon yang layak. <i>The contribution has been distributed to eligible applicants.</i>	
5.5	Kursus Jangka Pendek Pegawai Tadbir Negeri Johor	RM100,000	Kursus telah diadakan pada 3 dan 4 Mac 2024 dengan kerjasama Akademi Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor dan PwC. <i>The course was held on 3rd and 4th March 2024 in collaboration with the Johor Civil Service Academy and PwC.</i>	
5.6	Kursus Jangka Pendek Guru KAFA	RM50,000	Kursus telah dilaksanakan pada 13 -15 Ogos 2024 dan 19-21 Ogos 2024 <i>The course was conducted on 13-15 August 2024 and 19-21 August 2024</i>	

LAPORAN PENCAPAIAN PETUNJUK
PRESTASI UTAMA (KPI) PDT 2024
2024 PDT Key Performance Indicator (KPI)
Performance Report

Bil. No.	KPI PDT	Sasaran Target	Pencapaian Achievement	Peratusan Pencapaian Achievement Percentage
6. Mandat Kerajaan (15%) Government Mandates (15%)				
6.1	Polisi Pembangunan Hijau Johor (PPHJ) 2030 Johor Green Development Policy (JGDP) 2030	Penyediaan PPHJ 2030 Preparation of PPHJ 2030	Sehingga akhir Disember 2024, Polisi bagi Sektor 1, 2 dan 3 telah siap sepenuhnya. As of the end of December 2024, the policies for Sectors 1, 2 and 3 have been fully completed.	14.1%
6.2	Penilaian Prestasi Anak Syarikat Kumpulan PDT Performance Evaluation of PDT Group Subsidiaries	Pemantauan Gerak Kerja Terhadap Inisiatif dan Prestasi Monitoring Work Progress on Initiatives and Performance	Pelaporan PR telah dibentangkan dalam Mesyuarat CE Council pada 20 Mei 2024 dan 30 Dis 2024. PR reporting was presented at the CE Council Meeting on 20 May 2024 and 30 December 2024.	
6.3	Syarikat Usahasama Kerajaan Negeri dan Sektor Swasta State Government and Private Sector Joint Venture Company	Menyelaras dan Memantau Prestasi Coordinating and Monitoring Performance	Lapan mesyuarat Lembaga Pengarah telah dihadiri bagi enam syarikat usahasama. Eight Board of Directors meetings were attended for six joint venture companies.	

PENILAIAN PRESTASI 2024

2024 PERFORMANCE REVIEW

SKOP PENILAIAN

Scope of Assessment

3

Kategori
Categories

20

Inisiatif
Initiatives

51

Pelan Tindakan
Action Plans

100%


PURATA SASARAN
(KESELURUHAN)
Average Target
(Overall)

95.1%

PURATA PENCAPAIAN
(KESELURUHAN)
Average Achievement
(Overall)

GRAF PURATA PENCAPAIAN PRESTASI PDT

PDT Average Performance Achievement Graph



Berdasarkan tiga kategori utama dan 20 inisiatif yang telah dirancang bagi tahun 2024, PDT telah mencapai purata pencapaian sebanyak **95.1% (Cemerlang)**.

Based on the three main categories and 20 initiatives outlined for the year 2024, PDT achieved an overall performance average of **95.1% (Excellent)**.

ULASAN PENILAI PENCAPAIAN PRESTASI

ASSESSOR'S REVIEW ON PERFORMANCE ACHIEVEMENT

Secara keseluruhannya PDT telah mencapai purata pencapaian prestasi keseluruhan sebanyak 95.1% dan berada di kedudukan prestasi yang CEMERLANG. Berdasarkan kepada tiga kategori utama yang terdiri daripada 20 inisiatif dengan 51 pelan tindakan yang telah dirangka sepanjang tahun 2024, PDT telah mencapai prestasi sebagaimana berikut:

Overall, Permodalan Darul Ta'zim (PDT) has achieved an average performance score of 95.1%, placing the organisation in the EXCELLENT performance category. Based on three main categories consisting of 20 initiatives and 51 action plans formulated throughout 2024, PDT recorded the following performance:

- 1** Bagi Kategori 1 - Projek Berimpak Tinggi berdasarkan kepada dua inisiatif menerusi projek Eco Botanic III dan CSTP & WRP, PDT telah mencapai purata pencapaian sebanyak 92.5%.

For Category 1 – High-Impact Projects, based on two initiatives through the Eco Botanic III project and CSTP & WRP, PDT has achieved an average performance of 92.5%.

- 2** Manakala bagi Kategori 2 - Inisiatif Strategik berdasarkan kepada 11 inisiatif pengoperasian yang disasarkan, PDT telah mencapai purata pencapaian sebanyak 93.7%.

For Category 2 – Strategic Initiatives, based on 11 targeted operational initiatives, PDT has achieved an average performance of 93.7%.

- 3** Seterusnya, bagi Kategori 3 - Kewangan berdasarkan kepada tujuh inisiatif kewangan yang disasarkan, PDT telah mencapai purata pencapaian sebanyak 99.1% sebagaimana berikut:

Subsequently, for Category 3 – Financial, which is based on seven targeted financial initiatives, PDT achieved an average performance of 99.1%, as detailed below:

| Pendapatan hanya berjaya diperolehi sebanyak 3% melebihi pindaan bajet yang disasarkan;
Revenue was achieved at 3% above the revised budget target;

| Perbelanjaan OPEX hanya digunakan sebanyak 93% berbanding pindaan bajet;
Operating expenditure (OPEX) was utilised at only 93% of the revised budget;

| Aliran tunai PDT direkodkan 94% berbanding bajet;
PDT's cash flow was recorded at 94% of the budget;

| Prestasi nisbah penggeraan dan kecairan masing-masing sebanyak 12.38% dan 910% dapat dikekalkan dengan baik sepanjang tahun 2024;
Gearing and liquidity ratios were successfully maintained at 12.38% and 910%, respectively, throughout 2024;

| PDT merekodkan keuntungan selepas cukai sebanyak 2% melebihi bajet; dan
PDT recorded profit after tax 2% above budget; and

| Penjimatan bajet dan perbelanjaan perolehan yang berjaya dibuat masing-masing adalah sebanyak 5% dan 16%.
Budget and procurement expenditure savings were successfully achieved at 5% and 16%, respectively.

ULASAN PENILAIAN ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS (ESG)

ENVIRONMENTAL, SOCIAL AND GOVERNANCE (ESG) IMPLEMENTATION REVIEW

Selain itu, PDT turut menerapkan amalan dan pelaksanaan *Environmental, Social and Governance (ESG)*. Antara pencapaian ESG setakat ini adalah sebagaimana berikut:-

Furthermore, PDT has also adopted Environmental, Social and Governance (ESG) practices and implementation. The ESG achievements to date are as follows:-



Persekitaran Environmental

PDT telah melaksanakan pengawalan ESG persekitaran menerusi pengamalan 5S oleh semua kakitangan, pemasangan panel solar bumbung di bangunan PDT, penggunaan bahan api alternatif iaitu kenderaan elektrik dan penguatkuasaan polisi-polisi yang berkaitan. Secara umumnya, PDT telah melaksanakan kawalan dalaman ESG persekitaran yang secukupnya bagi menjaga kepentingan PDT.

PDT has implemented environmental ESG controls through the adoption of 5S practices by all employees, rooftop solar panel installation at the PDT building, the use of alternative fuel via electric vehicle (EVs) and the enforcement of relevant policies. Overall, PDT has implemented adequate internal environmental ESG controls to protect the organisation's interests.



Sosial Social

Menerusi aspek sosial seperti kesihatan dan kesejahteraan pekerja, PDT telah memperolehi pencapaian sebanyak 98% berdasarkan kaji selidik kepuasan pekerja yang dijalankan bagi tahun 2023. Namun kaji selidik ini disarankan untuk dibuat secara berkala sekurang-kurangnya dua kali setahun. Selain itu, terdapat penurunan peratusan cuti sakit dan keluar masuk kakitangan (tahun 2023 berbanding tahun 2024) iaitu masing-masing sebanyak 3.5% dan 1.9%. Sehingga 31 Disember 2024, bilangan keseluruhan kakitangan PDT berjumlah 54 orang yang terdiri daripada 54% pekerja Lelaki dan 46% pekerja Perempuan. Secara umumnya, PDT telah melaksanakan kawalan dalaman ESG sosial yang baik bagi menjaga kesejahteraan pekerja PDT.

Through social aspects such as employees' health and well-being, PDT achieved a 98% satisfaction rate based on the employee satisfaction survey conducted in 2023. However, it is recommended that this survey be conducted periodically, at least twice a year. In addition, there has been a reduction in the percentage of sick leave and employee turnover (2023 compared to 2024), by 3.5% and 1.9%, respectively. As of 31 December 2024, the total number of PDT employees remained at 54, comprising 54% male and 46% female employees. Overall, PDT has implemented good internal social ESG controls to ensure the well-being of its workforce.



Tadbir Urus
Governance

PDT telah melaksanakan struktur tadbir urus sebagaimana yang ditetapkan oleh kerajaan negeri, pelaksanaan polisi antirasuah, pelaporan kepada pihak pengurusan PDT sebagaimana yang disasarkan dan pensijilan yang berkaitan. Secara umumnya, tadbir urus PDT berada dalam keadaan baik dan pelaksanaan ESG adalah mematuhi serta menepati amalan tadbir urus yang ditetapkan oleh agensi berkaitan bagi menjaga kepentingan PDT.

PDT has established a governance structure in accordance with the requirements set by the state government, implemented an anti-corruption policy, ensured timely reporting to PDT's management and obtained relevant certifications. Overall, PDT's governance is in good standing, and the ESG practices are in full compliance with the standards set by the relevant regulatory agencies, thereby protecting the organisation's interests.

ULASAN PENILAI CADANGAN PENAMBAHBAIKKAN

ASSESSOR'S REVIEW ON RECOMMENDATIONS FOR IMPROVEMENT

Membawa inisiatif yang belum berjaya dilaksanakan atau dicapai pada tahun 2024 ke dalam perancangan syarikat bagi tahun 2025;

Integrating initiatives that were not successfully implemented or realised in 2024 into the company's planning for 2025;

Merangka projek impak tinggi yang mampu memberikan pulangan yang berterusan kepada PDT; dan

Formulating high-impact projects that can generate sustainable returns for PDT; and

Kawalan perbelanjaan dan penjimatan wajar diteruskan bagi memastikan kewangan syarikat kekal kukuh.

Prudent expenditure controls and cost-saving measures should be sustained to ensure the company's financial stability remains strong.

SESI LIBAT URUS POLISI PEMBANGUNAN HIJAU JOHOR 2030: LANGKAH BERSAMA KE ARAH JOHOR LESTARI


JOHOR GREEN DEVELOPMENT POLICY 2030 ENGAGEMENT SESSIONS:
JOINT STEPS TOWARDS A SUSTAINABLE JOHOR

Penyediaan **Polisi Pembangunan Hijau Johor 2030 (PPHJ 2030)** sejajar dengan inisiatif *Johor Green Deal* yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri Johor pada 13 November 2023 sempena Persidangan Asia-Pacific Climate Week 2023, bertujuan memperkukuh komitmen negeri dalam mencapai pembangunan lestari dan menangani perubahan iklim secara holistik.

Bagi menyokong matlamat ini, PDT, dengan kerjasama Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah menganjurkan Sesi Libat Urus PPHJ 2030. Platform ini berfungsi sebagai ruang perkongsian maklumat dan percambahan idea daripada pihak berkepentingan dan pemain-pemain industri yang bertujuan merangka dasar dalam empat sektor utama PPHJ 2030, iaitu:

*The preparation of the **Johor Green Development Policy 2030 (JGDP 2030)** aligns with the Johor Green Deal initiative announced by the Johor state government on 13 November 2023, during the Asia-Pacific Climate Week 2023 conference, with the aim to strengthen the state's commitment to sustainable development and holistic climate change management.*

To support this goal, PDT, in collaboration with the Johor Economic Planning Division (BPENJ) and Universiti Teknologi Malaysia (UTM) has organised Engagement Sessions for PPHJ 2030. This platform serves as a space for information sharing and idea exchange among stakeholders and industry players to formulate policies in four key sectors of PPHJ 2030:



MINGGU AIR ANTARABANGSA SINGAPURA 2024
SINGAPORE INTERNATIONAL WATER WEEK (SIWW) 2024



Singapore International Water Week (SIWW) 2024 yang berlangsung di Sands Expo & Convention Centre, Singapura merupakan salah satu platform di peringkat global yang dikhususkan bagi perkongsian kepakaran serta mencari penyelesaian berkenaan isu-isu air serta cabaran iklim.

Acara dwitahunan ini bertujuan mengumpulkan pihak berkepentingan dalam industri air antarabangsa untuk berkongsi pandangan, teknologi terkini dan penerokaan peluang perniagaan baharu.

Sebagai peneraju dalam pembangunan sektor air di Johor, PDT telah diundang untuk menyertai 'Utilities CEO Roundtable' (UCR), Sesi Temu Mesra bersama US Water Partnership WISE Programme serta 'Emerging Utility Leaders' Summit' (EULS) di SIWW 2024.

Singapore International Water Week (SIWW) 2024, held at the Sands Expo & Convention Centre, Singapore is one of the global platforms dedicated to sharing expertise and finding solutions to water issues and climate challenges.

This biennial event aims to bring together stakeholders from the international water industry to share insights, latest technologies and explore new business opportunities.

As a leader in the water development sector in Johor, PDT was invited to participate in the Utilities CEO Roundtable (UCR) and the Meet-and-Greet Session with the US Water Partnership Programme as well as the Emerging Utility Leaders Summit (EULS) at SIWW 2024.

**PERUMAHAN M40 DAN PEMBANGUNAN BERCAMPUR DI
KAWASAN EDUPARK EAST & EDUPARK WEST, ISKANDAR PUTERI**
M40 HOUSING AND MIXED DEVELOPMENT IN
EDUPARK EAST & EDUPARK WEST, ISKANDAR PUTERI



Kerajaan Negeri Johor melalui Perbadanan Kemajuan Perumahan Johor (PKPJ) dengan kerjasama PDT, Iskandar Investment Berhad (IIB) menerusi anak syarikatnya, River Retreat Sdn. Bhd. (RRSB) dan EcoWorld Development Group Berhad (EcoWorld) memeterai perjanjian untuk membangunkan projek perumahan Eco Botanic 3 di kawasan Edupark East dan Edupark West, Iskandar Puteri.

Projek lanjutan daripada Eco Botanic 2 ini menyediakan sebanyak 3,746 unit rumah dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,008 unit akan ditawarkan kepada golongan sasar M40, dengan pecahan 700 unit pangsapuri berharga kurang daripada RM400,000.00 seunit dan 308 unit rumah teres pada harga bermula kurang daripada RM500,000.00 seunit.

The Johor state government through the Johor Housing Development Corporation (PKPJ), in collaboration with PDT, Iskandar Investment Berhad (IIB) via its subsidiary River Retreat Sdn. Bhd. (RRSB) and EcoWorld Development Group Berhad (EcoWorld) has signed an agreement to develop the Eco Botanic 3 housing project in Edupark East and Edupark West areas of Iskandar Puteri.

This extension project of Eco Botanic 2 will provide a total of 3,746 housing units and of that number, 1,008 units will be allocated to the M40 group with a breakdown of 700 apartment units priced below RM400,000.00 per unit and 308 terrace houses starting below RM500,000.00 per unit.

PENYERTAAN DALAM THE CONFERENCE OF THE PARTIES (COP29) PARTICIPATION IN THE CONFERENCE OF THE PARTIES (COP29)



COP29 Baku Azerbaijan

PDT telah menyertai Persidangan ke-29 Conference of the Parties (COP29) yang berlangsung dari 11 hingga 22 November 2024 di Baku, Azerbaijan. COP29 membuka peluang kepada PDT untuk memperluas penglibatan di peringkat antarabangsa selaku anak syarikat Kerajaan Negeri Johor yang diberi mandat bagi menerajui pembangunan inisiatif hijau di Johor dan meningkatkan jaringan kerjasama bersama prospek rakan niaga diperingkat global.

PDT participated in the 29th Conference of the Parties (COP29) held from 11 to 22 November 2024 in Baku, Azerbaijan. COP29 provided PDT with the opportunity to expand its international involvement as a subsidiary of the Johor state government which is mandated to spearhead the development of green initiatives in Johor and enhance cooperation networks with prospective business partners globally.



YOUTH SUSTAINABILITY FORUM (YSF) 2024



Youth Sustainability Forum 2024

Bridging Borders: ASEAN Youth for Sustainability

Youth Sustainability Forum (YSF) 2024 merupakan program anjuran Johor Sustainability Centre (JSC) dengan kerjasama Kelab Belia Prihatin Malaysia dari 16 hingga 20 Ogos 2024 sebagai persediaan pemimpin muda menjelang Persidangan ke-29 Conference of the Parties (COP29).

YSF 2024 berfungsi sebagai platform untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan belia, khususnya dari rantau ASEAN tentang kelestarian dan kepentingan penjagaan alam sekitar serta mencari penyelesaian bagi cabaran yang dihadapi.

Sebagai tanda sokongan terhadap penganjuran YSF 2024, PDT telah menyumbangkan sebanyak RM150,000.00 kepada Kelab Belia Prihatin Malaysia.

The Youth Sustainability Forum (YSF) 2024 is a programme organised by the Johor Sustainability Centre (JSC) in collaboration with the Prihatin Malaysia Youth Club from 16 to 20 August 2024, as part of preparations for young leaders ahead of the 29th Conference of the Parties (COP29).

YSF 2024 serves as a platform to raise awareness among youth, particularly from the ASEAN region on sustainability and the importance of environmental conservation, while also exploring solutions to the challenges faced.

As a gesture of support for YSF 2024, PDT has contributed RM150,000.00 to the Prihatin Malaysia Youth Club.

ENERGIZE 1.0: CARING FOR WETLANDS

Energize 1.0: 'Caring for Wetlands' merupakan penglibatan pertama antara PDT dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang memberikan tumpuan dalam melestarikan hutan paya bakau di Johor.

Seramai 120 orang peserta termasuk kakitangan PDT, alumni penerima Tabung Pendidikan Sarjana PDT (TPSPDT) dan Tabung Pendidikan Kakitangan Kerajaan Kumpulan Pelaksana (TPKKKP) serta pelajar Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) UTHM menyertai program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Sustainable Development Goals: "Caring for Wetlands" di Taman Negara Tanjung Piai, Pontian.

Aktiviti yang dilaksanakan termasuklah penanaman 100 anak pokok bakau, penyemaian 100 benih bakau serta pembersihan kawasan dengan kutipan 254 kilogram sampah.

Energize 1.0: 'Caring for Wetlands' marked the first collaboration between PDT and Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), focusing on the conservation of mangrove forests in Johor.

A total of 120 participants, including PDT staff, alumni of Tabung Pendidikan Sarjana PDT (TPSPDT) and Tabung Pendidikan Kakitangan Kerajaan Kumpulan Pelaksana (TPKKKP) recipients, as well as students from the Faculty of Technology Management and Business (FPTP) UTHM took part in the Sustainable Development Goals: "Caring for Wetlands" programme at Tanjung Piai National Park, Pontian.

The activities included planting 100 mangrove saplings, sowing 100 mangrove seeds and cleaning the area with a total waste collection of 254 kilograms.



LAWATAN KE LOJI RAWATAN AIR (LRA) KAHANG KAHANG WATER TREATMENT PLANT VISIT

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), YAB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, bersama Menteri Besar Johor, YAB Dato' Onn Hafiz Ghazi, telah mengadakan lawatan kerja ke Loji Rawatan Air (LRA) Kahang. LRA Kahang yang dimiliki oleh Syarikat Air Johor Sdn. Bhd. (SAJSB), anak syarikat kumpulan PDT telah beroperasi secara rasmi sejak April 2024 bagi memenuhi keperluan bekalan air di Kluang, Johor.

Loji rawatan tersebut mampu menyediakan bekalan air terawat tambahan dengan kapasiti 40 juta liter sehari (JLH) yang disalurkan dari Empangan Kahang ke bandar Kluang.

Sesi penyerahan lesen fasiliti kepada SAJSB telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negera (SPAN), YB Dato' Ahmad Faizal Abdul Rahman kepada Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Air Johor Sdn. Bhd. (SAJSB), Haji Mohd Riduan Md Ali.

Deputy Prime Minister concurrently Minister of Energy Transition and Water Transformation (PETRA), YAB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, together with the Menteri Besar Johor, YAB Dato' Onn Hafiz Ghazi, conducted a working visit to the Kahang Water Treatment Plant (LRA). The LRA Kahang, owned by Syarikat Air Johor Sdn. Bhd. (SAJSB), a subsidiary of the PDT group, has been officially operational since April 2024 to meet the water supply needs in Kluang, Johor.

The treatment plant is capable of providing an additional treated water supply with a capacity of 40 million litres per day (MLD), channelled from the Kahang Reservoir to the town of Kluang.

The facility license handover session to SAJSB was officiated by the Chief Executive Officer of SPAN, YB Dato' Ahmad Faizal Abdul Rahman to the Chief Executive Officer of Syarikat Air Johor Sdn. Bhd. (SAJSB), Haji Mohd Riduan Md Ali.

LAWATAN DELEGASI PERBADANAN PEMBANGUNAN LADANG RAKYAT NEGERI KELANTAN (PPLRKN) KE PDT

DELEGATION VISIT FROM PERBADANAN LADANG RAKYAT NEGERI KELANTAN (PPLRKN) TO PDT

PDT telah menerima kunjungan hormat daripada Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan (PPLRKN) pada Oktober 2024. Lawatan ini bertujuan untuk memperkukuh hubungan dua hala antara PDT dan PPLRKN serta berkongsi maklumat mengenai pengurusan dan pentadbiran PDT sebagai entiti Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di Johor.

Delegasi PPLRKN diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Haji Zulkifle Ab Rahman, bersama Ahli Lembaga Pengarah PPLRKN, YB Zameri Mat Nawang dan Tarmizi Abd Rahman, Ketua Pegawai Operasi, Mohd Arpi Arifin, serta barisan pegawai kanan PPLRKN.

PDT received a courtesy visit from Perbadanan Ladang Rakyat Negeri Kelantan (PPLRKN) in October 2024. The visit aimed to strengthen two-sided relations between PDT and PPLRKN and to share information on the management and administration of PDT as a Government-Linked Company (GLC) in Johor.

The PPLRKN delegation was led by Chief Executive Officer Haji Zulkifle Ab Rahman, along with PPLRKN Board Members, YB Zameri Mat Nawang, Tarmizi Abd Rahman, Chief Operating Officer, Mohd Arpi Arifin and senior officials from PPLRKN.





PERISTIWA PENTING 2024 2024 Highlights

HARI INTEGRITI KUMPULAN PDT 2024 PDT GROUP INTEGRITY DAY 2024

Sambutan Hari Integriti Kumpulan PDT 2024 bersempena Hari Integriti Nasional 2024 dengan tema “Teguh Integriti, Kukuh Pertiwi” telah dirasmikan oleh Ahli Jawatankuasa Governance, Risk & Audit Committee (GRAC) PDT, Haji Mohd Khir Johari Salleh.

Majlis ini menyaksikan pelancaran Pensijilan ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management System* (ABMS) bagi memperkukuhkan usaha PDT dalam membudayakan amalan kerja bebas rasuah.

Majlis tersebut turut diserikan dengan sesi ceramah berkaitan kepentingan integriti serta kesedaran dalam memelihara kesejahteraan komuniti yang disampaikan oleh Pegawai Penyiasat, Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Utara, Mohamad Ridhwan Ramli, serta Pengarah Urusan Intellectual Orator Consultant (IOC), Syamsul Amri Ismail atau lebih dikenali sebagai Syamsul Debat.

PDT Group Integrity Day 2024 celebration was held in conjunction with the National Integrity Day 2024 under the theme “Teguh Integriti, Kukuh Pertiwi” and was officiated by PDT’s Governance, Risk & Audit Committee (GRAC) Member, Haji Mohd Khir Johari Salleh.

The event marked the launch of ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ABMS) Certification, reinforcing PDT’s commitment to promote a corruption-free work culture.

The ceremony was further enriched by talks on the importance of integrity and awareness in safeguarding community well-being, delivered by Johor Bahru North IPD’s Commercial Crime Investigation Officer, Mohamad Ridhwan Ramli, and the Managing Director of Intellectual Orator Consultant (IOC), Syamsul Amri Ismail, better known as Syamsul Debat.

PERTANDINGAN PERSAHABATAN BOLING BERSAMA RAKAN MEDIA DAN RAKAN STRATEGIK

FRIENDLY BOWLING TOURNAMENT WITH
MEDIA PARTNERS AND STRATEGIC PARTNERS

PDT telah menganjurkan Pertandingan Persahabatan Boling bersama rakan media dan strategik dengan tujuan mengeratkan hubungan silaturahim antara PDT, EcoWorld Development Group Berhad (EcoWorld), Media Digital Johor (MDJ) serta Kelab Media Johor (KMJ). Seramai 40 orang peserta terlibat dalam pertandingan persahabatan ini.

PDT organised a friendly bowling tournament with media and strategic partners to strengthen ties between PDT, EcoWorld Development Group Berhad (EcoWorld), Media Digital Johor (MDJ) and Kelab Media Johor (KMJ). A total of 40 participants took part in this friendly competition.



Struktur Korporat

Corporate Structure

32-36

Perutusan Pengerusi
Chairman's Message

52-60

Profil Pengurusan Kanan
Senior Management Profile

37-45

**Penyata Korporat Presiden
& Ketua Eksekutif Kumpulan**
*President & Group Chief
Executive's Corporate
Statement*

61-62

Profil Korporat & Perniagaan
Corporate & Business Profile

46-51

Barisan Ahli Lembaga Pengarah
Board of Directors

PERUTUSAN Pengerusi

CHAIRMAN'S MESSAGE

Kejayaan PDT dalam pelbagai sektor strategik membuktikan keupayaan syarikat dalam mengadaptasi serta berkembang dalam persekitaran yang dinamik dan kompetitif.

PDT's success across various strategic sectors demonstrates the company's ability to adapt and thrive in a dynamic and competitive environment.

YAB DATO' ONN HAFIZ BIN GHAZI

Pengerusi
Chairman

Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd.



Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Maju Johor

Alhamdulillah, marilah kita panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua, Permodalan Darul Ta'zim (PDT) terus melangkah maju sebagai sebuah entiti pelaburan strategik milik Kerajaan Negeri Johor. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pemegang berkepentingan, termasuk kerajaan negeri, rakan-rakan strategik serta seluruh warga kerja PDT yang telah menyumbang kepada pencapaian PDT sepanjang tahun 2024.

Alhamdulillah, let us express our gratitude to Allah SWT for His grace and blessings that Permodalan Darul Ta'zim (PDT) continues to advance as a strategic investment entity owned by the Johor State Government. I would like to take this opportunity to extend my deepest appreciation to all stakeholders, including the state government, strategic partners and the entire PDT workforce, who have contributed to PDT's achievements throughout 2024.

PRESTASI DAN PENCAPAIAN

PERFORMANCE AND ACHIEVEMENTS



Tahun 2024 merupakan tahun yang penuh cabaran dan peluang bagi PDT. Meskipun berdepan dengan ketidaktentuan ekonomi global serta perubahan landskap industri, PDT tetap teguh dalam komitmennya untuk mengukuhkan nilai pelaburan dan memperkukuh daya saing di peringkat domestik dan antarabangsa. Kejayaan PDT dalam pelbagai sektor strategik seperti Sektor Air, Kumbahan, Tenaga dan Persekitaran; Sektor Minyak dan Gas; Sektor Infrastruktur dan Hartanah; serta Sektor Perniagaan dan Pelaburan Strategik membuktikan keupayaan syarikat dalam mengadaptasi serta berkembang dalam persekitaran yang dinamik dan kompetitif.

Dalam memastikan kesinambungan pertumbuhan PDT, strategi yang lebih mampan dan berdaya tahan telah dirancang. Fokus utama adalah untuk meneroka peluang pelaburan baharu yang selari dengan aspirasi negeri Johor ke arah pembangunan yang lestari. PDT juga terus komited dalam memperkukuh tadbir urus korporat, meningkatkan kecekapan operasi, serta menerapkan inovasi dalam setiap aspek pengurusan dan pelaburan.

Justeru, syabas diucapkan kepada seluruh pasukan PDT atas kejayaan membangunkan Pelan Strategik PDT (2024-2028). Pelan ini menjadi asas utama dalam usaha PDT memacu pertumbuhan syarikat bagi tempoh lima tahun akan datang, sekali gus memastikan kelangsungan kejayaan serta daya saing yang mampan dalam pelbagai sektor utama.

The year 2024 has been a year filled with both challenges and opportunities for PDT. Despite facing global economic uncertainties and an evolving industrial landscape, PDT remains steadfast in its commitment to strengthening investment value and enhancing competitiveness both domestically and internationally. PDT's success across various strategic sectors, including Water, Wastewater, Energy and Environment; Oil and Gas; Infrastructure and Property; as well as Strategic Business and Investment, demonstrates the company's ability to adapt and thrive in a dynamic and competitive environment.

To ensure the continuity of PDT's growth, more sustainable and resilient strategies have been developed. The primary focus is to explore new investment opportunities aligned with Johor's aspirations for sustainable development. PDT remains committed to strengthening corporate governance, improving operational efficiency and integrating innovation across all aspects of management and investment.

Congratulations to the entire PDT team for successfully developing the PDT Strategic Plan (2024-2028). This plan serves as the foundation for driving the company's growth over the next five years while ensuring sustained success and competitiveness across key sectors.

STRATEGI MASA HADAPAN

FUTURE STRATEGY



Seiring dengan usaha ini, PDT turut komited dalam menzahirkan komitmennya terhadap perancangan Polisi Pembangunan Hijau Negeri Johor (PPHJ) 2030. Polisi ini bakal menjadi pemangkin kepada usaha pembangunan yang lebih lestari, sekali gus memastikan keseimbangan antara kemajuan ekonomi dan kelestarian alam sekitar.

PPHJ 2030 akan menjadi garis panduan utama kepada agensi kerajaan, pemain industri dan para pelabur dalam melaksanakan inisiatif hijau di Johor. Polisi ini juga akan menyokong pelaksanaan agenda Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) yang merangkumi pembangunan mampan, tenaga boleh baharu, ekonomi hijau serta pemuliharaan alam semula jadi.

In line with these efforts, PDT is also committed to realising its support for the Johor Green Development Policy (PPHJ) 2030. This policy will serve as a catalyst for more sustainable development, ensuring a balance between economic progress and environmental conservation.

PPHJ 2030 will be the main guideline for government agencies, industry players and investors in implementing green initiatives across Johor. It will also support the implementation of the Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ) agenda, which includes sustainable development, renewable energy, the green economy and environmental conservation.

PENGHARGAAN DAN HARAPAN

APPRECIATION AND HOPE



Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada barisan Ahli Lembaga Pengarah PDT, pengurusan kanan serta seluruh kakitangan PDT atas dedikasi dan usaha mereka dalam memastikan kejayaan syarikat, yang sekali gus memberi manfaat kepada Kerajaan Negeri Johor. Tidak dilupakan juga para pemegang saham dan rakan strategik yang terus memberikan sokongan dan kepercayaan kepada PDT. Kejayaan ini adalah hasil daripada usaha bersama, dan saya yakin bahawa dengan iltizam serta semangat kerjasama yang tinggi, kita akan terus maju ke hadapan.

Akhir kata, saya menyeru semua pihak untuk terus menyokong dan bekerjasama dengan PDT dalam merealisasikan visi dan misi kita bagi membangunkan Johor sebagai negeri yang progresif dan berdaya saing. Semoga tahun mendatang membawa kejayaan yang lebih besar untuk kita semua.

Sekian, terima kasih.

On this occasion, I would like to express my heartfelt appreciation to the PDT Board of Directors, senior management and all PDT employees for their dedication and hard work in ensuring the company's success, which in turn benefits the Johor state government. I also extend my gratitude to our shareholders and strategic partners for their continued trust and support of PDT. This success is the result of our collective efforts, and I am confident that with strong commitment and collaboration, we will continue to move forward.

Finally, I urge all parties to continue supporting and working together with PDT to realise our vision and mission to develop Johor into a progressive and competitive state. May the coming years bring even greater success for all of us.

Thank you.

PENYATA KORPORAT PRESIDEN DAN KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN PDT

*PRESIDENT AND GROUP CHIEF EXECUTIVE'S
CORPORATE STATEMENT*

PDT terus memperkuat kedudukannya sebagai entiti pelaburan strategik yang berdaya tahan dengan memberi fokus kepada pelaksanaan inisiatif berimpak tinggi, pengurusan sumber yang cekap, serta memperkuat kolaborasi antara anak syarikat kumpulan, agensi kerajaan dan rakan strategik.

PDT continues to reinforce its position as a resilient strategic investment entity by focusing on the execution of high-impact initiatives, efficient resource management and enhanced collaboration among group subsidiaries, government agencies and strategic partners.

DATO' RAMLEE BIN A RAHMAN

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan
President and Group Chief Executive
Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd.



Bismillahirrahmanirrahim,

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT atas peluang dan kekuatan yang dikurniakan dalam memacu agenda pembangunan strategik negeri Johor melalui landasan korporat yang kukuh dan berwawasan. Tahun 2024 telah membuka lembaran baharu yang menuntut ketangkasan dan ketahanan PDT dalam mendepani pelbagai cabaran ekonomi dan operasi.

Di peringkat global, ketidaktentuan ekonomi dan tekanan geopolitik telah memberi kesan langsung terhadap sektor pelaburan dan pembangunan. Dalam konteks domestik pula, syarikat perlu sentiasa peka terhadap keperluan pemegang taruh, perubahan dasar kerajaan, serta dinamik pasaran yang semakin kompleks.

Mengambil kira faktor-faktor ini, PDT telah bertindak secara proaktif dengan memperkukuh sistem pemantauan prestasi, meluaskan rangkaian kerjasama strategik dan mempercepatkan pelaksanaan inisiatif utama di bawah pelan strategik. Keseluruhan usaha ini diterjemahkan melalui pendekatan pengurusan yang berstruktur, pengagihan sumber secara strategik, serta penekanan terhadap nilai mampan dalam setiap keputusan pelaburan dan operasi.

Justeru, PDT terus memperkukuh kedudukannya sebagai entiti pelaburan strategik yang berdaya tahan dengan memberi fokus kepada pelaksanaan inisiatif berimpak tinggi, pengurusan sumber yang cekap, serta memperkukuh kolaborasi antara anak syarikat kumpulan, agensi kerajaan dan rakan strategik.

Bismillahirrahmanirrahim,

All praise and gratitude be to Allah SWT for the opportunity and strength bestowed upon us in driving Johor's strategic development agenda through a strong and visionary corporate platform. The year 2024 marked a new chapter that demanded agility and resilience from PDT in navigating various economic and operational challenges.

At the global level, economic uncertainties and geopolitical tensions have directly impacted investment and development sectors. Domestically, the organisation must remain vigilant to the needs of stakeholders, shifting government policies and the increasingly complex market dynamics.

Taking these factors into account, PDT responded proactively by strengthening its performance monitoring system, expanding its network of strategic partnerships and accelerating the implementation of key initiatives under its strategic plan. These efforts were guided by a structured management approach, strategic allocation of resources and a strong emphasis on sustainable value in every investment and operational decision.

Accordingly, PDT continues to reinforce its position as a resilient strategic investment entity by focusing on the execution of high-impact initiatives, efficient resource management and enhanced collaboration among group subsidiaries, government agencies and strategic partners.

PRESTASI KEWANGAN DAN OPERASI FINANCIAL AND OPERATIONAL PERFORMANCE

Pendapatan Usahasama Joint Venture Income



Tahun 2024 menyaksikan satu pencapaian signifikan buat PDT apabila pendapatan usahasama meningkat sebanyak 100.92%, iaitu RM30,033,598 berbanding RM14,948,048 pada tahun 2023. Lonjakan ini mencerminkan hasil daripada strategi pelaburan yang lebih fokus, kecekapan pengurusan dan usaha berterusan dalam memperkukuh rakan strategik serta struktur pegangan ekuiti dalam syarikat-syarikat usahasama.

Prestasi pendapatan ini juga menunjukkan keupayaan PDT dalam menjana nilai jangka panjang meskipun berdepan suasana ekonomi yang mencabar. Ia turut mencerminkan pendekatan syarikat yang berhemah dan lestari dalam perbelanjaan serta menjana pulangan konsisten kepada pemegang saham.

Selain itu, nisbah penggearing PDT kekal positif dan terus menunjukkan penambahbaikan. Ia memberikan gambaran bahawa kedudukan kewangan syarikat kukuh dan stabil serta mampu menyerap sebarang risiko kewangan masa hadapan. Kejayaan ini secara langsung menyumbang kepada kekuatan modal syarikat dan menjamin daya tahan jangka panjang PDT.

The year 2024 marked a significant achievement for PDT, with joint venture income increasing by 100.92% to RM30,033,598 compared to RM14,948,048 in 2023. This sharp increase reflects the results of a more focused investment strategy, efficient management and continuous efforts to strengthen strategic partnerships and equity structures within joint venture companies.

This financial performance also demonstrates PDT's ability to generate long-term value despite a challenging economic environment. It reflects the company's practical and sustainable approach to spending while delivering consistent returns to shareholders.

In addition, PDT's gearing ratio remained positive and continued to show improvement. This indicates that the company's financial position is strong and stable, with the capacity to absorb potential future financial risks. This success directly contributes to PDT's capital strength and reinforces its long-term resilience.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI)

Pencapaian KPI

KPI Achievement

98%



Pencapaian KPI Tahun 2024 mencatatkan skor cemerlang sebanyak 98%, iaitu peningkatan konsisten berbanding tahun 2023 iaitu 96.6%. Daripada keseluruhan 100% KPI yang ditetapkan, pencapaian ini dinilai berdasarkan enam fokus utama iaitu Projek Berimpak Tinggi, Inisiatif Strategik, Kewangan, Mandat Kerajaan, Sistem Pengurusan dan Operasi, serta Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

Pencapaian KPI yang stabil dan konsisten ini mencerminkan keberkesanan hala tuju strategik PDT serta disiplin dalam pelaksanaan dan pemantauan pelan tindakan. Usaha ini sudah tentunya digerakkan bersama-sama seluruh warga kerja PDT.

The KPI achievement for 2024 recorded an excellent score of 98%, showing a consistent improvement compared to 96.6% in 2023. Out of the total 100% KPI set, this achievement was evaluated based on six main focus areas: High-Impact Projects, Strategic Initiatives, Financial, Government Mandates, Management and Operations System and Corporate Social Responsibility (CSR) Programmes.

This stable and consistent KPI performance reflects the effectiveness of PDT's strategic direction as well as the discipline in executing and monitoring action plans. This effort is undoubtedly driven by the collective commitment of all PDT employees.



Dalam pada itu, PDT terus menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menyokong dan melaksanakan dasar serta aspirasi Kerajaan Negeri Johor. Sepanjang tahun 2024, PDT telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang selaras dengan mandat kerajaan, termasuk penyertaan dalam projek pembangunan strategik dan inisiatif sosial yang memberi impak langsung kepada rakyat. Konsistensi PDT dalam mendukung mandat ini membuktikan peranannya bukan sahaja sebagai pemacu ekonomi, tetapi juga sebagai rakan pembangunan utama kerajaan negeri.

Antara inisiatif utama yang dilaksanakan termasuk penyediaan Polisi Pembangunan Hijau Negeri Johor (PPHJ) yang menjadi rujukan dalam perancangan pembangunan lestari negeri; pemantauan gerak kerja anak syarikat kumpulan terhadap pelaksanaan inisiatif dan prestasi masing-masing bagi memastikan selaras dengan objektif strategik PDT, serta menyelaraskan dan memantau prestasi syarikat usaha sama kerajaan negeri dan sektor swasta yang melibatkan projek-projek berimpak tinggi.

In addition, PDT continues to demonstrate a strong commitment in supporting and implementing the policies and aspirations of the Johor state government. Throughout 2024, PDT executed various initiatives aligned with government mandates, including participation in strategic development projects and social initiatives that deliver direct impact to the people. PDT's consistency in supporting this mandate proves its role not only as an economic driver but also as a main development partner of the state government.

Main initiatives implemented include the preparation of the Johor Green Development Policy (JGDP), which serves as a reference for sustainable development planning in the state; monitoring the work progress of group subsidiaries in the implementation of their respective initiatives and performance to ensure alignment with PDT's strategic objectives and coordinating and monitoring the performance of government-private joint venture companies involved in high-impact projects.

PENILAIAN PRESTASI (PR) SYARIKAT

COMPANY PERFORMANCE REVIEW (PR)

Pencapaian Penilaian Prestasi

Performance Review Achievement

95.1%



Selain KPI, penilaian prestasi juga menjadi penanda aras penting bagi PDT dalam menilai keberkesanan keseluruhan strategi syarikat, tahap akauntabiliti, serta keupayaan melaksanakan mandat dan inisiatif utama dengan cekap dan berimpak tinggi.

Penilaian prestasi adalah hasil daripada keberkesanan pelaksanaan KPI yang dirancang dan disasarkan sepanjang tahun. Dengan pencapaian KPI dan purata keseluruhan penilaian prestasi tahunan sebanyak 95.1% yang direkodkan pada 2024, ini mencerminkan bahawa PDT berjaya mengekalkan tahap pencapaian cemerlang. Penilaian ini turut mengambil kira pelaksanaan menyeluruh terhadap aspek-aspek tadbir urus, kecekapan operasi, serta impak sosial dan alam sekitar.

Berdasarkan tiga kategori utama yang telah digariskan, iaitu Projek Impak Tinggi, Inisiatif Strategik dan Kewangan, PDT telah melaksanakan sebanyak 20 inisiatif meliputi 51 pelan tindakan. Setiap inisiatif telah direka bagi memberi impak langsung terhadap kemampuan dan pencapaian objektif korporat PDT.

Apart from KPIs, Performance Review serves as a benchmark for PDT in assessing the overall effectiveness of the company's strategies, levels of accountability and its capability in executing mandates and main initiatives efficiently and with high impact.

The performance review reflects the effectiveness of KPI implementation planned and targeted throughout the year. With KPI achievements and an overall annual performance review average of 95.1% recorded in 2024, this demonstrates that PDT has successfully maintained an excellent level of performance. The evaluation also considers the comprehensive implementation of governance practices, operational efficiency and social and environmental impact.

Based on the three main categories, which are High-Impact Projects, Strategic Initiatives and Financial, PDT has implemented 20 initiatives involving 51 action plans. Each initiative was designed to directly contribute towards sustainability and the achievement of PDT's corporate objectives.

STRATEGI OPERASI DAN HALA TUJU

OPERATIONAL STRATEGY AND DIRECTION



Melangkah ke hadapan, PDT akan terus memberi tumpuan kepada pelaksanaan Pelan Strategik PDT (2024-2028) yang telah digariskan. Fokus utama termasuk perluasan portfolio pelaburan serta memperkukuh kerjasama strategik dalam pelbagai sektor yang memberikan keuntungan dan manfaat kepada PDT, kerajaan negeri dan rakyat Johor. PDT juga komited untuk memacu inovasi dan kecekapan tadbir urus agar kekal relevan dan berdaya saing dalam landskap ekonomi yang dinamik.

Moving forward, PDT will continue to focus on the implementation of the PDT Strategic Plan (2024–2028) as outlined. Key priorities include the expansion of its investment portfolio and strengthening strategic collaborations across various sectors that generate value and benefits for PDT, the state government and the people of Johor. PDT remain committed to driving innovation and enhancing governance efficiency to stay relevant and competitive within a dynamic economic landscape.



TADBIR URUS KORPORAT CORPORATE GOVERNANCE



Dalam usaha memacu dan menggerakkan hala tuju, PDT komited terhadap amalan tadbir urus korporat yang telus, berintegriti dan berlandaskan prinsip akauntabiliti. Struktur tadbir urus yang mantap menyokong pematuhan dasar serta membina keyakinan para pemegang taruh. Pelaksanaan dasar antirasuah, pelaporan dalaman yang sistematik dan latihan kesedaran integriti dilaksanakan secara berterusan bagi memperkukuh budaya kerja beretika.

Komitmen PDT terhadap amalan tadbir urus korporat yang telus dibuktikan menerusi dua pengiktirafan utama : Pertama, Corporate Integrity System Malaysia (CISM), yang mana PDT diiktiraf oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) sebagai antara 10 syarikat di Malaysia yang mencapai skor 100% dalam usaha wajar sendiri berkaitan tadbir urus. Kedua, MS ISO 37001:2016 ABMS, iaitu pensijilan ISO pertama bagi Kumpulan PDT yang diperolehi secara sendiri melalui SIRIM QAS International.

In driving forward its strategic direction, PDT is committed in upholding corporate governance practices that are transparent, integrity-driven and grounded in the principles of accountability. A strong governance structure supports policy compliance and builds stakeholders confidence. The implementation of anti-corruption policies, systematic internal reporting and ongoing integrity awareness training is continuously carried out to strengthen ethical work culture.

PDT's commitment to transparent corporate governance is reflected through two major recognitions: First, the Corporate Integrity System Malaysia (CISM), in which PDT was recognised by the Malaysian Institute of Integrity (IIM) and the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) as one of the top 10 companies in Malaysia to achieve a 100% score in its self-assessment on governance practices. Second, the MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ABMS) certification, which marks the first ISO certification for the PDT Group achieved independently through SIRIM QAS International.

PENUTUP DAN HARAPAN

CONCLUSION AND OUTLOOK



Menutup tirai tahun 2024, PDT tampil sebagai sebuah organisasi yang lebih matang, strategik dan bersedia menghadapi cabaran masa depan. Kejayaan-kejayaan yang dikecapi bukanlah hasil kerja individu, tetapi cerminan kekuatan kolektif seluruh warga PDT, barisan kepimpinan dan para pemegang taruh yang sentiasa menyokong aspirasi syarikat.

Dengan landasan Pelan Strategik PDT (2024–2028), kita akan terus memperkukuh keupayaan syarikat dalam menjana nilai mampan, menyumbang kepada kesejahteraan rakyat serta mempertingkatkan reputasi korporat di peringkat negeri dan nasional.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada barisan Lembaga Pengarah PDT atas panduan strategik yang berterusan dan kepada seluruh warga PDT yang menjadi pemacu kejayaan syarikat. Marilah kita terus melangkah ke hadapan dengan iltizam dan integriti dalam mengangkat PDT sebagai peneraju pelaburan strategik negeri Johor.

Sekian, terima kasih.

As we close the chapter on 2024, PDT stands as a more mature, strategic and future-ready organisation. The success achieved is not the result of individual efforts, but rather a reflection of the collective strength of the entire PDT workforce, leadership team and stakeholders who continue to support the company's aspirations.

With the foundation of the PDT Strategic Plan (2024–2028), we will continue to strengthen the company's capacity to generate sustainable value, contribute to the well-being of the people and enhance our corporate reputation at both the state and national levels.

I would like to extend my deepest appreciation to the Board of Directors for their continuous strategic guidance and to all PDT employees who remain the driving force behind the company's achievements. Let us continue to move forward with commitment and integrity in elevating PDT as Johor's leading strategic investment arm.

Thank you.



YAB DATO' ONN HAFIZ BIN GHAZI

Pengerusi PDT
Chairman of PDT

Menteri Besar Johor

Dilantik sebagai Pengerusi PDT pada 1 April 2022. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam Ekonomi dan Pengurusan dari Universiti Malaya.

Appointed as the Chairman of PDT on 1 April 2022. He holds a Bachelor's degree in Economics and Management from Universiti Malaya.



YB TAN SRI DATO' DR. HAJI AZMI BIN ROHANI

Setiausaha Kerajaan Johor
Johor State Secretary

Dilantik sebagai Pengarah PDT pada 5 Februari 2015. Beliau berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah) dari Universiti Teknologi Malaysia, Ijazah Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia) dari Universiti Teknologi Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan (Ekonomi dan Pengurusan) (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Appointed as the Director of PDT on 5 February 2015. He holds a Doctor of Philosophy (PhD) in Land Administration and Development from Universiti Teknologi Malaysia; a Master of Science (MSc) in Human Resource Development from Universiti Teknologi Malaysia; and a Bachelor's Degree in Developmental Science (Economics & Management) with Honours from Universiti Kebangsaan Malaysia.



**YB DATO' MOHAMMED RIDHA
BIN DATO' ABD KADIR**

Pegawai Kewangan Negeri Johor
Johor State Financial Officer

Dilantik sebagai Pengarah PDT pada 1 Februari 2020. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dari Universiti Teknologi Malaysia.

Appointed as the Director of PDT on 1 February 2020. He holds a Bachelor's degree in Information Technology from Universiti Teknologi Malaysia.



YB DATO' MOHD JAFNI BIN MD SHUKOR

**Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan
Kerajaan Tempatan Negeri Johor**
Johor Deputy State Secretary (Development)

Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan PDT
Chairman of PDT Investment Committee

Dilantik sebagai Pengarah PDT pada 16 Jun 2023. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian) dari Open University Malaysia.

Appointed as the Director of PDT on 16th June 2023. He holds a Master's degree in Business Administration and a Bachelor's degree in Management (Honours) from Open University Malaysia.



YB TUAN LEE TING HAN

**Pengerusi Jawatankuasa, Pelaburan, Perdagangan,
Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Johor**

*Chairman of Johor Investment, Trade, Consumer
Affairs and Human Resources Committee*

Dilantik sebagai Pengarah PDT pada 1 Jun 2022. Beliau memperoleh Sarjana Undang-Undang dalam Amalan Tadbir Urus Korporat dari University of Cambridge, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Malaya.

Appointed as the Director of PDT on 1 June 2022. He holds a Master in Corporate Governance & Practice from the University of Cambridge, United Kingdom and a Bachelor of Laws from Universiti Malaya.



YB DATO' HAJI ASMAN SHAH BIN ABD. RAHMAN

Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pembangunan)

Johor Deputy State Secretary (Development)

Dilantik sebagai Pengarah PDT pada 1 November 2024. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Chiba, Jepun.

Appointed as the Director of PDT on 1 November 2024. He holds a Bachelor of Economics degree from Chiba University, Japan.



TUAN HAJI MOHAMMED SHAKIB BIN HAJI ALI

Pengarah Tanah dan Galian Johor
Director of Johor Land and Mines

Dilantik sebagai Pengarah PDT pada 1 Februari 2024. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Sosiologi) dari Universiti Sains Malaysia.

Appointed as the Director of PDT on 1 February 2024. He holds a Bachelor's degree in Social Science (Sociology) from Universiti Sains Malaysia.



YB DATO' ISHAK BIN SAHARI

Pengerusi Jawatankuasa Governance, Risk & Audit Committee (GRAC) PDT, Pengarah Bebas
Chairman of PDT Governance, Risk & Audit Committee, Independent Director

Dilantik sebagai Pengarah PDT pada 20 Mei 2014. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya.

Appointed as the Director of PDT on 20 Mei 2014. He holds a Bachelor of Laws (Honours) degree from Universiti Malaya.



YB DATO' RAMLEE BIN A RAHMAN

**Presiden & Ketua Eksekutif (Kumpulan)
Permodalan Darul Ta'zim (PDT)**

*President & Group Chief Executive of
Permodalan Darul Ta'zim (PDT)*

Dilantik sebagai Pengarah PDT pada 1 Januari 2022. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah) dari Universiti Teknologi Malaysia, Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Awam (Kepujian) dari Universiti Utara Malaysia dan menamatkan Program Kepimpinan Berprestasi Tinggi di Universiti Oxford, United Kingdom.

Appointed as the Director of PDT on 1 January 2022. He holds a Master of Science degree (Land Administration and Development) from Universiti Teknologi Malaysia, Bachelor of Public Administration (Honours) from Universiti Utara Malaysia and completed the High-Performance Leadership Programme at the University of Oxford in United Kingdom.



YB DATO' HAJI ASHARI BIN KASNAN

**Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bioteknologi
Dan Biodiversiti Negeri Johor (J'Biotech)**

*Chief Executive Officer of Johor Biotechnology
and Biodiversity Corporation (J'Biotech)*

Dilantik sebagai Pengarah PDT dari 2 Januari 2022 sehingga 1 Oktober 2024. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Hubungan Antarabangsa dan Diplomatik dari University of Keele, Staffordshire, United Kingdom.

Appointed as the Director of PDT on 2 January 2022 and completed his service on 1 October 2024. He holds a Bachelor's degree (Honours) in International Relations and Diplomacy from University of Keele, Staffordshire, United Kingdom.



YB DATO' HAJI SALEHUDDIN BIN HASSAN

Mantan Pegawai Kewangan Negeri Johor
Former Johor State Financial Officer

Beliau telah dilantik sebagai Pengarah PDT pada 1 Mac 2021 hingga 11 Januari 2024. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) dari Universiti Utara Malaysia dan Diploma Pengajian Perbankan dari Universiti Teknologi Mara.

He was appointed as the Director of PDT on 1 March 2021 and completed his tenure on 11 January 2024. He holds a Bachelor of Business Administration (Honors) from Universiti Utara Malaysia and a Diploma in Banking Studies from Universiti Teknologi Mara.



YB DATIN PADUKA DR. HAJAH SUHAILIZAN BINTI SULIMAN

Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (PKPJ)

Chief Executive of Johor Housing Development Corporation (PKPJ)

Beliau telah dilantik sebagai Pengarah PDT pada 1 Februari 2023 hingga 22 Januari 2024. Beliau memperoleh Ijazah Doktor Falsafah Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, Ijazah Sarjana Pentadbiran dan Pembangunan Tanah dari Universiti Teknologi Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

She was appointed as the Director of PDT on 1 February 2023 until 22 January 2024. She holds a Doctor of Philosophy in Land Administration and Development, a Master of Land Administration and Development from Universiti Teknologi Malaysia, and a Bachelor of Laws (Honors) from the Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.



YB DATO' RAMLEE BIN A RAHMAN
Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan
President & Group Chief Executive

Tarikh Lantikan: **1 September 2021**
Date of Appointment: 1 September 2021

Gred Jawatan: **Jusa C (VU7)**
Position (Grade): Jusa C (VU7)

Tarikh Lantikan Pegawai Tadbir Negeri Johor (JCS): **1 April 1992**
Date of Appointment as Johor Civil Service (JCS) Officer: 1 April 1992



Pendidikan
Education

- Sarjana Sains Pentadbiran dan Pembangunan Tanah
Masters in Science Land Administration and Development | **Universiti Teknologi Malaysia (UTM)**
- Sarjana Muda Pentadbiran Awam (Kepujian)
Bachelor of Public Administration (Hons) | **Universiti Utara Malaysia (UUM)**



Program Pendidikan Eksekutif
Executive Education Programs

- Value Creation for Owners and Directors Programme (VCOD) | **INSEAD Executive Education, Fontainebleau, France**
- High Performance Leadership Programme | **Saïd Business School, Oxford University, UK**
- Negotiation Strategies: Building Agreement Across Boundaries | **Harvard Kennedy School, Harvard University, USA**



Pengalaman
Experience

- Presiden & Ketua Eksekutif (Kumpulan)
President & Group Chief Executive | **Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd.**
- Profesor Adjung, Fakulti Pengurusan
Adjunct Professor, Faculty of Management | **Universiti Teknologi Malaysia (UTM)**

Lantikan Atas Jawatan
Directorships

- **Ranhill Utilities Berhad**
Pengarah Bukan Bebas,
Pengarah Bukan Eksekutif
Non-Independent, Non-Executive Director
- **PUJB Capital Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **Johor Economic, Tourism and Cultural Office Singapore Pte. Ltd.**
Pengarah
Director
- **Johor Sustainability Centre Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **PDT Assets Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **PDT Mineral Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **PDT Integrated Services Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **Permodalan Darul Ta'zim (PDT) Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **PDT Holdings Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **Tebrau Indah Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **PDT Veolia Water Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **Johor Centre for Construction Development Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **Syarikat Air Johor Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **Johor Special Water Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **PDT Oil & Gas Services Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **Bagan Pantai Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **Desaru Development Corporation Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **Desaru Development Holdings One Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **Pengerang Independent Terminals Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **Pengerang LNG (Two) Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **Pengerang Terminals (Two) Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director



DZULKIFLY BIN HASSAN
Ketua Pegawai Kewangan
Chief Finance Officer

Tarikh Lantikan: 16 Januari 2014
Date of Appointment: 16 January 2014



Pendidikan
Education

- Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian)
Bachelor's Degree in Accounting with Honours | **Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam**
- Diploma Perakaunan
Diploma in Accountancy | **Universiti Teknologi MARA (UiTM) Segamat**



Keahlian Profesional
Professional Certificate

- Ahli Malaysian Institute of Accountants (MIA)
Member of Malaysian Institute of Accountants (MIA)
- Ahli Jawatankuasa Audit Dalam
Member of Internal Audit Committee | **Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)**



Pengalaman
Experience

- Ketua Pegawai Kewangan
Chief Financial Officer | **Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd.**

Lantikan Atas Jawatan
Directorships

- **The Johor Collection Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **PDT Techniques Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **Desaru Development Corporation Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **Tebrau Indah Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **PDT Holdings Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **PUJB Retail Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **Desaru Development Holdings One Sdn. Bhd.**
Pengarah Gantian
Alternate Director
- **PDT Oil & Gas Services Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director



NOOR' AZMI BIN MD OMAR
Pengarah Eksekutif Pengurusan Sumber & Hal Ehwal Korporat
Executive Director of Resource Management & Corporate Affairs

Tarikh Lantikan: 11 September 2019
Date of Appointment: 11 September 2019

Tarikh Lantikan Pegawai Tadbir Negeri Johor (JCS): 1 Februari 2016
Date of Appointment as Johor Civil Service (JCS) Officer: 11 February 2016



Pendidikan
Education

- Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Pelancongan
Bachelor of Tourism Management (Honours) | **Universiti Teknologi MARA (UiTM)**



Pensijilan Profesional
Professional Certification

- Pegawai Tadbir Negeri Johor (PTNJ)
Johor Civil Service (JCS) Officer | **Intan Kampus Wilayah Selatan (IKWAS)**
- Pengurusan dan Pembangunan Tanah
Land Management and Development | **Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)**
- Kaunseling (Kemahiran Menolong)
Counseling (Helping Skills) | **Universiti Utara Malaysia (UUM)**



Pengalaman
Experience

- Pengarah Eksekutif Pengurusan Sumber & Hal Ehwal Korporat
Executive Director of Resource Management & Corporate Affairs | **Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd.**
- Ketua Pegawai Eksekutif
Chief Executive Officer | **PDT Mineral Sdn. Bhd.**

Lantikan Atas Jawatan
Directorships

- **PDT Assets Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **CJ Development Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **Cahaya Jauhar Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **PDT Holdings Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director



AMBOK NANI BIN MUHAMAD NOR
Pengarah Eksekutif Hartanah & Pengurusan Asset
Property & Asset Management

Tarikh Lantikan: 16 April 2020
Date of Appointment: 16 April 2020

Tarikh Lantikan Pegawai Tadbir Negeri Johor (JCS): 1 November 2016
Date of Appointment as Johor Civil Service (JCS) Officer:

 Pendidikan
Education

- Sarjana Muda Sains (Matematik Industri)
Bachelor of Science (Industrial Mathematics) | **Universiti Teknologi Malaysia (UTM)**

 Pensijilan Profesional
Professional Certification

- Pegawai Tadbir Negeri Johor (PTNJ)
Johor Civil Service (JCS) Officer | **Intan Kampus Wilayah Selatan (IKWAS)**
- Pengurusan dan Pembangunan Tanah
Land Management and Development | **Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)**

 Pengalaman
Experience

- Ketua Pegawai Eksekutif
Chief Executive Officer | **PDT Assets Sdn. Bhd.**
- Ketua Unit, Unit Pengurusan SSI
Head of Unit, SSI Management Unit | **Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor**
- Pengarah Eksekutif Hartanah & Pengurusan Aset
Executive Director of Property & Asset Management | **Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd.**

Lantikan Atas Jawatan
Directorships

- **KPRJ Development Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **PDT Holdings Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director
- **City Centre Transformation (JB) Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director



MOHD FIRDAUS BIN ABD SAMAD
Pengarah Eksekutif Penasihatatan Korporat
Executive Director of Corporate Advisory

Tarikh Lantikan: 16 Januari 2014
Date of Appointment: 16 January 2014



Pendidikan
Education

- | | |
|---|---|
| ■ Sarjana Kewangan Islam
<i>Master in Islamic Finance</i> | INCEIF University
Kuala Lumpur |
| ■ Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) (LLB)
<i>Bachelor of Law (LLB) (Honours)</i> | Universiti Teknologi MARA
(UiTM) Shah Alam |
| ■ Sarjana Muda Pengajian Undang-Undang (Kepujian)
<i>Bachelor of Legal Studies (Honours)</i> | Universiti Teknologi MARA
(UiTM) Shah Alam |
| ■ Diploma Tadbir Urus dan Pematuhan Korporat
<i>Diploma in Corporate Governance and Compliance</i> | Basel Institute on Governance,
Switzerland |
| ■ Asasi Undang-Undang
<i>Foundation in Law</i> | Universiti Teknologi MARA
(UiTM) Kedah |



Program Pendidikan Eksekutif
Executive Education Programs

- | | |
|---|--|
| ■ Value Creation for Owners and Directors Programme (VCOD) | INSEAD Executive Education,
Fontainebleau, France |
| ■ Creating Collaborative Solutions: Innovations in Governance Programme | Harvard University, John F. Kennedy
School of Government, USA |



Pensijilan Profesional
Professional Certification

- | | |
|--|--|
| ■ Perakuan Amalan Setiausaha
<i>License Secretary (LS)</i> | Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) |
| ■ Setiausaha Syarikat Bertauliah (CCS)
<i>Certified Company Secretary (CCS)</i> | Malaysian Association of
Company Secretaries (MACS) |
| ■ Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO)
<i>Certified Integrity Officer (CeIO)</i> | Malaysian Anti-Corruption
Commission (MACC) |



Keahlian Profesional
Professional Membership

- Ahli Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia
Member of the Malaysian Association of Company Secretaries (MACS)
- Ahli Malaysian Institute of Management (MIM)
Member of the Malaysian Institute of Management (MIM)



Pengalaman
Experience

- Pengarah Eksekutif Penasihatankorporat
Executive Director of Corporate Advisory

Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd.

Lantikan Atas Jawatan
Directorships

- **PDT Ascend Sdn. Bhd.**
Pengarah Eksekutif
Executive Director

- **PDT Holdings Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director

- **PDT Assets Sdn. Bhd.**
Pengarah
Director



Ts. AZMAN BIN JAAFAR
Pengarah Eksekutif Pembangunan Strategik
Executive Director of Strategic Development

Tarikh Lantikan: 1 Disember 2014
Date of Appointment: 1 Disember 2014



Pendidikan
Education

- | | |
|--|--|
| ■ Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Kepujian)
<i>Bachelor of Engineering (Civil) with Honours</i> | Universiti Teknologi Malaysia (UTM) |
| ■ Diploma Kejuruteraan Awam
<i>Diploma in Civil Engineering</i> | Universiti Teknologi Malaysia (UTM) |



Program Pendidikan Eksekutif
Executive Education Programs

- | | |
|--|--|
| ■ Creating Collaborative Solutions:
Innovations in Governance Programme | Harvard University, John F. Kennedy
School of Government, USA |
|--|--|



Keahlian Profesional
Professional Membership

- | | |
|---|--|
| ■ Ahli Persatuan Air Malaysia
<i>Member of Malaysian Water Association (MWA)</i> | |
|---|--|



Pensijilan Profesional
Professional Certification

- | | |
|--|---|
| ■ Teknologis Profesional (Ts.)
<i>Professional Technologist (Ts.)</i> | Malaysia Board of Technologists (MBOT) |
| ■ Jurutera Siswazah
<i>Graduate Engineer</i> | Board of Engineers Malaysia (BEM) |



Pengalaman
Experience

- **Pengarah Eksekutif Pembangunan Strategik**
Executive Director of Strategic Development

Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd.

Berperanan dalam melaksanakan penyelidikan bagi kajian projek berimpak tinggi, mengeksplorasi peluang perniagaan baharu dan menggalas tanggungjawab untuk memastikan setiap pembangunan projek yang dilaksanakan oleh PDT berjalan lancar.

Responsible for conducting research on high-impact projects, exploring new business opportunities and ensuring the smooth execution of every development project undertaken by PDT.

Lantikan Atas Jawatan
Directorships

- | | | |
|---|---|---|
| ■ Pengerang LNG Two Sdn. Bhd.
Pengarah Gantian
<i>Alternate Director</i> | ■ Pengerang Independent Terminals Sdn. Bhd.
Pengarah Gantian
<i>Alternate Director</i> | ■ Pengerang Terminals (Two) Sdn. Bhd.
Pengarah Gantian
<i>Alternate Director</i> |
|---|---|---|

Visi Vision

**Menjadi Sebuah Instrumen
Pelaburan Strategik yang Terunggul
bagi Kerajaan Negeri Johor.**

*To become a leading strategic
investment instrument for the
Johor State Government.*

Misi Mission

**Melaksana Aspirasi Kerajaan Negeri
Johor dengan Memaksimumkan
Pulangan Pelaburan dan
Penyampaian Perkhidmatan.**

*To deliver on the aspirations of
Johor's State Government by
maximising investment
returns and service delivery.*

Nilai Teras Core Values

Nilai yang menentukan siapa kita, apa yang kita perjuangkan dan bagaimana kita berkelakuan. Nilai kami adalah asas cara kami menjalankan perniagaan dan menjadikan kami bertanggungjawab untuk melakukan yang terbaik. Ia mengawal tindakan kami dan menentukan kejayaan kami.

Nilai ini dibangunkan oleh kakitangan kami di seluruh peringkat organisasi kami, supaya semua merasakan tanggungjawab peribadi ke arah mewujudkan persekitaran kerja yang hebat.

Our Values define who we are, what we stand for and how we behave. They are the foundation of how we conduct our business and holding us accountable to strive for excellence. Our Values guide our actions and shape our success.

The value is developed by our staff across all levels of our organization, ensuring that all feel a personal responsibility towards creating a great working environment.

**Kerajaan dan Rakyat
adalah Keutamaan Kami**
*The Government & People
are Our Top Priority*

**Usahasama dan Kerjasama
adalah Kejayaan Kami**
*Partnership & Cooperation
are The Key to Our Success*



**Kakitangan adalah
Kekuatan Kami**
*Our Employees are
Our Strength*

**Agama adalah Prinsip
Panduan Kami**
*Religion is Our Core
Guiding Principle*

**Integriti adalah Teras
Profesionalisme Kami**
*Integrity is The Core of
Our Professionalism*

Budaya Korporat Corporate Culture

**Budaya korporat yang menggalakkan kerjasama berpasukan dan
memberi ganjaran kepada prestasi individu dan pasukan**

*A corporate culture that fosters teamwork and rewards both
individual and team performance.*



PEMILIK SYARIKAT

Company Ownership

100%

Dimiliki Oleh
Perbadanan Setiausaha
Kerajaan Negeri Johor (SSI)
Owned by The Johor
State Secretary Incorporated (SSI)



MODAL BERBAYAR

Paid Up Capital

RM

1,000,002



JUMLAH KAKITANGAN

Total of Employees

PDT

5 Pengurusan Management | **19** Eksekutif Executive | **29** Bukan Eksekutif Non-Executive

Anak Syarikat

Subsidiaries

8 Pengurusan Management | **12** Eksekutif Executive | **32** Bukan Eksekutif Non-Executive

PDT memberi fokus kepada empat teras perniagaan iaitu:

PDT focuses on four core business pillars:



Sektor
**Air, Air Kumbahan,
Tenaga &
Persekitaran**
Water, Wastewater,
Energy & Environment
Sector



Sektor
Minyak & Gas
Oil & Gas Sector



Sektor
**Infrastruktur
& Hartanah**
Property
& Infrastructure
Sector



Sektor
**Perniagaan
& Pelaburan
Strategik**
Strategic
Business
& Investment
Sector

Analisis Prestasi Keuangan 2024

2024 Financial Performance Analysis

63-66	Pencapaian Keuangan 2024 2024 Financial Achievements	72	Penyata Pendapatan 2024 2024 Income Statement
67-71	Kenyataan Laporan Juruaudit Bebas Independent Auditors' Statement Report	73-74	Penyata Keuangan 2024 2024 Financial Statement

PENCAPAIAN KEWANGAN 2024

2024 FINANCIAL ACHIEVEMENTS

Pendapatan Kumpulan PDT menurun daripada RM151,515,666 bagi tahun 2023 kepada RM150,450,036 bagi tahun 2024. Sementara itu, pendapatan PDT juga menurun daripada RM51,308,677 pada tahun 2023 kepada RM34,745,200 pada tahun 2024. Margin keuntungan Kumpulan PDT menurun daripada 30.83% pada tahun 2023 kepada 17.82% pada tahun 2024. Manakala, margin keuntungan di peringkat syarikat mencatatkan penurunan, iaitu daripada 56.86% pada tahun 2023 kepada 37.42% pada tahun 2024.

Walau bagaimanapun, penurunan pendapatan dan margin tersebut tidak menggambarkan bahawa prestasi kewangan PDT merudum. Ini disebabkan pada tahun 2023, PDT berjaya memperolehi pendapatan dividen pada jumlah yang tinggi berbanding trend dividen pada tahun-tahun sebelumnya. Jika dilihat daripada aspek prestasi pendapatan usahasama, PDT berjaya memperolehi peningkatan pendapatan usahasama sebanyak 100.92% iaitu RM30,033,598 pada tahun 2024 berbanding RM14,948,048 pada tahun 2023.



Ini membuktikan kecekapan pengurusan syarikat dalam mengawal perbelanjaan dan menjaga keuntungan secara berterusan bagi memastikan syarikat terus kekal berdaya maju setiap tahun. Selain itu, Nisbah penggearing PDT kekal positif dan bertambah baik sekali gus memberikan gambaran kedudukan kewangan syarikat yang kukuh berbanding liabiliti (tanggungan) syarikat. Pencapaian-pencapaian ini telah berupaya menyumbang kepada keutuhan kewangan syarikat secara berterusan untuk tempoh beberapa tahun akan datang.

PDT Group's revenue decreased from RM151,515,666 in 2023 to RM150,450,036 in 2024. Similarly, PDT's individual company revenue also declined from RM51,308,677 in 2023 to RM34,745,200 in 2024. The profit margin of PDT Group decreased from 30.83% in 2023 to 17.82% in 2024. Meanwhile, the company's profit margin also declined from 56.86% in 2023 to 37.42% in 2024.



However, the decrease in revenue and margin does not indicate a deterioration in PDT's financial performance. This is because, in 2023, PDT recorded exceptionally high dividend income compared to the trend in previous years. From the perspective of joint venture income performance, PDT successfully achieved a 100.92% increase, recording RM30,033,598 in 2024 compared to RM14,948,048 in 2023.

This accomplishment the company's management efficiency in controlling expenditures and generating consistent profits to ensure the company remains sustainable year after year. In addition, PDT's gearing ratio remained positive and continued to improve, reflecting a strong financial position relative to the company's liabilities. These achievements have contributed to the company's continued financial resilience for the coming years.

Keuntungan Selepas Cukai
Profit After Tax (PAT)





Pendapatan
Income



Disebabkan pendapatan dividen luar biasa pada tahun 2023
Due to exceptional dividend income in 2023



Jumlah Aset

Total Asset





Jumlah Liabiliti

Total Liability





Jumlah Ekuiti

Total Equity





Margin Keuntungan Selepas Cukai

Profit Margin After Tax



Nisbah Penggearingan

Gearing Ratio



Nisbah Penggearingan kekal positif dan bertambah baik
The gearing ratio remained positive and improved further

KENYATAAN LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

INDEPENDENT AUDITORS' REPORT STATEMENT

Pendapat

Opinion

Kami telah mengaudit penyata kewangan Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd., yang merangkumi penyata kedudukan kewangan terkumpul pada 31 Disember 2024 bagi Kumpulan dan Syarikat, serta penyata pendapatan komprehensif terkumpul, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi Kumpulan dan Syarikat untuk tahun berakhir tersebut, serta nota kepada penyata kewangan, termasuk dasar perakaunan yang penting, seperti yang dinyatakan pada halaman 10 hingga 58.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat setakat 31 Disember 2024, serta prestasi kewangan dan aliran tunainya bagi tahun yang berakhir tersebut mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

We have audited the financial statements of Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd., which comprise the consolidated statement of financial position as of 31 December 2024 for the Group and the Company, as well as the consolidated statement of comprehensive income, the statement of changes in equity and the statement of cash flows for the Group and the Company for the year then ended and notes to the financial statements, including the significant accounting policies, as stated on pages 10 to 58.

In our opinion, the accompanying financial statements give a true and fair view of the financial position of the Company as of 31 December 2024, as well as its financial performance and cash flows for the year then ended in accordance with the Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS), International Financial Reporting Standards (IFRS) and the requirements of the Companies Act 2016 in Malaysia.

Pendapat Asas

Basis For Opinion

Kami telah menjalankan audit berdasarkan piawaian audit yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Audit Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian ini diterangkan dengan lebih lanjut dalam bahagian Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan dalam laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami peroleh adalah mencukupi dan sesuai untuk menjadi asas kepada pendapat kami.

We conducted our audit in accordance with approved standards on auditing in Malaysia and International Standards on Auditing. Our responsibilities under those standards are further explained in the Auditors' Responsibilities for the Audit of the Financial Statements section of this report. We believe that the audit evidence we have obtained is sufficient and appropriate to provide a basis for our opinion.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Independence and Other Ethical Responsibilities

Kami bebas daripada Syarikat ini selaras dengan Peraturan (mengenai Etika Profesional, Tatakelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Peraturan") serta Kod Etika Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa bagi Akauntan Profesional (Kod IESBA). Kami juga telah memenuhi tanggungjawab etika lain seperti yang ditetapkan dalam Peraturan dan Kod IESBA.

We are independent of the Company in accordance with the By-Laws (on Professional Ethics, Conduct and Practice) of the Malaysian Institute of Accountants ("By-Laws") and the International Ethics Standards Board for Accountants' Code of Ethics for Professional Accountants (IESBA Code). We have also fulfilled our other ethical responsibilities in accordance with the By-Laws and the IESBA Code.

Maklumat Lain Selain Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Information Other than the Financial Statements and Auditors' Report Thereon

Pengarah Syarikat bertanggungjawab ke atas maklumat lain selain daripada penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat serta laporan juruaudit kami ke atasnya. Maklumat lain ini merangkumi Laporan Pengarah dan Pernyataan oleh Pengarah, tetapi tidak termasuk penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat serta laporan juruaudit kami.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak merangkumi maklumat lain tersebut, dan kami tidak memberikan sebarang bentuk jaminan terhadapnya.

Dalam melaksanakan audit penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain ini dan mempertimbangkan sama ada terdapat ketidakkonsistenan material dengan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat atau maklumat yang diperoleh daripada audit. Jika terdapat sebarang perkara yang perlu dilaporkan, kami akan menyatakannya. Bagaimanapun, kami tidak mempunyai sebarang perkara untuk dilaporkan dalam hal ini.

The Directors of the Company are responsible for the other information besides the financial statements of the Group and the Company and our auditor's report thereon. The other information comprises the Directors' Report and the Statement by Directors, but does not include the financial statements of the Group and the Company and our auditor's report.

Our opinion on the Group's and the Company's financial statements does not cover the other information and we do not express any form of assurance thereon.

In connection with our audit of the Group's and the Company's financial statements, our responsibility is to read the other information and, in doing so, consider whether the other information is materially inconsistent with the financial statements of the Group and the Company or with the knowledge obtained in the audit. If, based on the work we have performed, we conclude that there is a material misstatement of this other information, we are required to report that fact. However, we have nothing to report in this regard.

Tanggungjawab Pengarah terhadap Penyata Kewangan

Responsibilities of the Directors for the Financial Statements

Pengarah Syarikat bertanggungjawab untuk menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang memberikan gambaran yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia. Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang dianggap perlu bagi memastikan penyata kewangan bebas daripada kesilapan material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, pengarah bertanggungjawab menilai keupayaan Syarikat untuk meneruskan operasi sebagai entiti berterusan (going concern), serta mendedahkan sebarang perkara berkaitan jika berkenaan. Kecuali jika pengarah berniat untuk membubarkan Syarikat atau menghentikan operasinya, atau tidak mempunyai alternatif lain yang realistik, asas perakaunan entiti berterusan akan digunakan.

The Directors of the Company are responsible for the preparation of the financial statements of the Group and the Company that give a true and fair view in accordance with the Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) and the requirements of the Companies Act 2016 in Malaysia. The Directors are also responsible for such internal control as they determine necessary to ensure that the financial statements are free from material misstatement, whether due to fraud or error.

In preparing the financial statements of the Group and the Company, the Directors are responsible for assessing the Company's ability to continue as a going concern, as well as disclosing any related matters, if applicable. Unless the Directors intend to liquidate the Company or to cease operations, or have no realistic alternative but to do so, the going concern basis of accounting shall be used.

Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan

Auditors' Responsibilities for the Audit of the Financial Statements

Objektif kami adalah untuk mendapatkan jaminan yang munasabah bahawa penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat secara keseluruhan bebas daripada kesilapan material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami.

Jaminan yang munasabah bermaksud tahap kepastian yang tinggi, tetapi bukan jaminan mutlak bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian audit yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Audit Antarabangsa akan sentiasa mengesan kesilapan material jika ia wujud. Kesilapan material boleh berlaku akibat penipuan atau kesilapan, dan dianggap material jika secara individu atau secara agregat, ia boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna berdasarkan penyata kewangan tersebut. Sebagai sebahagian daripada audit, kami:-

Our objective is to obtain reasonable assurance about whether the financial statements of the Group and the Company as a whole are free from material misstatement, whether due to fraud or error and to issue an auditor's report that includes our opinion.

Reasonable assurance is a high level of assurance, but is not a guarantee that an audit conducted in accordance with approved standards on auditing in Malaysia and International Standards on Auditing will always detect a material misstatement when it exists. Misstatements can arise from fraud or error and are considered material if, individually or in aggregate, they could reasonably be expected to influence the economic decisions of users taken on the basis of these financial statements. As part of an audit, we:

- Mengenal pasti dan menilai risiko kesilapan material dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, serta mereka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang sesuai untuk menangani risiko tersebut.
- Memahami kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk mereka bentuk prosedur audit yang sesuai, tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Syarikat.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan serta kewajaran anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Pengarah.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas entiti berterusan oleh Pengarah, dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, menentukan sama ada terdapat ketidakpastian material berkaitan dengan keadaan yang boleh memberikan keraguan terhadap kemampuan Syarikat untuk meneruskan operasi. Jika terdapat ketidakpastian material, kami akan menarik perhatian terhadap pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan atau mengubah pendapat kami jika pendedahan tersebut tidak mencukupi.
- Menilai keseluruhan penyampaian, struktur, dan kandungan penyata kewangan, termasuk pendedahan yang dibuat, bagi memastikan penyata kewangan menggambarkan transaksi dan peristiwa secara tepat dan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Pengarah mengenai perkara yang berkaitan dengan skop dan masa audit, serta penemuan audit yang signifikan, termasuk sebarang kekurangan ketara dalam kawalan dalaman yang telah dikenal pasti.

- *Identify and assess the risks of material misstatement in the financial statements of the Group and the Company, whether due to fraud or error and design and perform audit procedures responsive to those risks.*
- *Obtain an understanding of internal control relevant to the audit in order to design audit procedures that are appropriate in the circumstances, but not for the purpose of expressing an opinion on the effectiveness of the Company's internal control.*
- *Evaluate the appropriateness of accounting policies used and the reasonableness of accounting estimates and related disclosures made by the Directors.*
- *Conclude on the appropriateness of the Directors' use of the going concern basis of accounting and based on the audit evidence obtained, determine whether a material uncertainty exists related to events or conditions that may cast significant doubt on the Company's ability to continue as a going concern. If we conclude that a material uncertainty exists, we are required to draw attention in our auditor's report to the related disclosures in the financial statements or, if such disclosures are inadequate to modify our opinion.*
- *Evaluate the overall presentation, structure and content of the financial statements, including the disclosures, to ensure that the financial statements represent the underlying transactions and events in a manner that gives a true and fair view.*

We communicate with the Directors regarding, among other matters, the planned scope and timing of the audit and significant audit findings, including any significant deficiencies in internal control that we identify during our audit.

Perkara Lain

Other Matters

Laporan ini disediakan khusus untuk ahli-ahli Syarikat secara kolektif mengikut Seksyen 266 Akta Syarikat 2016 di Malaysia, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain atas kandungan laporan ini.

This report is made solely to the members of the Company, as a body, in accordance with Section 266 of the Companies Act 2016 in Malaysia and for no other purpose. We do not assume responsibility to any other person for the content of this report.

SALIHIN

AF 1426

AKAUNTAN BERTAULIAH

CHARTERED ACCOUNTANTS

Tarikh: 22 Februari 2025

Date: 22 February 2025

Johor, Malaysia

KUZAIMI BIN ABDULLAH

NO. 02417/04/2025 J

CHARTERED ACCOUNTANT

	Kumpulan Group		Syarikat Company	
	2024 (RM)	2023 (RM)	2024 (RM)	2023 (RM)
Pendapatan Income	132,030,444	131,039,074	34,330,499	51,049,494
Kos Operasi Operating Cost	(68,130,533)	(54,155,258)	-	-
Untung Kasar Gross Profit	63,899,911	76,883,816	34,330,499	51,049,494
Pendapatan Operasi Lain Other Operating Income	18,345,806	17,579,302	414,701	259,183
Perbelanjaan Pentadbiran Administrative Expenses	(48,776,387)	(43,758,662)	(19,968,396)	(21,122,748)
Keuntungan daripada Operasi Profit from Operation	33,469,330	50,704,456	14,776,804	30,185,929
Pendapatan Pelaburan Investment Income	73,786	2,897,290	-	-
Kos Kewangan Financial Cost	(863,182)	(706,770)	(215,484)	(211,120)
Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat Profit Before Tax and Zakat	32,679,934	52,894,976	14,561,320	29,974,809
Zakat Zakat	(953,670)	(713,357)	(600,000)	(644,536)
Keuntungan Sebelum Cukai dan Selepas Zakat Profit Before Tax and After Zakat	31,726,264	52,181,619	13,961,320	29,330,273
Perbelanjaan Cukai Tax Expenses	(4,917,555)	(5,472,733)	(960,091)	(155,534)
Keuntungan Tahun Ini This Year's Profit	26,808,709	46,708,886	13,001,229	29,174,739
Keuntungan Diatribut kepada: Profit Attributed to:				
Pemilik Syarikat Company Owner	23,675,234	41,493,278	13,001,229	29,174,739
Kepentingan Tidak Mengawal Non-controlling Interests	3,133,475	5,215,608	-	-
	26,808,709	46,708,886	13,001,229	29,174,739

	Kumpulan Group		Syarikat Company	
	2024 (RM)	2023 (RM)	2024 (RM)	2023 (RM)
Aset Assets				
Asset Bukan Semasa Non-Current Assets				
Harta Tanah, Loji & Peralatan Property, Plant & Equipment	54,957,583	49,956,567	21,556,481	41,636,397
Hak Penggunaan Aset Right-of-use Assets	508,521	119,513	-	-
Aset Tidak Ketara Intangible Assets	3,800	5,000	-	-
Pelaburan dalam Anak Syarikat Investment in Subsidiaries	-	-	1,200,211	1,200,209
Pelaburan Syarikat Bersekutu Investment in Associates	2,000,004	2,000,006	8,000,003	8,000,005
Goodwill Goodwill	334,840,112	334,840,112	-	-
Aset kewangan Lain Other Financial Assets	57,264,592	41,006,358	57,264,592	41,006,358
Perdagangan & Penghutang Trade & Debtors	24,275,643	24,275,643	-	-
Jumlah Aset Bukan Semasa Total Non-Current Assets	473,850,255	452,203,199	88,021,287	91,824,969
Aset Semasa Current Assets				
Inventori Inventories	633,422	370,114	-	-
Perdagangan & Penghutang Lain Trade & Receivables	44,489,304	10,829,326	34,859,864	8,372,898
Deposit & Bayaran Pendahuluan Deposit & Advance Payment	661,143	821,144	432,176	353,312
Jumlah Hutang daripada Anak Syarikat Total Debt from Subsidiaries	-	-	29,590,086	10,931,279
Aset Kewangan Lain Other Financial Assets	4,537,890	13,556,741	-	-
Tunai & Kesetaraan Tunai Cash & Cash Equivalents	87,604,508	89,252,573	40,107,210	52,206,951
Cukai Boleh Diperolehi Recoverable Tax	833,253	105,875	-	-
	138,759,520	114,935,773	104,989,336	71,864,440
Jumlah Aset Semasa Total Current Assets	138,759,520	114,935,773	104,989,336	71,864,440
Jumlah Aset Total Assets	612,609,775	567,138,972	193,010,623	163,707,409

	Kumpulan Group		Syarikat Company	
	2024 (RM)	2023 (RM)	2024 (RM)	2023 (RM)
Ekuiti dan Liabiliti <i>Equity and Liabilities</i>				
Ekuiti Yang Boleh Diatributkan Kepada Pemegang Ekuiti Syarikat <i>Equity Attributable to Company's Equity Holders</i>				
Modal Saham <i>Share Capital</i>	1,000,002	1,000,002	1,000,002	1,000,002
Rizab Nilai Saksama <i>Fair Value Reserve</i>	13,758,605	(2,080,006)	13,758,605	(2,080,006)
Rizab Penilaian Semula <i>Revaluation Reserve</i>	12,851,268	12,851,268	12,851,268	12,851,268
Untung Tertahan <i>Retained Profits</i>	522,626,496	500,479,865	144,152,129	131,150,900
	550,236,371	512,251,129	171,762,004	142,922,164
Kepentingan Tidak Mengawal <i>Non-Controlling Interest</i>	12,878,306	9,741,815	-	-
Jumlah Ekuiti <i>Total Equity</i>	563,114,677	521,992,944	171,762,004	142,922,164
Liabiliti Bukan Semasa <i>Non-Current Liabilities</i>				
Liabiliti Pajakan <i>Lease Liabilities</i>	886,393	520,626	438,375	310,590
Peminjaman <i>Borrowings</i>	8,414,775	6,518,372	4,068,888	4,368,816
Sewa Pajakan Tanah Diterima Lebih Awal <i>Land Lease Rent Received in Advance</i>	3,831,692	3,930,520	3,831,692	3,930,520
Liabiliti Cukai Tertunda <i>Deferred Tax Liabilities</i>	-	21,140	-	-
Lain-lain Liabiliti Tertunda <i>Other Pending Liabilities</i>	3,420,764	3,420,764	-	-
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa <i>Total Non-Current Liabilities</i>	16,553,624	14,411,422	8,338,955	8,609,926
Liabiliti Semasa <i>Current Liabilities</i>				
Perdagangan & Hutang Lain <i>Trade & Other Debt</i>	17,015,339	14,309,420	8,004,184	8,138,540
Jumlah Hutang kepada Perbadanan <i>Total Debt to Corporation</i>	1,882,276	3,743,538	1,882,276	3,743,538
Liabiliti Pajakan <i>Lease Liabilities</i>	377,214	266,707	88,424	44,960
Peminjaman <i>Borrowings</i>	664,652	4,409,831	264,600	221,884
Lain-lain Liabiliti Tertunda <i>Other Pending Liabilities</i>	887,329	2,357,319	-	-
Pendapatan Tertunda <i>Pending Income</i>	10,841,480	5,568,320	1,900,000	-
Liabiliti Cukai Semasa <i>Current Tax Liabilities</i>	1,273,184	79,471	770,180	26,397
Jumlah Liabiliti Semasa <i>Total Current Liabilities</i>	32,941,474	30,734,606	12,909,664	12,175,319
Jumlah Liabiliti <i>Total Liabilities</i>	49,495,098	45,146,028	21,248,619	20,785,245
Jumlah Ekuiti & Liabiliti <i>Total Equity & Liabilities</i>	612,609,775	567,138,972	193,010,623	163,707,409

Analisis Keberhasilan Utama

Key Result Analysis

75-106

Teras Perniagaan 1:

Core Business 1:

Sektor Air, Air Kumbahan, Tenaga & Persekitaran

*Water, Wastewater,
Energy & Environment Sector*

107-110

Teras Perniagaan 2:

Core Business 2:

Sektor Minyak & Gas

Oil & Gas Sector

111-116

Teras Perniagaan 3:

Core Business 3:

Sektor Infrastruktur & Hartanah

Infrastructure & Property Sector

117-119

Teras Perniagaan 4:

Core Business 4:

Sektor Perniagaan & Pelaburan Strategik

*Strategic Business &
Investment Sector*

SEKTOR AIR, AIR KUMBAHAN, TENAGA & PERSEKITARAN

WATER, WASTEWATER, ENERGY AND ENVIRONMENT SECTOR

PDT telah diberikan mandat dan tanggungjawab oleh kerajaan negeri sebagai **peneraju utama** dalam **pembangunan sektor air, air kumbahan, tenaga dan persekitaran** di negeri Johor.

PDT has been mandated by the state government as the **leading agency** in the **development of the water, wastewater, energy and environment sectors** in the **state of Johor**.



Air
Water

Pembinaan Loji Rawatan Air Kahang

Construction of the Kahang Water Treatment Plant

Persidangan Singapore International Water Week (SIWW)

Singapore International Water Week (SIWW) Conference

Lawatan ke Air Selangor

Visit to Air Selangor



Air Kumbahan
Wastewater

Pembekal Air Alternatif bagi Pembangunan Pusat Data

Alternative Water Supply Provider for Data Centre Development



Tenaga
& Persekitaran
Energy
& Environment

Pemasangan Panel Solar melalui Supply Agreement Renewable Energy (SARE)

Installation of Solar Panels through the Supply Agreement Renewable Energy (SARE)

Polisi Pembangunan Hijau Negeri Johor 2030

Johor Green Development Policy 2030

Program Rintis Kenderaan Elektrik

Pilot Programme for Electric Vehicles

PEMBINAAN LOJI RAWATAN AIR KAHANG CONSTRUCTION OF THE KAHANG WATER TREATMENT PLANT (WTP)

Kapasiti Loji Plant Capacity

40 MLD
Juta Liter Sehari
Million Litres Per Day

Kos Projek Project Cost

RM **127.2** Juta
Million

Aplikasi Teknologi Technology Applied

 **Dissolved Air Flotation (DAF)**

Pelaksanaan Projek Project Implementation

Fasa 1: Siap Pada Phase 1 Completed on 30.8.2018	Fasa 2: Siap Pada Phase 2 Completed on 28.8.2024
--	--

Pengoperasian Loji Plant Operation

 **20.4.2024**



Projek pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Kahang bagi mengatasi krisis bekalan air terawat dan persediaan dalam menghadapi musim kemarau yang dialami oleh pengguna di daerah Kluang dan sekitarnya telah dilaksanakan oleh Konsortium PDT - Asia Baru secara berperingkat sejak tahun 2018 menerusi pembiayaan Kerajaan Negeri Johor sepenuhnya.

Pada Ogos 2024, projek ini telah berjaya disiapkan untuk diserahkan kepada Kerajaan Negeri Johor dan seterusnya diambil alih pemilikannya oleh Syarikat Air Johor Sdn. Bhd. (SAJSB), anak syarikat kumpulan PDT. Projek ini telah beroperasi sejak 20 April 2024 bagi memenuhi keperluan bekalan air di daerah Kluang,

The construction project of the Kahang Water Treatment Plant (LRA Kahang) aims to address the treated water supply crisis and prepare for the dry season affecting consumers in the Kluang district and its surrounding areas has been implemented in phases by the PDT - Asia Baru Consortium since 2018, fully funded by the Johor state government.

In August 2024, this project was successfully completed and handed over to the Johor state government, subsequently coming under the ownership of Syarikat Air Johor Sdn Bhd (SAJSB), a subsidiary of the PDT Group. The project has been operational since 20 April 2024 to meet the water supply needs of the Kluang district, Johor.

Lawatan Kerja Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga & Transformasi Air (PETRA)

*Official Visit from the Deputy Prime Minister
and Minister of Energy Transition and
Water Transformation (PETRA)*



Pada September 2024, LRA Kahang telah menerima lawatan kerja daripada Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), YAB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof bersama-sama Menteri Besar Johor, YAB Dato' Onn Hafiz Ghazi.

Turut hadir ialah Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi Negeri Johor, YB Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli Salleh; Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Johor, YB Tuan Lee Ting Han; serta Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pembangunan), YB Dato' Haji Ashari Kasnan.



In September 2024, the Kahang Water Treatment Plant (LRA Kahang) received an official visit from the Deputy Prime Minister, concurrently Minister of Energy Transition and Water Transformation (PETRA), YAB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, accompanied by Menteri Besar of Johor, YAB Dato' Onn Hafiz Ghazi.

Also present were the Chairman of the Johor State Committee for Public Works, Transport, Infrastructure and Communications, YB Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli Salleh; Chairman of the Johor State Committee for Investment, Trade, Consumer Affairs, and Human Resources, YB Tuan Lee Ting Han; and Deputy Secretary of the Johor State Government (Development), YB Dato' Haji Ashari Kasnan.

Sesi Penyerahan Lesen Fasiliti kepada SAJSB

*Facility Licence Handover
Ceremony to SAJSB*



Pada masa yang sama, sesi penyerahan lesen fasiliti kepada SAJSB turut diadakan dan disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), YB Dato' Ahmad Faizal Abdul Rahman kepada Ketua Pegawai Eksekutif SAJSB, Haji Mohd Riduan Md Ali. Lesen ini penting untuk pengawalan dan pengawasan operasi air bermula dari sumbernya sehingga ke titik penggunaan bagi menjamin kelestarian dan kualiti bekalan air.

At the same time, a ceremony for the handover of the facility licence to SAJSB was held, completed by the Chief Executive Officer of the National Water Services Commission (SPAN), YB Dato' Ahmad Faizal Abdul Rahman to the Chief Executive Officer of SAJSB, Tuan Haji Mohd Riduan Md Ali. This licence is crucial for the regulation and monitoring of water operations from its source to the point of consumption, ensuring sustainability and quality of supply.



Sesi Penyerahan Projek LRA Kahang kepada SAJSB

*Kahang Water Treatment Plant
Project Handover Session to SAJSB*

Pada akhir 2024, projek LRA Kahang telah diserahkan secara rasmi oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pembangunan), YB Dato' Haji Asman Shah Abd. Rahman kepada SAJSB. Loji ini mampu menyediakan bekalan air terawat dengan kapasiti 40 juta liter sehari (MLD) yang disalurkan dari Empangan Kahang ke Bandar Kluang.

By the end of 2024, the Kahang Water Treatment Plant project was officially handed over by the Deputy Secretary of the Johor State Government (Development), YB Dato' Haji Asman Shah Abd. Rahman, to SAJSB. The plant has the capacity to supply 40 million litres per day (MLD) of treated water, channelled from Kahang Dam to Kluang Town.

PERSIDANGAN SINGAPORE INTERNATIONAL WATER WEEK SINGAPORE INTERNATIONAL WATER WEEK CONFERENCE



Singapore International Water Week (SIWW) 2024 merupakan salah satu platform di peringkat global yang dikhususkan untuk perkongsian kepakaran serta mencari penyelesaian berkenaan isu-isu air serta cabaran iklim. Acara dwitahunan ini bertujuan menghimpunkan pihak berkepentingan dari industri air antarabangsa untuk berkongsi pandangan, teknologi terkini dan penerokaan peluang perniagaan baharu.

Bersempena dengan SIWW 2024, *US Water Partnership WISE Programme* telah menganjurkan Sesi Temu Mesra bertujuan bagi memperkukuh kerjasama antara AS-ASEAN dalam usaha meningkatkan keselamatan air. Sesi tersebut turut disertai oleh Ketua Pegawai Eksekutif SAJSB, Haji Mohd Riduan Md. Ali; Ketua Pegawai Kewangan PDT, Dzulkifly Hassan dan Pengarah Eksekutif Pembangunan Strategik PDT, Ts. Azman Jaafar.

Singapore International Water Week (SIWW) 2024 is one of the global platforms dedicated to sharing expertise and finding solutions to water issues and climate challenges. This biennial event aims to bring together stakeholders from the international water industry to share insights, the latest technologies and explore new business opportunities.

In conjunction with SIWW 2024, the US Water Partnership WISE Programme organised a Meet-and-Greet Session aimed at strengthening cooperation between the US and ASEAN in enhancing water security. The session was also attended by the Chief Executive Officer of SAJSB, Haji Mohd Riduan Md. Ali; Chief Financial Officer of PDT, Dzulkifly Hassan; and Executive Director of Strategic Development at PDT, Ts. Azman Jaafar.

Utilities CEO Roundtable (UCR)



UCR merupakan acara undangan eksklusif kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan wakil agensi utiliti air yang diadakan sempena SIWW 2024. UCR dipengerusikan oleh Ketua Eksekutif PUB, Ong Tze Chin, bagi membincangkan isu dan topik penting berkaitan air dan perubahan iklim seperti *water circularity* dan *net zero*.

PUB merupakan agensi Air Kebangsaan Singapura. Lebih 50 Ketua Pegawai Eksekutif serta wakil agensi utiliti air dari seluruh dunia telah menghadiri acara ini termasuk delegasi PDT.

UCR is an exclusive invitation-only event for Chief Executive Officers and representatives of water utility agencies, held in conjunction with SIWW 2024. UCR was chaired by the Chief Executive of PUB, Ong Tze Chin to discuss key issues and topics related to water and climate change, such as water circularity and net zero.

PUB is Singapore's National Water Agency. More than 50 Chief Executive Officers and representatives from water utility agencies worldwide attended the event, including the PDT delegation.



Emerging Utility Leaders Summit



Sebagai peneraju dalam pembangunan sektor air di Johor, PDT telah diundang untuk menyertai Sidang Kemuncak *Emerging Utility Leaders Summit (EULS)* yang diadakan di Sands Expo & Convention Centre, Singapura, bersempena SIWW 2024.

EULS merupakan salah satu program utama di bawah SIWW 2024 tajaan AECOM, bertujuan menghimpunkan pelbagai kepakaran dan pengetahuan dari seluruh dunia bagi menangani isu air global serta membuka peluang jalinan kerjasama antarabangsa bersama syarikat-syarikat utiliti air.

As a leader in the development of the water sector in Johor, PDT was invited to participate in the Emerging Utility Leaders Summit (EULS), held at the Sands Expo & Convention Centre, Singapore, in conjunction with SIWW 2024.

EULS is one of the key programmes under SIWW 2024, sponsored by AECOM, aimed at bringing together expertise and knowledge from around the world to address global water issues while fostering international collaborations with water utility companies.



Persidangan kemuncak tersebut turut mengadakan sesi pleno dan perbincangan kumpulan yang menjadi platform untuk para peserta membincangkan pelbagai topik penting mengenai industri air dan perubahan iklim secara lebih mendalam. Penyertaan PDT dalam persidangan kemuncak ini membuktikan kepentingan peranan PDT dalam industri air di peringkat serantau mahupun antarabangsa.



The summit also featured plenary sessions and group discussions, providing a platform for participants to explore critical topics related to the water industry and climate change in greater depth. PDT's participation in this summit highlights its significant role in the water industry, both regionally and internationally.

LAWATAN PENANDA ARAS KE AIR SELANGOR BENCHMARKING VISIT TO AIR SELANGOR



PDT, bersama Syarikat Air Johor Sdn. Bhd. (SAJSB) telah mengadakan lawatan penanda aras ke Ibu Pejabat Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) yang bertujuan membina kerjasama strategik bersama pihak berkepentingan serta meneroka potensi kerjasama dalam industri air pada masa hadapan.

Sesi lawatan tersebut melibatkan Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih 2 dan Loji Pemulihan Air Setia Alam, yang turut dihadiri oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi Negeri Johor, YB Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli Mohamad Salleh; Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PDT, Dato' Ramlee A Rahman; Ketua Pegawai Eksekutif SAJSB, Haji Riduan Md Ali; Pengarah Badan Kawal Seliair Air Johor (BAKAJ), Azlan Afandi Saufee Afandi; Pengarah Projek Johor Special Water (JSW) Haji Isa Abu Bakar; dan Ketua Seksyen Penyelenggaraan Loji Ranhill SAJ (RSAJ), Abd Halim Suparman.

PDT, together with its subsidiary, Syarikat Air Johor Sdn. Bhd. (SAJSB) conducted a benchmarking visit to the Air Selangor Headquarters with the aim of establishing strategic cooperation with stakeholders to explore potential collaborations in the water industry for the future.

The visit to the Semenyih 2 Water Treatment Plant (WTP) and Setia Alam Water Reclamation Plant was also attended by the Johor State Public Works, Transport, Infrastructure and Communications Committee Chairman, YB Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli Mohamad Salleh; PDT President and Group Chief Executive, Dato' Ramlee A Rahman; SAJSB Chief Executive Officer, Haji Riduan Md Ali; Johor Water Regulatory Body (BAKAJ) Director, Azlan Afandi Saufee Afandi; Johor Special Water (JSW) Project Director, Haji Isa Abu Bakar; and Ranhill SAJ (RSAJ) Head of Plant Maintenance Section, Abd Halim Suparman.

Loji Pemulihan Air

Water Reclamation Plant, WRP

Kapasiti

Capacity

4 MLD

@ Setia Alam



Dalam langkah proaktif untuk memajukan inisiatif pemulihan air, Air Selangor telah menjalin kerjasama strategik bersama Indah Water Konsortium dengan menubuhkan Central Water Reclamation Sdn. Bhd. (CWR). CWR bertanggungjawab untuk memiliki, mengendalikan dan menyelenggara loji pemulihan air (*water reclamation plant, WRP*) dengan kapasiti 4 MLD di Setia Alam.

WRP ini dilengkapi dengan teknologi canggih bagi memastikan pengeluaran air yang dirawat (bukan untuk tujuan minum), dapat memenuhi piawaian industri yang ketat, sekali gus membolehkan penggunaan secara selamat dalam pelbagai proses industri.

Menerusi lawatan ini, PDT berpeluang melihat proses rawatan air, teknologi pemulihan air dan pemindahan ilmu, serta amalan terbaik dalam industri air. Air Selangor memberi fokus kepada pengadaptasian teknologi moden seperti sistem automasi *digital twin*, iaitu pengurusan sumber air alternatif bagi menghadapi isu kekurangan sumber air akibat pencemaran dan perubahan iklim dengan pembangunan sistem *Off River Storage (ORS)* & *Hybrid Of River Augmentation System (HORAS)*.



As a proactive step towards advancing water reclamation initiatives, Air Selangor has established a strategic partnership with Indah Water Konsortium by forming Central Water Reclamation Sdn. Bhd. (CWR). CWR is responsible for owning, operating and maintaining a 4 MLD capacity water reclamation plant (WRP) in Setia Alam.

This WRP is equipped with advanced technology to ensure that the treated water output (not for drinking purposes) meets stringent industrial standards, enabling its safe use in various industrial processes.

Through this visit, PDT had the opportunity to observe the water treatment process, water reclamation technology and knowledge transfer, as well as best practices in the water industry. Air Selangor focuses on adapting modern technology, such as the digital twin automation system, which manages alternative water resources to address water shortages caused by pollution and climate change through the development of the Off River Storage (ORS) and Hybrid Off River Augmentation System (HORAS).

PEMASANGAN SOLAR MELALUI SUPPLY AGREEMENT RENEWABLE ENERGY (SARE)

INSTALLATION OF SOLAR PANELS THROUGH THE SUPPLY AGREEMENT RENEWABLE ENERGY (SARE)

Kerjasama bagi Sektor Tenaga
Collaboration in the Energy Sector



UNITED
SOLAR.ENERGY

Malaysia's Renewable Energy Choice



Projek pemasangan solar di bawah program *Supply Agreement for Renewable Energy (SARE)* bersama PDT dan United Solar Energy (M) Sdn. Bhd. (USEM) telah dilaksanakan sejak 2023 secara berperingkat. Projek fasa 1 merangkumi 27 bangunan, melibatkan 12 pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri Johor.

The solar installation project under the Supply Agreement for Renewable Energy (SARE) programme, in collaboration with PDT and United Solar Energy (M) Sdn. Bhd. (USEM), has been implemented in phases since 2023. Phase 1 of the project covers 27 buildings and involves 12 local authorities (PBT) in the state of Johor.



FASA 1
PHASE 1

Q4 2023
–
Q1 2025



12

PIHAK BERKUASA
TEMPATAN
NEGERI JOHOR
JOHOR STATE
LOCAL AUTHORITIES



2.44 Mw

27 Bangunan
27 Buildings

Pencapaian PDT-USEM sehingga tahun 2024 bagi pemasangan solar bumbung di bawah program ini telah berjaya dilaksanakan sebanyak **1.13 MWp bagi 22 buah bangunan milik 11 PBT** iaitu:

The achievement of PDT-USEM up to the year 2024 for rooftop solar installations under this programme has successfully reached
1.13 MWp across 22 buildings owned by 11 local authorities (PBT), namely:





Penjanaan solar bagi setiap bangunan di PBT telah dipantau dengan menggunakan teknologi aplikasi *FusionSolar* secara *masa nyata*. Dalam tempoh setahun, PBT telah mencatatkan purata penjimatan sebanyak 7% hingga 10%.

Solar generation for each building in the local authorities (PBT) has been monitored in real-time using FusionSolar application technology. Over the course of a year, the PBTs have recorded an average savings of 7% to 10%.

FUSIONSOLAR

Pemantauan Penjanaan Solar
di Laman Web *FusionSolar*
*Solar Generation Monitoring
on FusionSolar's Website*





Manfaat penjimatan daripada pemasangan solar panel ini turut menyokong inisiatif Kerajaan Negeri Johor dalam melestarikan Pembangunan Hijau, sekali gus memperkuat komitmen bagi mencapai sasaran pembangunan mampan di negeri Johor.

The savings benefits from the installation of solar panels also support the Johor State Government's initiative to promote Green Development, while simultaneously strengthening its commitment to achieving sustainable development goals within the state.

Ringkasan Maklumat
Sistem Solar PBT Johor
Tahun 2024

Summary of Johor 2024 PBT
Solar System Information





Dewan Jubli, Jalan Genuang



Majlis Perbandaran
Segamat



Saiz Sistem
System Size
71.75 kWp



Bilangan Panel
Number of Panels
165 Unit



Tarikh Mula Penjanaan
Start Date of Generation
9 November 2024



Kapasiti (kWp)
Capacity (kWp)
101.75
/101.75



Kompleks Pentadbiran MDSR



Majlis Daerah
Simpang Renggam



Saiz Sistem
System Size
71.34 kWp



Bilangan Panel
Number of Panels
174 Unit



Tarikh Mula Penjanaan
Start Date of Generation

Selesai Pemasangan
Sahaja
Installation Completed Only



Kapasiti (kWp)
Capacity (kWp)
116.44
/116.44



Dewan Jubli Intan



Majlis Perbandaran
Muar



Saiz Sistem
System Size
187.76 kWp



Bilangan Panel
Number of Panels
416 Unit



Tarikh Mula Penjanaan
Start Date of Generation
10 Disember 2024



Kapasiti (kWp)
Capacity (kWp)
254.18
/254.18



Dataran Tg. Emas



Majlis Perbandaran
Muar



Saiz Sistem
System Size
31.16 kWp



Bilangan Panel
Number of Panels
69 Unit



Tarikh Mula Penjanaan
Start Date of Generation
9 Disember 2024



Kapasiti (kWp)
Capacity (kWp)
254.18
/254.18



Dewan Jubli Intan, Jalan Arab



Majlis Perbandaran Pontian



Saiz Sistem
System Size

71.34 ^{kWp}



Bilangan Panel
Number of Panels

158 ^{Unit}



Tarikh Mula Penjanaan
Start Date of Generation



Selesai Pemasangan Sahaja
Installation Completed Only



Kapasiti (kWp)
Capacity (kWp)

222.27
/222.27



Pasar Awam Pekan Nenas



Majlis Perbandaran Pontian



Saiz Sistem
System Size

67.08 ^{kWp}



Bilangan Panel
Number of Panels

148 ^{Unit}



Tarikh Mula Penjanaan
Start Date of Generation



Selesai Pemasangan Sahaja
Installation Completed Only



Kapasiti (kWp)
Capacity (kWp)

222.27
/222.27



Arena Warna



Majlis Daerah Yong Peng



Saiz Sistem
System Size

24.60 ^{kWp}



Bilangan Panel
Number of Panels

57 ^{Unit}



Tarikh Mula Penjanaan
Start Date of Generation

14 Mac 2024



Kapasiti (kWp)
Capacity (kWp)

128.33
/128.33



Pejabat Penguatkuasa MPK



Majlis Perbandaran Kluang



Saiz Sistem
System Size

42.64 ^{kWp}



Bilangan Panel
Number of Panels

94 ^{Unit}



Tarikh Mula Penjanaan
Start Date of Generation



Selesai Pemasangan Sahaja
Installation Completed Only



Kapasiti (kWp)
Capacity (kWp)

75.03
/75.03



Perpustakaan Awam



Majlis Perbandaran
Kluang



Saiz Sistem
System Size
32.39 kWp



Bilangan Panel
Number of Panels
72 Unit



Tarikh Mula Penjanaan
Start Date of Generation

Selesai Pemasangan
Sahaja
Installation Completed Only



Kapasiti (kWp)
Capacity (kWp)
75.03
/75.03



Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim



Majlis Daerah
Kota Tinggi



Saiz Sistem
System Size
50.84 kWp



Bilangan Panel
Number of Panels
116 Unit



Tarikh Mula Penjanaan
Start Date of Generation

5 November 2024



Kapasiti (kWp)
Capacity (kWp)
50.84
/229.60



Dewan Taman Mawar



Majlis Bandaraya
Pasir Gudang



Saiz Sistem
System Size
85.28 kWp



Bilangan Panel
Number of Panels
196 Unit



Tarikh Mula Penjanaan
Start Date of Generation

24 Oktober 2024



Kapasiti (kWp)
Capacity (kWp)
85.28
/643.70



Dewan Serbaguna



Majlis Daerah Labis



Saiz Sistem
System Size
15.58 kWp



Bilangan Panel
Number of Panels
34 Unit



Tarikh Mula Penjanaan
Start Date of Generation

18 Disember 2024



Kapasiti (kWp)
Capacity (kWp)
15.58
/15.58

PROGRAM RINTIS KENDERAAN ELEKTRIK ELECTRIC VEHICLE (EV) PILOT PROGRAMME



Kerajaan Negeri Johor menerusi Belanjawan Johor 2024 telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM2.5 juta bagi menjayakan Program Rintis Kenderaan Elektrik yang mensasarkan penggunaan kenderaan elektrik (*electric vehicle*, EV) sebagai kenderaan jabatan.

Rentetan daripada itu, PDT bersama rakan strategiknya, Gentari Green Mobility Sdn. Bhd. (GMOB), iaitu anak syarikat milik penuh Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), telah memulakan langkah awal untuk menerajui ekosistem EV di negeri Johor dengan menawarkan penggunaan EV secara sewaan menerusi pakej yang komprehensif kepada pejabat kerajaan negeri Johor.

The Johor state government through the Johor Budget 2024 has announced an allocation of RM2.5 million to support the Electric Vehicle (EV) Pilot Programme aimed at promoting the use of electric vehicles (EV) as department vehicles.

Following this initiative, PDT, together with its strategic partner, Gentari Green Mobility Sdn. Bhd. (GMOB), a fully owned subsidiary of Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), has taken initial steps to spearhead the EV ecosystem in Johor by offering comprehensive EV rental packages to state government offices.

16 ^{UNIT}
Units

**Kenderaan Elektrik
Akan Digunakan
Untuk Pejabat Kerajaan**

*16 EV Units Will Be Deployed
as Government Vehicles*



GMOB merupakan pemain industri yang berpengalaman dan tidak asing lagi dalam sektor mobiliti mesra alam seperti yang dapat dilihat menerusi penyediaan infrastruktur pengecasan EV di seluruh negara serta penawaran model EV yang mengikut pasaran terkini, merangkumi segmen dua roda, empat roda dan kenderaan komersial.

Program rintis ini dijangka bermula pada tahun 2025 dan sebagai permulaan, sebanyak 16 unit EV akan digunakan oleh pejabat kerajaan. Kerjasama antara PDT dan GMOB ini secara tidak langsung dapat memperkukuh imej Kerajaan Negeri Johor dalam memangkin penerimaan yang lebih meluas serta mendorong pertumbuhan ekosistem EV di negeri Johor pada masa hadapan.

GMOB is an experienced and well-established industry player in the field of green mobility, as demonstrated by its extensive provision of EV charging infrastructure across the country, as well as its offerings of the latest market-aligned EV Models, including two-wheelers, four-wheelers and commercial vehicles.

This pilot programme is expected to commence in 2025, with an initial deployment of 16 EV units in government offices. PDT-GMOB collaboration will indirectly strengthen the image of the Johor state government by fostering broader acceptance and encouraging the growth of the EV ecosystem in Johor in the future.



PERMODALAN DARUL TA'ZIM (PDT) DAN JOHOR SPECIAL WATER (JSW) SEBAGAI PEMBEKAL AIR ALTERNATIF KEPADA PUSAT DATA DI NEGERI JOHOR

**PERMODALAN DARUL TA'ZIM (PDT) AND JOHOR SPECIAL WATER (JSW)
AS ALTERNATIVE WATER SUPPLIERS FOR DATA CENTRES IN JOHOR**



Penerokaan peluang perniagaan dalam sektor kumbahan oleh PDT diteruskan bersama anak syarikat milik penuhnya, Johor Special Water Sdn. Bhd. (JSW) yang memberi fokus kepada potensi pembekalan air alternatif kepada pusat data di negeri Johor. Kepentingan air dalam operasi pusat data tidak boleh diketepikan, terutamanya dalam sistem penyejukan (*cooling process*) bagi memastikan pelayan (*servers*) dapat beroperasi secara optimum. Oleh itu, keperluan sumber air yang stabil dan mencukupi amat penting untuk mengelakkan gangguan operasi dan meningkatkan kecekapan tenaga pusat data.

Berdasarkan *The World Bank report Malaysia Digital Economy: New Driver of Development* pada tahun 2020, Malaysia mempunyai sebanyak 7,494 *secure internet server* bagi setiap sejuta populasi berbanding Singapura sebanyak 128,379. Bagi limpahan ekonomi pula, setiap RM 1 billion pelaburan pusat data akan menjana sebanyak 400 hingga 600 peluang pekerjaan dengan anggaran sebanyak RM 400 juta hingga RM 500 juta sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Selain faktor ekonomi, pusat data juga memerlukan sumber air yang lestari bagi memastikan operasi berjalan lancar. Dalam usaha meningkatkan kecekapan penggunaan air, pelbagai jenis sumber air boleh digunakan seperti air terawat domestik, air mentah daripada sungai, serta air sisa kumbahan terawat (*treated effluent*), yang lebih mampan dan mengurangkan kebergantungan kepada air bersih.

The exploration of business opportunities in the wastewater sector by PDT continues in collaboration with its wholly owned subsidiary, Johor Special Water Sdn. Bhd. (JSW), which focuses on the potential supply of alternative water to data centres in Johor. The importance of water in data centre operations cannot be overlooked, particularly in the cooling process, which ensures that servers can operate optimally. Therefore, a stable and sufficient water supply is crucial to preventing operational disruptions and enhancing energy efficiency in data centres.

According to The World Bank Report: Malaysia Digital Economy: New Driver of Development in 2020, Malaysia has 7,494 secure internet servers per 1 million population compared to Singapore's 128,379. In terms of economic impact, every RM1 billion investment in data centres generates between 400 and 600 job opportunities, contributing approximately RM400 million to RM500 million to the Gross Domestic Product (GDP). Beyond economic factors, data centres also need a sustainable water supply to ensure smooth operations. To enhance water usage efficiency, various water sources can be utilised, including treated domestic water, raw river water and treated effluent (treated wastewater), which is more sustainable and reduces reliance on clean water.

Ini menjadikan pusat data sebagai salah satu bentuk pelaburan yang sangat bernilai tinggi di Malaysia. Seterusnya, Johor merupakan salah satu destinasi pelaburan dalam sektor ini kerana lokasinya yang berhampiran Singapura dan juga kedudukannya berpotensi menjadi *Cable Landing Station (CLS)* kepada rangkaian perhubungan telekomunikasi kabel bawah laut. Dengan kepesatan pembangunan pusat data, permintaan terhadap sumber air semakin meningkat, dan penggunaan air alternatif dilihat sebagai langkah strategik dalam memastikan kelestarian bekalan air di negeri ini.

Kepesatan pembangunan pusat data di Johor telah membuka peluang kepada JSW untuk membekalkan air alternatif kepada pusat data bagi tujuan proses penyejukan (*cooling process*) tanpa menjejaskan bekalan domestik air terawat oleh Ranhill SAJ Sdn. Bhd. Air alternatif yang ditawarkan pada masa kini adalah bersumberkan air sungai (air mentah) dan air sisa kumbahan terawat (*treated effluent*). Penggunaan sumber air alternatif seperti ini bukan sahaja dapat mengurangkan impak terhadap penggunaan air bersih tetapi juga meningkatkan kecekapan operasi pusat data dengan memastikan bekalan air sentiasa mencukupi dan kos operasi dapat dikawal.

Menerusi kerjasama yang telah dimeterai bersama Indah Water Konsortium (IWK), cadangan ini dilihat sebagai salah satu langkah strategik oleh PDT dan JSW di mana secara tidak langsung dapat memastikan bekalan air terawat di Johor adalah terjamin. Dengan mengoptimumkan penggunaan air alternatif, pusat data di Johor boleh mencapai tahap kecekapan sumber yang lebih baik, menyokong pembangunan digital negara serta mengekalkan keseimbangan dalam pengurusan sumber air secara mampan.

This makes data centres one of the highest-value investment sectors in Malaysia. Furthermore, Johor has become a key investment destination due to its proximity to Singapore and its potential to serve as a Cable Landing Station (CLS) for undersea telecommunications cable networks. With the rapid development of data centres, demand for water resources is increasing and the use of alternative water sources is seen as a strategic approach to ensuring a sustainable water supply in the state.

The rapid growth of data centres in Johor has presented an opportunity for JSW to supply alternative water for the cooling processes of data centres without affecting the domestic treated water supply managed by Ranhill SAJ Sdn. Bhd. Currently, the alternative water sources offered include raw river water and treated effluent. The use of such alternative water sources not only reduces the impact on clean water consumption but also improves data centre operational efficiency by ensuring a sufficient water supply and controlling operational costs.


Through the partnership established with Indah Water Konsortium (IWK), this initiative is viewed as a strategic step by PDT and JSW to safeguard Johor's treated water supply. By optimising the use of alternative water sources, data centres in Johor can achieve greater resource efficiency, support the nation's digital development and maintain balance in sustainable water resource management.

POLISI PEMBANGUNAN HIJAU JOHOR 2030 JOHOR GREEN DEVELOPMENT POLICY 2030



Tahun 2024 menyaksikan PDT bergerak secara aktif dalam penyediaan Polisi Pembangunan Hijau Johor 2030 (PPHJ 2030) yang dijangka siap sepenuhnya pada suku pertama tahun 2025 mengikut sektor yang telah ditetapkan seperti berikut:-

The year 2024 marked active progress in the development of the Johor Green Development Policy 2030 (JGDP 2030), which is expected to be fully completed by the first quarter of 2025. The policy is structured according to the following key sectors:-



Penyediaan polisi ini dilaksanakan dengan kerjasama Institut Sultan Iskandar Universiti Teknologi Malaysia (ISIUTM) dan dibentangkan kepada Majlis Pembangunan Hijau Negeri Johor (MPHNJ) bagi kelulusan sebelum digunakan sepenuhnya di seluruh negeri Johor.

MPHNJ berperanan sebagai platform utama di peringkat negeri bagi menyelaras, merancang, dan memantau pelaksanaan program serta inisiatif berkaitan kelestarian dan pembangunan hijau di Johor. MPHNJ dipengerusikan oleh Menteri Besar Johor, manakala Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ) dan PDT bertindak sebagai sekretariat.

The policy is being developed in collaboration with the Sultan Iskandar Institute of Universiti Teknologi Malaysia (ISIUTM) and will be presented to the Johor State Green Development Council (MPHNJ) for approval before full implementation across the state.

MPHNJ serves as the primary platform at the state level for coordinating, planning and monitoring programs and initiatives related to sustainability and green development in Johor. It is chaired by the Menteri Besar of Johor, while Johor Economic Planning Division (BPENJ) and PDT act as its secretariat.

Di bawah struktur MPHJN terdapat enam jawatankuasa kerja yang telah dipertanggungjawabkan sebagaimana berikut :

Under the MPHJN structure, six working committees have been assigned specific responsibilities as follows:

Jawatankuasa Kerja Tenaga

Energy Working Committee

Jawatankuasa Kerja Mobiliti dan Pengangkutan

Mobility and Transport Working Committee

Jawatankuasa Kerja Bandar Rendah Karbon

Low Carbon Cities Working Committee

Jawatankuasa Kerja Guna Tanah, Alam Semula Jadi dan Air

Land Use, Natural Environment and Water Working Committee

Jawatankuasa Kerja Industri

Industry Working Committee

Jawatankuasa Kerja Pasaran Karbon

Carbon Market Working Committee

Platform MPHJN ini bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme penyelarasan dan pemantauan pembangunan hijau, tetapi juga menjadi penanda aras serta simbol komitmen kerajaan negeri dalam usaha merealisasikan pengurangan karbon di Johor. MPHJN memainkan peranan penting dalam memperkasa peralihan kepada ekonomi hijau, serta memastikan dasar dan inisiatif negeri sejajar dengan objektif kelestarian global.

Selain itu, ia turut menjadi wadah bagi membangunkan strategi adaptasi perubahan iklim yang lebih berkesan serta menarik pelaburan hijau yang dapat menyokong pertumbuhan ekonomi negeri secara mampan.

Penyediaan PPHJ 2030 amat penting bagi negeri Johor kerana ianya bergerak selari dengan inisiatif-inisiatif utama dalam Pelan Induk Pembangunan Hijau Negeri Johor seterusnya menyokong agenda *Johor Green Deal*.

MPHJN is not only a coordination and monitoring mechanism for green development but also a benchmark and a symbol of the state government's commitment to achieving carbon reduction in Johor. It plays a vital role in accelerating the transition to a green economy and ensuring that state policies and initiatives align with global sustainability objectives.

Additionally, MPHJN serves as a strategic platform for developing effective climate change adaptation strategies and attracting green investments that support sustainable economic growth in the state.

The development of JGDP 2030 is crucial for Johor's sustainability goals, as it aligns with key initiatives under the Johor State Green Development Master Plan and supports the Johor Green Deal agenda.



PPHJ 2030 akan bertindak sebagai panduan kepada agensi kerajaan, pemain industri dan pelabur dalam melaksanakan inisiatif hijau di Johor khususnya di Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ). Ini kerana salah satu agenda JS-SEZ ialah untuk menggalakkan pembangunan mampan seperti tenaga boleh diperbaharui, ekonomi hijau serta pemuliharaan alam semula jadi di dalam zon tersebut.

Oleh itu, PPHJ 2030 secara khususnya akan melengkapkan strategi serta inisiatif pelaksanaan yang akan dijalankan bagi mencapai pembangunan mampan dan hijau dalam negeri serta di JS-SEZ secara amnya.

JGDP 2030 will serve as a guide for government agencies, industry players and investors to implement green initiatives in Johor, particularly within the Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ). One of JS-SEZ's core agendas is to promote sustainable development, including renewable energy, the green economy and environmental conservation within the zone.

Therefore, JGDP 2030 will specifically complement the strategies and implementation initiatives aimed at achieving sustainable and green development within the state and, more broadly, in the Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ).

SEKTOR
SECTOR

01



TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI
Renewable Energy



Polisi Tenaga Boleh Baharu (TBB) Johor 2030 menetapkan hala tuju strategik bagi pembangunan sektor tenaga mampan di negeri ini, merangkumi sumber seperti tenaga solar, biojisim, biogas, kuasa hidro mini, sisa kepada tenaga dan hidrogen.

Pelaksanaan polisi ini meletakkan Johor sebagai peneraju dalam pasaran tenaga boleh baharu, sekali gus menarik pelaburan domestik dan antarabangsa serta memperkasakan pembangunan infrastruktur dan teknologi berkaitan.

Inisiatif ini memainkan peranan penting dalam mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil, memperkukuh keselamatan tenaga, seterusnya memperkasakan peralihan Johor ke arah negeri yang melestarikan alam sekitar.

The Johor Renewable Energy (RE) Policy 2030 sets the strategic direction for the development of a sustainable energy sector in the state, including sources such as solar energy, biomass, biogas, mini hydropower, waste-to-energy and hydrogen.

The implementation of this policy positions Johor as a leader in the renewable energy market, attracting both domestic and international investments while strengthening the development of related infrastructure and technology.

This initiative plays a crucial role in reducing dependence on fossil fuels, enhancing energy security and accelerating Johor's transition towards becoming an environmentally sustainable

SEKTOR
SECTOR

01



TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI
Renewable Energy

Dengan adanya polisi TBB ini, ianya membuka peluang pekerjaan dalam sektor tenaga hijau, merancakkan pertumbuhan ekonomi tempatan, serta memperkukuh kedudukan Johor sebagai hab inovasi dan penyelidikan tenaga boleh baharu.

Menerusi sumber tenaga bersih yang mampan, Johor juga berpotensi meningkatkan daya saing industri berintensifkan tenaga serta mendorong penggunaan tenaga hijau dalam kalangan masyarakat dan sektor komersial.

Seterusnya, bagi memperincikan Polisi TBB Johor 2030 dan Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan TBB - Tenaga Solar ini, satu sesi libat urus bersama agensi kerajaan dan pemain industri telah diadakan pada 19 Mac 2024.

Polisi ini juga telah dibentangkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tenaga Bil. 1/2024 yang dipengerusikan oleh Pengarah PlanMalaysia Johor bagi Majlis Pembangunan Hijau Negeri Johor pada 26 Jun 2024.

With the RE policy in place, it creates job opportunities in the green energy sector, which increases local economic growth and strengthens Johor's position as a hub for renewable energy innovation and research.

Through sustainable clean energy sources, Johor also has the potential to enhance the competitiveness of energy-intensive industries and encourage the adoption of green energy among communities and the commercial sector.

To further detail the Johor RE Policy 2030 and the Planning and Development Guidelines for RE-Solar Energy, an engagement session with government agencies and industry players was held on 19 March 2024.

This policy was presented and approved during the Energy Working Committee Meeting No. 1/2024, chaired by the Director of PlanMalaysia Johor for the Johor State Green Development Council on 26 June 2024.

SEKTOR 02 **PENGANGKUTAN HIJAU**
SECTOR Green Transportation



Kenderaan elektrik (EV) semakin mendapat perhatian di seluruh dunia sebagai alternatif mampan terhadap kenderaan berasaskan bahan api fosil. Di Malaysia, khususnya di Johor, peralihan kepada mobiliti hijau semakin pesat dan didorong oleh pelbagai inisiatif kerajaan negeri dan sektor swasta.

Johor berpotensi menjadi hab utama dalam industri EV dan sedang giat membangunkan infrastruktur sokongan yang holistik bagi mengukuhkan peralihan ke arah pengangkutan lestari. Usaha ini sejajar dengan inisiatif global dalam mengurangkan pelepasan GHG serta memperkukuh kelestarian alam sekitar.

Pembangunan rangkaian pengecas EV yang komprehensif adalah faktor utama dalam memperkasa penggunaan kenderaan elektrik secara menyeluruh. Ini bukan sahaja menyokong peralihan ke arah e-mobiliti yang lebih mudah diakses, malah turut menyediakan kemudahan nilai tambah bagi mempertingkatkan pengalaman pengguna EV.

Electric vehicles (EVs) are increasingly gaining global attention as a sustainable alternative to fossil fuel-based vehicles. In Malaysia, particularly in Johor, the transition to green mobility is accelerating, driven by various initiatives from both the state government and the private sector.

Johor has the potential to become a key hub in the EV industry and is actively developing holistic support infrastructure to strengthen the shift towards sustainable transportation. This effort aligns with global initiatives to reduce GHG emissions and enhance environmental sustainability.

The development of a comprehensive EV charging network is a key factor in empowering widespread adoption of electric vehicles. This not only supports the transition to accessible e-mobility but also provides value-added facilities to enhance the EV user experience.

SEKTOR **02** **PENGANGKUTAN HIJAU**
SECTOR Green Transportation

Dengan adanya polisi Sistem Pengangkutan dan Mobiliti Hijau ini, ia telah menetapkan sasaran sebanyak 1,245 pembangunan petak pengecasan kenderaan elektrik (EVCB) menjelang tahun 2030.

Secara keseluruhan, pelaksanaan Polisi Pengangkutan Hijau Johor 2030 dan Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan EVCB merupakan langkah strategik Kerajaan Negeri Johor dalam menangani cabaran alam sekitar, merangsang pertumbuhan ekonomi, membuka peluang pekerjaan, serta memperkukuh penyelesaian mobiliti yang lestari dan inovatif di negeri Johor.

Bagi memastikan dasar ini dirangka secara inklusif, satu sesi libat urus bersama agensi kerajaan dan pihak industri telah diadakan pada 21 Mei 2024 bagi memperhalusi penyediaan polisi ini. Seterusnya polisi tersebut turut dibentangkan dan dipersetujui secara dasar dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Mobiliti dan Pengangkutan MPH NJ Bil. 2/2024 pada 20 November 2024 yang dipengerusikan oleh Pengarah PLAN Malaysia Johor dan disertai oleh wakil agensi kerajaan negeri, kerajaan persekutuan, serta pihak berkuasa tempatan (PBT).

With the implementation of the Green Transport and Mobility System policy, targets have been set to establish 1,245 electric vehicle charging bays (EVCBs) by the year 2030.

Overall, the implementation of the Johor Green Transport Policy 2030 and the Guidelines for Planning and Development of EVCBs are strategic steps by the state government of Johor to address environmental challenges, stimulate economic growth, create job opportunities and strengthen sustainable and innovative mobility solutions in the state of Johor.

To ensure inclusivity in the policy formulation, a collaborative session involving government agencies and industry stakeholders was held on 21 May 2024 to refine the policy framework. Subsequently, the policy was presented and approved as a framework in the Mobility and Transport Working Committee Meeting of MPH NJ No. 2/2024 on 20 November 2024, chaired by the Director of PLAN Malaysia Johor and attended by representatives from state government agencies, the federal government and local authorities (PBT).

SEKTOR 03 **PERUBAHAN IKLIM (MITIGASI BANJIR)**
SECTOR *Climate Change (Flood Mitigation)*



Perubahan iklim semakin memberi impak ketara terhadap kejadian cuaca ekstrem di seluruh dunia, termasuk Malaysia. Johor sebagai sebuah negeri dengan kepadatan penduduk yang tinggi dan pembangunan pesat turut berdepan cabaran peningkatan kejadian banjir akibat perubahan corak hujan dan kenaikan paras air laut. Dalam menghadapi cabaran ini, langkah mitigasi banjir yang berkesan amat diperlukan bagi mengurangkan risiko dan kesan buruk akibat perubahan iklim.

Polisi Perubahan Iklim (Mitigasi Banjir) Johor 2030 diperkenalkan sebagai strategi komprehensif dalam menangani isu banjir secara sistematik. Salah satu komponen utama adalah Integrasi Sistem Pemantauan dan Amaran Awal Banjir menggunakan teknologi *Internet of Things* (IoT) dan *Artificial Intelligence* (AI) di peringkat PBT dan dijangka dapat memberi amaran awal yang lebih tepat, sekali gus memperkukuh kesiapsiagaan komuniti di kawasan berisiko banjir.

Climate change is increasingly having a significant impact on extreme weather events worldwide, including in Malaysia. As a densely populated state with rapid development, Johor faces challenges related to the increasing occurrence of floods due to changing rainfall patterns and rising sea levels. To address these challenges, effective flood mitigation measures are essential to reduce risks and minimise the adverse effects of climate change.

The Johor Climate Change (Flood Mitigation) Policy 2030 has been introduced as a comprehensive strategy to systematically address flood-related issues. One of its key components is the Integration of Flood Monitoring and Early Warning Systems utilising Internet of Things (IoT) and Artificial Intelligence (AI) at the local authority (PBT) level. This system is expected to provide more accurate early warnings and at the same time strengthen community preparedness in flood-prone areas.

SEKTOR **03** **PERUBAHAN IKLIM (MITIGASI BANJIR)**
SECTOR Climate Change (Flood Mitigation)

Polisi ini turut menekankan penyelenggaraan berkala tebing sungai dan sistem saliran di kawasan yang kerap mengalami banjir. Kajian Penilaian Impak Banjir (*Flood Impact Assessment 'FIA'*) turut diperkenalkan bagi memastikan setiap projek pembangunan mengambil kira langkah pencegahan dan pengurusan risiko banjir.

Bagi memperkukuh pelaksanaan polisi ini, sesi libat urus dengan agensi kerajaan dan pihak industri telah diadakan pada 21 Mei 2024, diikuti dengan pembentangan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Guna Tanah, Alam Semula Jadi dan Air bagi Majlis Pembangunan Hijau Negeri Johor pada 8 Disember 2024.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor (PTG) ini turut dihadiri oleh wakil agensi kerajaan negeri, kerajaan persekutuan, serta PBT di Johor. Polisi dan garis panduan tersebut telah dipersetujui secara dasar, menandakan komitmen bersama dalam strategi mitigasi banjir yang lebih berkesan.

This policy also emphasises regular maintenance of riverbanks and drainage systems in areas frequently affected by floods. Additionally, the Flood Impact Assessment (FIA) has been introduced to ensure that all development projects incorporate preventive measures and flood risk management strategies.

To reinforce the implementation of this policy, an engagement session with government agencies and industry stakeholders was held on 21 May 2024, followed by a policy presentation during the Land Use, Natural Environment and Water Working Committee Meeting under the Johor State Green Development Council on 8 December 2024.

The meeting was chaired by the Director of the Johor Land and Mines Office (PTG), and attended by representatives from state government agencies, the federal government and local authorities (PBT) in Johor. The policy and guidelines were approved in principle, indicating a shared commitment to more effective flood mitigation strategies.

SEKTOR 04 **PASARAN KARBON**
SECTOR Carbon Market



Potensi pasaran karbon di Johor semakin berkembang seiring dengan peningkatan permintaan global terhadap kredit karbon sebagai mekanisme pengurangan pelepasan gas rumah hijau (GHG).

Kedudukan strategik Johor sebagai pusat ekonomi dan perindustrian utama serta pembangunan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) meningkatkan peluang Johor menjadi hab pasaran karbon di rantau ini.

Pelaksanaan pasaran karbon yang sistematik juga akan menarik lebih banyak pelaburan hijau, memperkukuh daya saing industri dan menggalakkan pemuatan terhadap piawaian kelestarian global.

The potential for the carbon market in Johor is expanding in line with the growing global demand for carbon credits as a mechanism for reducing greenhouse gas (GHG) emissions.

Johor's strategic position as a major economic and industrial hub, along with the development of the Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ), enhances its prospects of becoming a carbon market hub in the region.

A well-structured carbon market will not only attract more green investments but also strengthen industrial competitiveness and promote compliance with global sustainability standards.

SEKTOR **04** **PASARAN KARBON**
SECTOR Carbon Market

Sehubungan itu, Polisi Pasaran Karbon perlu dirancang bagi memperkukuh strategi pengurangan karbon yang lebih berkesan, memastikan pematuhan terhadap peraturan alam sekitar, serta meningkatkan daya saing sektor industri dalam persekitaran ekonomi rendah karbon.

Polisi Pasaran Karbon ini juga memberi tumpuan kepada penyediaan garis panduan pelaksanaan projek kredit karbon berasaskan alam semula jadi (*Nature-based solution*) dan teknologi (*technology-based solution*) di Johor. Ia turut menetapkan dasar penglibatan pihak industri dan entiti komersial dalam projek kredit karbon sebagai sebahagian daripada strategi pengurangan pelepasan karbon.

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan polisi ini, satu sesi libat urus bersama agensi kerajaan dan pihak industri telah diadakan pada 21 November 2024. Polisi ini kini berada dalam peringkat akhir penyediaan sebelum dimuktamadkan untuk pelaksanaan rasmi.

In this regard, a Carbon Market Policy needs to be formulated to reinforce effective carbon reduction strategies, ensure compliance with environmental regulations and enhance the competitiveness of industries within a low-carbon economy.

This policy also focuses on guidelines for implementing carbon credit projects that utilise both nature-based and technology-based solutions in Johor. Additionally, it establishes a framework for the involvement of industries and commercial entities in carbon credit projects as part of broader emission reduction strategies.

To ensure the effective implementation of this policy, an engagement session with government agencies and industry stakeholders was held on 21 November 2024. The policy is currently in its final stage of development before being officially finalised for implementation.

SEKTOR MINYAK DAN GAS

OIL AND GAS SECTOR

PDT telah diberikan mandat dan tanggungjawab oleh kerajaan negeri sebagai **peneraju utama** dalam **pembangunan sektor minyak dan gas di negeri Johor**.

*PDT has been mandated by the state government as the **primary driver** in the **development of the oil and gas sector in the state of Johor**.*



PDT Oil and Gas Services Sdn. Bhd.



Dialog Group Berhad

DIALOG GROUP BERHAD

Jumlah Pulangan Dividen 2024

Total Dividend for the
Year of 2024

RM **1.4** Juta
Million



PDT menerusi pemilikan saham biasa sebanyak 10% bagi pihak Kerajaan Negeri Johor di dalam tiga syarikat Dialog Group Berhad, iaitu Pengerang Independent Terminals Sdn. Bhd. (PITSB), Pengerang Terminals (Two) Sdn. Bhd. (PT2SB) dan Pengerang LNG (Two) Sdn. Bhd. (PLNG2SB) telah merekodkan jumlah pulangan dividen sebanyak RM1.4 juta bagi tahun 2024.

Pegangan saham PDT ini mencerminkan komitmen strategik kerajaan negeri dalam memartabatkan sektor minyak dan gas di negeri Johor. Kepentingan ini bukan sahaja dapat memperkukuh kedudukan PDT dalam industri, malah membolehkan PDT terlibat dalam perkembangan operasi serta inovasi yang dilaksanakan oleh Dialog Group Berhad di Pengerang, Johor.

PDT, through ordinary shares amounting to 10% on behalf of the Johor state government in three subsidiaries of Dialog Group Berhad, namely Pengerang Independent Terminals Sdn. Bhd. (PITSB), Pengerang Terminals (Two) Sdn. Bhd. (PT2SB) and Pengerang LNG (Two) Sdn. Bhd. (PLNG2SB) has recorded a total dividend return of RM1.4 million for the year 2024.

PDT's shareholding reflects the state government's strategic commitment to enhancing the oil and gas sector in Johor. This interest not only strengthens PDT's position within the industry but also enables PDT to take an active role in the operational developments and innovations pursued by Dialog Group Berhad in Pengerang, Johor.

Lawatan ke Terminal Penggasan Semula di Pengerang (Regasification Terminal Pengerang, RGTP)

*A visit to the Regasification Terminal
Pengerang (RGTP)*



Pada Oktober 2024, satu lawatan ke Terminal Penggasan Semula di Pengerang (Regasification Terminal Pengerang, RGTP) telah diadakan oleh wakil PDT bersama pihak PLNG2SB - Fasa 2.

Lawatan tersebut bertujuan untuk mendalami pengoperasian dan perkhidmatan gas cecair asli (LNG) yang dikendalikan oleh syarikat sebagai satu sesi pemindahan ilmu dan pendedahan kepada kakitangan PDT untuk memperkukuh pengetahuan dalam industri minyak dan gas. Program sebegini akan terus dilaksanakan dengan penglibatan warga kerja PDT pada masa hadapan.



In October 2024, a visit to the Regasification Terminal Pengerang (RGTP) was conducted by PDT representatives together with PLNG2SB - Phase 2.

The visit aimed to gain a deeper understanding of the operations and services related to liquefied natural gas (LNG) managed by the company, serving as a knowledge transfer session and exposure for PDT employees to enhance their expertise in the oil and gas industry. Such programmes will continue to be implemented with the participation of PDT employees in the future.

PDT OIL & GAS SERVICES SDN. BHD.

Pengurusan Fasilitas Bersepadu *Integrated Facility Management*



PDT Oil & Gas Services Sdn. Bhd. telah menjalin usahasama dengan JLG Centrix Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai TMR Urusharta (M) Sdn. Bhd.) melalui satu perjanjian kerjasama dalam bidang berkaitan pengurusan fasiliti bersepadu di *Pengerang Integrated Complex, Pengerang*.

Pada tahun 2024, usahasama ini telah berjaya memperoleh satu kontrak daripada Petronas iaitu “*Term Contract for Operations and Maintenance Services of Pengerang Integrated Complex (PIC) Village 1 & 2 and All the Associated Facilities, Integrated Building and Gate Houses at Pengerang Integrated Complex*” dengan tempoh kontrak selama tiga (3) tahun.

Usahasama ini dijangka dapat memberi impak positif kepada Kerajaan Negeri Johor dalam usaha memberikan peluang kepada pihak-pihak yang terlibat untuk mempertingkatkan operasi yang lebih efisien dalam industri pembangunan pengurusan fasiliti di Johor. Ini sekali gus memperkukuh infrastruktur dan kemudahan sedia ada, khususnya di kawasan Pengerang.

PDT Oil & Gas Services Sdn. Bhd. has established a joint venture with JLG Centrix Sdn. Bhd. (formerly known as TMR Urusharta (M) Sdn. Bhd.) through a strategic partnership agreement in the field of Integrated Facility Management at the Pengerang Integrated Complex, Pengerang.

In 2024, this joint venture successfully secured a contract from Petronas entitled “Term Contract for Operations and Maintenance Services of Pengerang Integrated Complex (PIC) Village 1 & 2 and All the Associated Facilities, Integrated Building and Gate Houses at Pengerang Integrated Complex”, with the contract is set to last for three years.

This joint venture is expected to positively impact the state government of Johor by providing opportunities for the involved parties to enhance operational efficiency within the facility management development sector in Johor. In turn, this will strengthen the infrastructure and facilities, particularly in the Pengerang area.

SEKTOR INFRASTRUKTUR & HARTANAH

INFRASTRUCTURE & PROPERTY SECTOR

PDT telah diberikan mandat dan tanggungjawab oleh kerajaan negeri untuk **melaksanakan projek-projek khas** Kerajaan Negeri Johor selaras dengan teras pembangunan **sektor infrastruktur dan hartanah di negeri Johor**.

*PDT has been entrusted with the mandate and responsibility by the state government to **implement special projects** of the Johor state government in line with the development core of the **infrastructure and property sector** in the **state of Johor**.*



ECO
BOTANIC
AMONGST SOFT GRASS AND PURE CLASS

Eco Botanic 2

Eco Botanic 3

ECO BOTANIC 2



Kedudukannya yang strategik bagi pembangunan projek Eco Botanic 2 telah berjaya menarik ramai pembeli, termasuk golongan M40. Ini terbukti apabila unit rumah di Presint 1, Presint 2 dan bangunan komersial berjaya dijual sepenuhnya, manakala Presint 3 hanya berbaki sebanyak 34.8%. Presint 1 dan Presint 2 telah siap dibina dan kunci telah diserahkan kepada pemilik pada Mac dan Disember 2024.


Eco Botanic 2 terletak di bandar Iskandar Puteri menawarkan sebuah perbandaran eksklusif berkonsepkan kehidupan hijau dan kelestarian alam sekitar. Pembangunannya melibatkan keluasan 200 ekar, terdiri daripada tiga presint utama dan bangunan komersial serta dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan.

Eco Botanic 2 juga mempunyai tahap aksesibiliti yang tinggi dan dihubungkan dengan Lebuhraya Pesisir Pantai dan Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia - Singapura serta dikelilingi oleh Pusat Perdagangan dan Pendidikan Educity, Legoland dan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri, Kota Iskandar.

The strategic location of Eco Botanic 2 project has successfully attracted many buyers, including the M40 group. This is evident as all residential units in Precinct 1, Precinct 2 and commercial buildings have been fully sold, while Precinct 3 has only 34.8% of units remaining. Precinct 1 and Precinct 2 have been completed, with keys handed over to owners in March and December 2024.

Eco Botanic 2, located in Iskandar Puteri, offers an exclusive township designed around green living and environmental sustainability. Spanning 200 acres, the development comprises three main precincts and commercial buildings, all equipped with security features.

Eco Botanic 2 also offers excellent accessibility, with direct connections to the Coastal Highway and the Malaysia-Singapore Second Link Expressway. It is also surrounded by key landmarks such as Educity's Trade and Education Hub, Legoland and the Johor State Government Administrative Centre, Kota Iskandar.



Penyerahan kunci bagi Eco Botanic 2 telah dilaksanakan secara berperingkat mulai pada Mac 2024. Penyerahan ini merangkumi beberapa fasa, termasuk pemeriksaan akhir unit, pengesahan dokumen dan penyerahan rasmi kepada pemilik kediaman.

Pemilik rumah turut dijemput untuk menjalani pemeriksaan sebelum menerima kunci bagi memastikan rumah berada dalam keadaan baik dan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan. Sebagai sebahagian daripada proses ini, sesi taklimat turut diadakan untuk memberikan penerangan mengenai kemudahan di kawasan perumahan, prosedur pengurusan kediaman dan panduan penyelenggaraan rumah.

The handover of keys for Eco Botanic 2 has been conducted in stages starting from March 2024. This process involves several phases, including the final inspection of units, document verification and official transfer to homeowners.

Homeowners have also been invited to conduct inspections prior to receiving their keys to ensure that the property is in excellent condition and complies with the specified standards. As part of this process, a briefing session has been conducted to provide information on the facilities within the residential area, housing management procedures and home maintenance guidelines.

Ringkasan Penjualan Unit Rumah dan Bangunan Komersial sehingga Disember 2024

A Summary of Residential and Commercial Unit Sales as of December 2024



Jumlah Keseluruhan Unit Rumah Dibina
Total Residential Units Built

1,676 Unit
Units



Jumlah Keseluruhan Unit Rumah Terjual
Total Residential Units Sold

1,466 Unit
Units



Jenis Type	THE TATE Presint 1 Precinct 1	THE BOROUGH Presint 2 Precinct 2	THE COMMUNE Presint 3 Precinct 3	BANGUNAN KOMERSIAL Commercial Buildings
Pelancaran Projek Project Launch	Mac 2021 March 2021	Mac 2021 March 2021	April 2023 April 2023	April 2023 April 2023
Unit Rumah Residential Units	600	472	604	106
Jualan Unit Rumah (% jualan sehingga Dis 2024) Residential Unit Sales (% sold as of Dec 2024)	100%	100%	65.2%	100%
Bumiputera Bumiputera	47.8%	40.0%	5.3%	39.6%
Bukan Bumiputera Non-Bumiputera	52.2%	60.0%	59.9%	60.4%

ECO BOTANIC 3



Projek Eco Botanic III yang terletak di EduPark East dan EduPark West merupakan kesinambungan daripada kejayaan pembangunan Eco Botanic II yang telah mendapat sambutan menggalakkan daripada golongan Bumiputera dan M40. Projek ini menampilkan konsep fasad bangunan “Greenhouse” yang mesra alam, menggabungkan elemen kehijauan dengan reka bentuk moden bagi meningkatkan kualiti hidup penduduk. Antara kemudahan awam yang akan disediakan termasuklah sekolah agama bagi memenuhi keperluan komuniti Islam.

PDT-ECO telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam memenuhi keperluan perumahan mampu milik bagi golongan M40. Sebanyak 1,008 unit rumah dengan harga subsidi akan dibina untuk golongan Bumiputera, melibatkan diskaun keseluruhan berjumlah RM127.12 juta berbanding harga pasaran terbuka. Harga jualan unit rumah teres untuk Bumiputera ialah RM495,000 seunit berbanding harga pasaran RM660,000, manakala pangsapuri perkhidmatan dijual pada harga RM389,000 seunit berbanding harga pasaran RM498,000.

The Eco Botanic III project, located in EduPark East and EduPark West is a continuation of the successful Eco Botanic II development, which received an encouraging response particularly from the Bumiputera and M40 groups. This project features the eco-friendly “Greenhouse” building façade concept, which blends greenery with modern design to enhance residents’ quality of life. Among the public amenities to be provided, include a religious school (sekolah agama) to cater the needs of the Muslim community.

PDT-ECO has demonstrated a strong commitment to addressing the need for affordable housing for the M40 group. A total of 1,008 subsidised residential units will be developed for Bumiputera buyers, involving a cumulative discount value of RM127.12 million compared to open market prices. The selling price of terraced houses for Bumiputera buyers is set at RM495,000 per unit compared to the market price of RM660,000, while serviced apartments will be offered at RM389,000 per unit versus the market price of RM498,000.



Projek Eco Botanic III dijangka mendapat permintaan tinggi dalam kalangan golongan M40. Antara faktor utamanya ialah lokasinya yang strategik iaitu terletak di Iskandar Puteri, sebuah kawasan yang pesat membangun dengan infrastruktur moden dan aksesibiliti yang baik. Dengan pertumbuhan ekonomi dan peningkatan pekerjaan dalam sektor perindustrian, teknologi, dan perkhidmatan di Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), permintaan terhadap perumahan berkualiti bagi golongan profesional dan keluarga muda semakin meningkat.

Selain itu, manfaat JS-SEZ seperti insentif cukai, peningkatan pelaburan asing, dan penambahbaikan jaringan pengangkutan akan menjadikan kawasan ini lebih menarik sebagai hab kediaman dan perniagaan. Pelaksanaan projek ini bukan sahaja memenuhi keperluan perumahan mampu milik untuk golongan M40, malah menyokong aspirasi kerajaan dalam menjadikan Iskandar Puteri sebagai pusat pertumbuhan ekonomi yang mampan dan berdaya saing. Dengan pelaksanaan projek Eco Botanic III, ia bukan sahaja akan menyediakan perumahan berkualiti untuk golongan sasaran, tetapi juga memperkukuh usaha pembangunan mampan di kawasan Iskandar Puteri.

Eco Botanic III is expected to attract strong demand from the M40 demographic. A key factor is its strategic location in Iskandar Puteri, a rapidly growing area equipped with modern infrastructure and excellent accessibility. With economic growth and increasing employment opportunities in the industrial, technology and services sectors within the Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ), the demand for quality housing among professionals and young families continues to rise.

Additionally, the benefits of JS-SEZ including tax incentives, increased foreign investment and improvements in transportation networks will further enhance the appeal of the area as a residential and business hub. The implementation of this project not only addresses the need for affordable housing for the M40 group, but also supports the government's aspirations to position Iskandar Puteri as a sustainable and competitive economic growth centre. With the development of Eco Botanic III, quality housing will be made available to the target demographic, while reinforcing sustainable development efforts in the Iskandar Puteri area.


SEKTOR PERNIAGAAN & PELABURAN STRATEGIK


STRATEGIC BUSINESS & INVESTMENT SECTOR


Tumpuan utama diberikan kepada pelaburan strategik yang menjamin pulangan masa depan. Selain meneroka peluang baru bersama rakan kongsi strategik, usaha ini juga bertujuan untuk mengukuhkan potensi dan keupayaan anak syarikat PDT.

The main focus is given to strategic investments that ensure future returns. In addition to exploring new opportunities with strategic partners, this effort also aims to strengthen the potential dan capabilities of PDT's subsidiaries.


**Sektor
Air, Air Kumbahan,
Tenaga &
Persekitaran**
Water, Wastewater,
Energy & Environment
Sector




**Sektor
Minyak & Gas**
Oil & Gas Sector



-  **Dalam Proses Pindah Milik Saham**
In the process of transferring shares
-  **Dalam Proses Pembubaran**
In the process of liquidation
-  **Selesai Pembubaran Syarikat**
Company liquidation completed



Tadbir Urus Korporat & Governans

Corporate Governance

121-123 **Analisis Tadbir Urus
Korporat dan Governans**
*Corporate Governance
Analysis*

124 **Ahli Jawatankuasa
Governance, Risk & Audit
Committee (GRAC)**
*Governance, Risk & Audit
Committee (GRAC) Members*

125-126 **Pencapaian Utama 2024**
2024 Key Achievements

127 **Inisiatif Utama IGD PDT**
PDT IGD's Key Initiatives

128 **Pelaksanaan Fungsi
Audit Dalam**
*Implementation of
Internal Audit*

ANALISIS TADBIR URUS KORPORAT DAN GOVERNANS

CORPORATE GOVERNANCE ANALYSIS

Berpandukan Indeks Prestasi Rasuah (CPI) yang diterbitkan oleh *Transparency International (TI)*, Malaysia kekal di kedudukan ke-57 bagi tahun 2023 dan 2024, dengan skor tetap sebanyak 50 mata. Walau bagaimanapun, Malaysia mempunyai visi untuk mencapai kedudukan antara 25 buah negara teratas di dunia menjelang tahun 2033.

Menyokong aspirasi tersebut, sepanjang 2024, PDT telah menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam memperkukuhkan budaya integriti dan tadbir urus korporat. Ini selari dengan komitmen PDT dalam mengekalkan standard pengurusan integriti yang tinggi serta usaha berterusan untuk menambah baik kawalan dalaman bagi membanteras risiko rasuah dan salah guna kuasa.

Based on the Corruption Perceptions Index (CPI) published by Transparency International (TI), Malaysia retained its 57th position globally for both 2023 and 2024, with a consistent score of 50 points. However, Malaysia has set its vision on achieving a position among the world's top 25 countries by the year 2033.

In support of this aspiration, PDT demonstrated significant progress throughout 2024 in strengthening its culture of integrity and corporate governance. This is in line with PDT's ongoing commitment to upholding high standards in integrity management, as well as its continuous efforts to improve internal controls to combat risks of corruption and abuse of power.

Pencapaian Utama

Key Achievements

Pembudayaan Integriti

Tahun 2024

Enculturation of Integrity
Throughout 2024



CERTIFIED TO ISO 37001 : 2024
CERT NO. : ABMS 00348

Pengiktirafan dan Pensijilan

Recognition and Certification

PDT telah memperolehi dua (2) pengiktirafan utama berkenaan pelaksanaan tadbir urus dan governans iaitu:

PDT received two (2) main recognitions related to the implementation of corporate governance and integrity:

Corporate Integrity System Malaysia (CISM)

PDT telah diiktiraf oleh Insitut Integriti Malaysia (IIM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai antara 10 syarikat di Malaysia yang mencapai prestasi 100% dalam pelaksanaan usaha wajar sendiri berkenaan tadbir urus dan governans.

PDT was recognised by the Malaysian Institute of Integrity (IIM) and the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) as one of the ten companies in Malaysia that achieved a 100% score in its self-assessment on corporate governance and integrity.

MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ABMS) Certification

PDT memperolehi pensijilan ABMS melalui badan pensijilan SIRIM QAS International Sdn. Bhd. secara sendiri, menjadikan ia pensijilan ISO yang pertama diperolehi di peringkat Kumpulan PDT semenjak penubuhannya.

PDT obtained ABMS certification through an independent process by SIRIM QAS International Sdn. Bhd. marking the first ISO certification received at the PDT Group level since its establishment.

Pengukuhan Usaha Wajar dengan Tapisan Keutuhan (eSTK)

Strengthening Due Diligence through Integrity Screening (eSTK)

Sebagai sebahagian daripada amalan tadbir urus yang baik, PDT telah memperkuat proses usaha wajar bagi transaksi-transaksi operasi syarikat melalui pelaksanaan Tapisan Keutuhan (eSTK) bagi memastikan pemantauan menyeluruh terhadap individu dan organisasi yang menjalankan perniagaan bersama PDT.

As part of good governance practices, PDT has enhanced its due diligence process for operational transactions through the implementation of Integrity Screening (eSTK). This initiative ensures comprehensive monitoring of individuals and organisations conducting business with PDT.



Program Sambutan Hari Integriti Kumpulan PDT *PDT Group Integrity Day Programme*

Bersempena sambutan Bulan Integriti 2024, Program Hari Integriti Kumpulan PDT telah dilaksanakan dengan jayanya melibatkan penyertaan warga kerja PDT dan anak syarikat dalam Kumpulan PDT. Majlis perasmian program tersebut turut disaksikan oleh Pengarah SPRM Johor, YB Dato' TPj Haji Azmi bin Haji Alias. Kehadiran SPRM Johor dalam program ini membuktikan komitmen PDT terhadap pematuhan piawaian antirasuah nasional.

In conjunction with Integrity Month 2024, the PDT Group Integrity Day Programme was successfully held involving the participation of PDT employees and subsidiaries within the PDT Group. The official launch of the programme was witnessed by the Director of the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) Johor, YB Dato' TPj Haji Azmi bin Haji Alias. The presence of Johor MACC in the programme reflects PDT's strong commitment in upholding national anti-corruption standards.

Penjenamaan Semula Jawatankuasa Audit & Integriti *Rebranding of the Audit and Integrity Committee*

Jawatankuasa Audit & Integriti (JAI) telah melaksanakan penjenamaan semula kepada Jawatankuasa Tadbir Urus, Risiko & Audit (GRAC). Tujuan utama penjenamaan semula tersebut adalah untuk menyertakan fungsi pengurusan risiko dalam kerangka kawalan dalaman di peringkat Kumpulan PDT.

The Audit and Integrity Committee (JAI) has been rebranded as Governance, Risk & Audit Committee (GRAC). The primary objective of this rebranding is to incorporate risk management functions within the internal control framework at the PDT Group level.

Kesimpulan *Conclusion*

Dengan terus mempertingkatkan inisiatif integriti, PDT berada pada landasan yang kukuh untuk memastikan tadbir urus korporat yang cekap dan bebas daripada unsur rasuah, selaras dengan aspirasi nasional dalam memperkasakan etika perniagaan dan ketelusan organisasi.

By continuously enhancing its integrity initiatives, PDT remains firmly on track to ensuring effective corporate governance that is free from elements of corruption. These efforts are aligned with national aspirations to strengthen business ethics and organisational transparency.

AHLI JAWATANKUASA GOVERNANCE, RISK & AUDIT COMMITTEE (GRAC)

Governance, Risk & Audit Committee (GRAC) Members



**TUAN HJ. MOHD KHIR
JOHARI BIN HJ.SALLEH**
Ahli Jawatankuasa
Committee Member



YB DATO' ISHAK BIN SAHARI
Pengerusi
Chairman



**TUAN HJ. LUKMAN
BIN ABU BAKAR**
Ahli Jawatankuasa
Committee Member

SENARAI SEKRETARIAT

List of Secretariat Members



MOHD FIRDAUS BIN ABD SAMAD
Ketua Pegawai Integriti &
Governans (CIGO) Kumpulan
Group Chief Integrity &
Governance Officer (CIGO)



**MUHAMMAD NUR SADIQIN
BIN MOHD JHUSNI**
Pegawai Integriti & Governans
(IGO) Kumpulan
Group Integrity & Governance
Officer (IGO)



**MOHD RIDHUAN
BIN MOHD NOOR**
Pegawai Audit Dalam
Kumpulan
Group Internal Audit Officer



**MOHAMAD SULAIMAN
BIN MOHD NOH**
Pegawai Pengesanan &
Pengesahan Kumpulan
Group Detection &
Verification Officer



HAMIZAH BINTI KAMARUZAMAN
Pegawai Pematuhan Kumpulan
Group Compliance Officer

Pencapaian Utama 2024

2024 Key Achievements



MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (No. Pensijilan: ABMS 00348)

PDT telah memperolehi pensijilan ABMS melalui badan pensijilan SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

PDT has obtained ABMS certification through the SIRIM QAS International Sdn. Bhd. certification body.



Corporate Integrity System Malaysia (CISM)

PDT telah disenaraikan antara sepuluh syarikat di Malaysia yang telah menyelesaikan program CISM pada tahun 2024.

PDT has been listed among ten companies in Malaysia that have completed the CISM programme in 2024.



Program Hari Integriti Kumpulan PDT 2024
2024 PDT Group Integrity Day Programme

Program tahunan anjuran Jabatan Governans bersempena sambutan Bulan Integriti 2024 dengan penglibatan warga kerja Kumpulan PDT.

An annual programme organised by the Governance Department in conjunction with the Integrity Month 2024 celebration, involving PDT Group employees.

MESYUARAT JAWATANKUASA TADBIR URUS, RISIKO & AUDIT (GRAC)

Governance, Risk & Audit Committee Meetings



13 Februari 2024
13 February 2024

GRAC KHAS Kali Ke-3 (Bil.1/2024)
3rd Special GRAC (No. 1/2024)



29 Ogos 2024
29 August 2024

GRAC KHAS Kali Ke-4 (Bil.2/2024)
4th Special GRAC (No.2/2024)



17 Julai 2024
17 July 2024

GRAC Kali Ke-10 (Bil.1/2024)
10th GRAC (No.1/2024)



3 Disember 2024
3 December 2024

GRAC Kali Ke-11 (Bil.2/2024)
11th GRAC (No.2/2024)

Inisiatif Utama IGD 2024

2024 IGD Key Initiatives



Penambahbaikan Polisi

Policy Improvement

Polisi Pengurusan Keselamatan Dokumen Terperingkat merupakan sebuah polisi yang menggariskan prosedur pengurusan dokumen bagi mengklasifikasikan dan melupuskan dokumen sensitif ('Dokumen Terperingkat') telah diluluskan di Mesyuarat GRAC Kali Ke-10 (Bil.1/2024).

The Classified Document Security Management Policy is a policy that outlines the procedures for managing documents to classify and dispose of sensitive documents referred to as 'Classified Documents' which was approved at the 10th GRAC Meeting (No. 1/2024).



Sesi Induksi Integriti Kakitangan Baharu

Integrity Induction Session for New Staff

Bermula pada Februari 2024, Sesi Induksi Integriti menjadi medium komunikasi kepada kakitangan baharu untuk memahami budaya kerja organisasi, tatakelola baik, pematuhan, nilai budaya integriti dan tiada toleransi ke atas rasuah.

Pada akhir sesi, kakitangan perlu mendeklarasi pematuhan Kod Etika dan Tatalaku berdasarkan Buku Panduan Integriti (BPI).

Starting from February 2024, the Integrity Induction Session serves as a communication platform for new employees to understand the organisation's work culture, good governance, compliance, integrity values and zero tolerance towards corruption.

At the end of the session, employees are required to declare compliance with the Code of Ethics and Conduct based on the Integrity Guidebook (BPI).

Pelaksanaan Fungsi Audit Dalam Tahun 2024

The Implementation of Internal Audit in 2024

Pengurusan Undang-undang

Legal Management

Memastikan kecukupan dan keberkesanan kawalan berkaitan pengurusan undang-undang berdasarkan polisi dan prosedur yang telah diwujudkan serta pemantauan terhadap perubahan dalam keperluan peraturan.

Ensuring the adequacy and effectiveness of controls related to legal management based on established policies and procedures, as well as monitoring changes in regulatory requirements.

Pengurusan Pajakan dan Sewaan

Lease and Rental Management

Memastikan kecukupan dan keberkesanan kawalan berkaitan pengurusan pajakan dan sewaan berdasarkan polisi dan prosedur yang telah diwujudkan serta aktiviti pemantauan dan pelaporan hasil hartanah.

Ensuring adequacy and effectiveness of controls related to lease and rental management based on established policies and procedures, as well as monitoring activities and property outcome reporting.

Tadbir Urus Korporat

Corporate Governance

Memastikan kecukupan dan keberkesanan fungsi tadbir urus korporat berdasarkan Perlembagaan Syarikat serta amalan terbaik industri.

Ensuring the adequacy and effectiveness of corporate governance based on the Company's Constitution and industry best practises.

Tanggungjawab Sosial Korporat

Corporate Social Responsibility

130-139

Analisis Tanggungjawab Sosial Korporat
Corporate Social Responsibility Analysis

140-155

Pembangunan Modal Insan
Human Capital Development

156-158

Penjenamaan Semula Nama Sektor dan Jawatan Pengurusan PDT
Rebranding of Sector Names and Management Positions at PDT

159-161

Kempen Kitar Semula Dan Kesedaran Awam Kakitangan PDT
Recycling Campaign and Awareness for PDT Staff

162-165

Pertandingan Inovasi PDT: 'Innovathon'
PDT Innovation Competition: 'Innovathon'

ANALISIS TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Corporate Social Responsibility (CSR) Analysis

Jumlah Perbelanjaan

Program CSR

Total Expenditure for
CSR Programmes

RM

1.5

Juta
Million



PDT telah membelanjakan hampir RM1.5 juta pada 2024 untuk melaksanakan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang memberi fokus kepada pendidikan dan pembangunan modal insan. Program CSR dilaksanakan sebagai sebahagian daripada teras perniagaan PDT yang memberi fokus kepada kerajaan dan rakyat, dengan tujuan memberikan manfaat kepada masyarakat setempat. PDT juga berperanan dalam menyokong usaha pemuliharaan alam sekitar.

PDT has spent nearly RM1.5 million in 2024 to implement Corporate Social Responsibility (CSR) programmes focusing on education and human capital development. The CSR programmes are part of PDT's core business, which emphasises government and people, with the aim of benefiting the local community. PDT also plays a role in supporting environmental conservation efforts.

ENERGIZE 1.0

Caring For Wetlands



Pada tahun 2024, PDT melancarkan program baharu di bawah inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di Taman Negara Johor Tanjung Piai. *Energize 1.0: 'Sustainable Development Goals: Caring for Wetlands'* merupakan program yang melibatkan kerjasama antara PDT dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bagi tujuan pemuliharaan hutan paya bakau di Johor. Program ini mengutamakan amalan *Sustainable Development Goals (SDG)* yang diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), yang terdiri daripada 17 indikator untuk mencapai pembangunan lestari menjelang tahun 2030. SDG bertujuan untuk memastikan kesejahteraan dan kemakmuran semua pihak, sambil memelihara alam sekitar.

In 2024, PDT launched a new programme under the Corporate Social Responsibility (CSR) initiative at Tanjung Piai Johor National Park. Energize 1.0: 'Sustainable Development Goals: Caring for Wetlands' is a programme that involves collaboration between PDT and Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) aimed at conserving mangrove forests in Johor. This programme prioritises Sustainable Development Goals (SDGs) recognised by the United Nations, consisting of 17 indicators to achieve sustainable development by 2030. SDGs aim to ensure the well-being and prosperity of all while preserving the environment.



TABUNG PENDIDIKAN SARJANA PDT (TPSPDT)



Tabung Pendidikan

SARJANA

Permodalan Darul Ta'zim

2024

Jumlah Peruntukan TPSPDT

Total Allocation for TPSPDT

2016 - 2024

RM

3.39

Juta
Million

Tabung Pendidikan Sarjana PDT merupakan inisiatif yang dijalankan dengan kerjasama Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor (YRZSNJ). Program ini telah dilaksanakan setiap tahun sejak diperkenalkan pada 2016. TPSPDT menyediakan bantuan kewangan secara one-off khusus untuk pelajar daripada golongan B40 yang sedang melanjutkan pengajian di peringkat ijazah sarjana di universiti awam.

Sehingga 2024, PDT telah memperuntukkan sejumlah RM3.391 juta untuk menjayakan program ini, yang telah memberi manfaat kepada seramai 817 orang pelajar. Selain membantu meringankan beban kewangan pelajar, inisiatif ini turut menyokong usaha meningkatkan kadar kemasukan golongan B40 ke institusi pengajian tinggi, seterusnya menyumbang kepada pembangunan modal insan berkualiti di negeri Johor.

Tabung Pendidikan Sarjana PDT (TPSPDT) is a corporate social responsibility initiative carried out in collaboration with the Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor (YRZSNJ). This programme has been implemented annually since its introduction in 2016. TPSPDT provides one-off financial assistance specifically for B40 students pursuing bachelor's degrees at public universities.

Up until 2024, PDT has allocated a total of RM3.391 million to successfully run this programme, benefiting 817 students. Besides alleviating the financial burden on students, this initiative also supports efforts to increase the enrolment rate of B40 groups in higher education institutions, thereby contributing to the development of quality human capital in Johor state.

TABUNG PENDIDIKAN KAKITANGAN KERAJAAN KUMPULAN PELAKSANA (TPKKKP)



Tabung Pendidikan

**KAKITANGAN KERAJAAN
KUMPULAN PELAKSANA**

Permodalan Darul Ta'zim

2024

Jumlah Peruntukan TPKKKP

Total Allocation for TPKKKP

2018 - 2024

RM

449

Ribu
Thousand

Tabung Pendidikan Kakitangan Kerajaan Kumpulan Pelaksana (TPKKKP) telah diperkenalkan pada tahun 2018 hasil kerjasama strategik antara PDT dan YRZSNJ. Inisiatif ini bertujuan untuk menyediakan bantuan kewangan secara one-off kepada kakitangan kerajaan kumpulan pelaksana yang sedang melanjutkan pengajian di peringkat diploma atau ijazah sarjana muda. Bantuan ini dirancang bagi meringankan beban kewangan penerima, sekali gus menggalakkan pembangunan modal insan yang lebih mampan.

Sejak diperkenalkan, TPKKKP telah memberi manfaat kepada seramai 111 individu dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM449,000.00. Usaha ini selaras dengan komitmen PDT dalam memperkasakan pendidikan dan menyokong aspirasi kakitangan kerajaan untuk meningkatkan kelayakan akademik mereka demi kemajuan kerjaya dan kehidupan yang lebih baik.

The Tabung Pendidikan Kakitangan Kerajaan Kumpulan Pelaksana (TPKKKP) was introduced in 2018 as a result of a strategic collaboration between PDT and YRZSNJ. This initiative aims to provide one-off financial assistance to government employees in the implementing group who are pursuing studies at the diploma or bachelor's degree level. The assistance is designed to ease the financial burden of recipients while also promoting more sustainable human capital development.

Since its introduction, TPKKKP has benefited a total of 111 individuals, with an overall allocation of RM449,000.00. This effort aligns with PDT's commitment to strengthening education and supporting the aspirations of government employees to enhance their academic qualifications for better career advancement and an improved life quality.

KURSUS JANGKA PENDEK PEGAWAI TADBIR NEGERI JOHOR & KURSUS JANGKA PENDEK PIHAK BERKUASA TEMPATAN



Kursus Jangka Pendek Pegawai Tadbir Negeri Johor
'Environmental, Social & Governance (ESG)'

Jumlah Peruntukan Kursus

Total Allocation for the Courses

2015 - 2024

RM

1.4

Juta
Million

Sejak 2015, PDT telah menyumbang lebih RM1.4 juta untuk melaksanakan pelbagai program pendidikan profesional, kepimpinan dan peningkatan kemahiran yang memberi manfaat kepada Pegawai Tadbir Negeri Johor serta Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Johor. Program-program ini bertujuan memperkukuh pengetahuan dan kemahiran dalam bidang berkaitan, sekaligus menyokong pembangunan modal insan yang lebih berkualiti.

Pada tahun 2024, PDT telah memperuntukkan sebanyak RM100,000.00 untuk melaksanakan inisiatif berasaskan *Environmental, Social & Governance (ESG)*. Langkah ini merupakan sebahagian daripada komitmen PDT dalam memastikan kelestarian dan pembangunan mampan yang menyeluruh, selaras dengan matlamat strategik syarikat untuk memberi impak positif kepada komuniti dan alam sekitar.

Since 2015, PDT has contributed over RM1.4 million to implement various professional education, leadership and skills enhancement programmes that benefit Johor State Administrative Officers and Johor State Civil Service Officers. These programmes aim to enhance knowledge and expertise in relevant fields, thereby supporting the development of high-quality human capital.

In 2024, PDT allocated RM100,000.00 to implement initiatives based on Environmental, Social & Governance (ESG) principles. This initiative is part of PDT's commitment to ensuring sustainability and comprehensive sustainable development, in line with the company's strategic objectives to create a positive impact on the community and the environment.

KURSUS JANGKA PENDEK GURU KAFA



Jumlah Peruntukan Kursus Guru KAFA

Total Allocation for Guru KAFA Course

2017 - 2024

RM

499

Ribu
Thousand

Sejak 2017, PDT aktif menyokong penganjuran Kursus Jangka Pendek Guru KAFA sebagai inisiatif untuk memperkasa kemahiran dan meningkatkan kualiti pengajaran guru-guru KAFA di negeri Johor. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor, bagi memastikan keberkesanannya.

Hingga tahun 2024, lebih daripada 1,600 orang guru telah menerima manfaat daripada kursus ini, yang merangkumi pelbagai modul latihan dan pembangunan profesional. PDT telah memperuntukkan dana sebanyak RM499,530.00 bagi menjayakan program ini, menjadikannya salah satu pelaburan strategik dalam memartabatkan pendidikan Islam di peringkat negeri.

Since 2017, PDT has been acitively involved in organising of Kursus Jangka Pendek Guru KAFA as an initiative to enhance skills and improve the teaching quality of KAFA teachers in the state of Johor. This programme is implemented in collaboration with the Islamic Education Division, Johor Islamic Religious Department to ensure its effectiveness.

By 2024, more than 1,600 teachers have benefited from this course, which includes various training modules and professional development. PDT has allocated a total of RM499,530.00 to ensure the success of this programme, making it a strategic investment in enhancing Islamic education at the state level.

TABUNG PEMERKASAAN WANITA



Jumlah Peruntukan Tabung Pemerkasaan Wanita

Total Allocation for Tabung Pemerkasaan Wanita

2023 - 2024

RM

200

Ribu
Thousand

Tabung Pemerkasaan Wanita telah diperkenalkan bagi menyediakan sumber kewangan bagi melaksanakan pelbagai program dan aktiviti khusus kepada penjawat awam wanita di negeri Johor. Inisiatif ini bertujuan melahirkan penjawat awam wanita yang lebih aktif, kreatif dan inovatif, seiring dengan usaha memperkasa peranan wanita dalam sektor awam.

Bagi tahun 2024, PDT telah memperuntukkan dana sebanyak RM100,000.00 kepada Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) bagi merealisasikan program-program dan aktiviti yang dirancang. Hampir 2,200 peserta telah menerima manfaat menerusi program-program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024.

Tabung Pemerkasaan Wanita was introduced to provide financial resources for implementing various programmes and activities specifically for female public servants in the state of Johor. This initiative aims to cultivate female public servants who are more active, creative and innovative, in line with efforts to strengthen the role of women in the public sector.

For the year 2024, PDT has allocated RM100,000.00 to Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) to facilitate the implementation of planned programmes and activities. Nearly 2,200 participants benefited from the programmes conducted throughout 2024.

SINAR LEBARAN PDT



Jumlah Peruntukan Sinar Lebaran Total Allocation for Sinar Lebaran

2021 - 2024

RM

135


Ribu
Thousand



400
Keluarga
Families



300
Anak Yatim
Orphans



Diperkenalkan pada tahun 2021, program Sinar Lebaran PDT merupakan salah satu inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang dilaksanakan oleh PDT. Program ini bertujuan meringankan beban golongan sasaran seperti keluarga miskin bandar, miskin tegar, dan individu yang sakit terlantar dalam membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Sejak 2021, PDT telah memperuntukkan sejumlah RM135,000.00 untuk menjayakan program ini, secara langsung telah memberi manfaat kepada 100 keluarga dan 100 anak yatim dari empat daerah utama, iaitu Pontian, Batu Pahat, Muar, dan Kluang. Melalui Sinar Lebaran PDT, penerima bantuan menerima sumbangan dalam bentuk barangan keperluan harian dan wang tunai, yang diharapkan dapat menceriakan sambutan Aidilfitri mereka.

Introduced in 2021, The Sinar Lebaran PDT programme is one of PDT's Corporate Social Responsibility (CSR) initiatives. This programme aims to alleviate the burden of target groups including urban poor families, hardcore poor and bedridden patients in preparing for Hari Raya Aidilfitri celebrations.

Since 2021, PDT has allocated a total of RM135,000.00 to implement this programme, directly benefiting 100 families and 100 orphaned children from four main districts: Pontian, Batu Pahat, Muar and Kluang. Through Sinar Lebaran PDT, recipients receive contributions in the form of daily necessities and cash, intended to brighten their Hari Raya Aidilfitri celebrations.

SUMBANGAN KHAS Special Contributions

Sumbangan Khas berjumlah melebihi RM1 juta telah diberikan kepada agensi kerajaan, persatuan dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi melaksanakan pelbagai program yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Special Contributions amounting over RM1 million have been allocated to government agencies, associations and non-governmental organisations (NGOs) to implement various programmes benefiting the community.

Bantuan Barangan Keperluan Asas Mangsa Banjir Basic Necessities Aid for Flood Victims



Sebagai persediaan awal menghadapi cabaran Monsun Timur Laut, PDT telah mengambil inisiatif menyalurkan bantuan barangan keperluan asas kepada mangsa banjir di seluruh negeri Johor. Bantuan ini merangkumi 1,500 kampak beras dan 1,500-unit bihun, yang diagihkan bagi meringankan beban komuniti terjejas. Sumbangan ini disalurkan melalui Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Sukan, Belia dan Sukarelawan) dengan kerjasama Southern Volunteers (SV). Langkah ini mencerminkan komitmen PDT dalam menyokong kesejahteraan masyarakat, terutamanya semasa menghadapi bencana alam.

As initial preparation to face the challenges of the Northeast Monsoon, PDT has taken the initiative to distribute necessary aid to flood victims across the state of Johor. This assistance includes 1,500 packs of rice and 1,500 packs of vermicelli, aimed at alleviating the burden on affected communities. The contribution is channelled through the Deputy Secretary of the Johor State Government (Sports, Youth and Volunteers) Office in collaboration with Southern Volunteers (SV). This step reflects PDT's commitment to supporting community welfare, especially during natural disasters.

Program Larian Amal Laksamana 2024

Laksamana Charity Run 2024



PDT telah menyalurkan sumbangan berjumlah RM50,000.00 kepada Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor (YKTLJ) bagi menzahirkan sokongan terhadap penganjuran Program Larian Amal Laksamana 2024 serta aktiviti-aktiviti YKTLJ bagi pejuang kanser. Program ini juga bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kanser dalam kalangan orang awam melalui pendekatan yang interaktif dan informatif.

PDT has contributed RM50,000.00 to the Tunku Laksamana Johor Cancer Foundation (YKTLJ) as a show of support for the organisation of the Laksamana Charity Run 2024 and YKTLJ's activities for cancer fighters. This programme also aims to raise public awareness about cancer through an interactive and informative approach.

Majlis Makan Malam Amal 'A Night for Fighters'

'A Night for Fighters' Charity Dinner



PDT telah menyalurkan sumbangan berjumlah RM50,000.00 kepada YKTLJ bagi membantu pejuang kanser yang menjalani rawatan di hospital kerajaan di seluruh Johor. Majlis makan malam amal 'A Night for Fighters' bukan sahaja menjadi platform untuk mengumpul dana bagi pesakit kanser malah sebagai tanda solidariti dan penghargaan kepada mereka yang berjuang melawan penyakit ini.

PDT has donated RM50,000.00 to YKTLJ to support cancer fighters receiving treatment at government hospitals across Johor. The charity dinner, 'A Night for Fighters', serves not only as a platform to raise funds for cancer patients but also as a symbol of solidarity and appreciation for those battling the disease.

Majlis Santapan Diraja UTM 2024

UTM Royal Gala Dinner 2024



PDT telah menyalurkan sumbangan berjumlah RM50,000.00 kepada Universiti Teknologi Malaysia sebagai usaha membantu pelajar dalam pelbagai aspek. Sumbangan ini merangkumi pemberian biasiswa, bantuan sara hidup, pembayaran yuran pengajian, bantuan perubatan, bantuan makanan percuma penyediaan peralatan pembelajaran dan lain-lain pemberian yang bersesuaian dengan keperluan pelajar. Inisiatif ini bertujuan untuk meringankan beban pelajar dan menyokong kecemerlangan akademik mereka.

PDT has contributed RM50,000.00 to Universiti Teknologi Malaysia (UTM) as an effort to support students in various aspects. This contribution includes scholarships, living allowances, tuition fee assistance, medical aid, free meal provisions, educational equipment and other forms of assistance tailored to students' needs. This initiative aims to alleviate students' financial burdens and support their academic excellence.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Human Capital Development

Peruntukan Bagi Inisiatif Latihan & Pembangunan

Allocation for
Training & Development
Initiatives

RM

500

Ribu
Thousand



PDT terus komited dalam membangunkan dan mengekalkan tenaga kerja berkualiti, dengan jumlah seramai 60 kakitangan yang memainkan peranan penting dalam enam bahagian utama, iaitu Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan, Pejabat Ketua Pegawai Kewangan, Bahagian Hartanah dan Pengurusan Aset, Bahagian Pengurusan Sumber & Hal Ehwal Korporat, Penasihat Korporat serta Bahagian Pembangunan Strategik.

PDT remains committed to developing and maintaining a high-quality workforce, with a total of 60 employees playing key roles across six main divisions: the Office of the President & Group Chief Executive, the Office of the Chief Finance Officer, Property and Asset Management, Resource Management & Corporate Affairs, Corporate Advisory and Strategic Development.



Sebagai organisasi yang dinamik, PDT sentiasa memastikan kebajikan tenaga kerja berada pada tahap terbaik. Jabatan Modal Insan secara berterusan mengkaji dan menyesuaikan terma serta syarat pekerjaan agar selari dengan perubahan akta serta trend pasaran semasa. PDT juga menjalankan semakan berkala terhadap pakej imbuhan dan faedah bagi memastikan ia kompetitif, mencukupi dan selaras dengan persekitaran perniagaan yang semakin berkembang. Langkah ini bukan sahaja menjadikan PDT lebih berdaya saing, malah memastikan penghargaan yang adil diberikan kepada pekerja berprestasi tinggi serta mengembangkan bakat terbaik dalam organisasi.

Selain ganjaran yang kompetitif, PDT turut mengutamakan pembangunan kerjaya kakitangan. Sesi kenaikan pangkat secara berkala telah disusun untuk memberikan laluan kerjaya yang jelas serta memberi pengiktirafan kepada mereka yang menunjukkan kesetiaan dan kecemerlangan. Sebagai bukti komitmen ini, pada 1 Julai 2024, seramai 11 kakitangan telah dinaikkan pangkat berdasarkan kelayakan mereka, mencerminkan budaya kerja progresif dan menghargai prestasi di PDT.

As a dynamic organisation, PDT consistently ensures that the well-being of its workforce is maintained at the highest level. The Human Capital Department continuously reviews and adapts the terms and conditions of employment to stay aligned with legislative changes and current market trends. We also conduct regular evaluations of remuneration and benefits packages to ensure they remain competitive, sufficient and in line with the evolving business environment. These efforts enhance PDT's competitiveness, and ensure fair recognition is given to high-performing employees while nurturing the best talent within the organisation.

In addition to offering competitive rewards, PDT places strong emphasis on career development. Regular promotion exercises have been put in place to provide a clear career path and to acknowledge those who demonstrate loyalty and excellence. As a testament to this commitment, on 1 July 2024, 11 employees were promoted based on their qualifications, reflecting PDT's progressive work culture and its appreciation of performance.

PDT TOWNHALL



PDT Town Hall merupakan sebuah platform strategik yang memperkukuh hala tuju syarikat dan mempererat hubungan dalam organisasi. Dalam sesi ini, PDT turut mengadakan Majlis Penghargaan bagi meraikan dedikasi dan kesetiaan kakitangan yang telah berkhidmat selama 10 tahun, dengan seramai empat individu menerima penghormatan atas sumbangan mereka yang berharga. Program ini mensasarkan lima objektif utama, iaitu:

PDT Town Hall is a strategic platform that strengthens the company's direction and enhances organisational relationships. During this session, PDT also held an Appreciation Ceremony to celebrate the dedication and loyalty of employees who have served for 10 years, with four individuals being honoured for their valuable contributions. This programme aims to achieve five main objectives:

- 01** Membina minda, sikap dan tindakan yang positif bagi kecemerlangan organisasi
To cultivate a positive mindset, attitude and actions for organisational excellence
- 02** Menjana komunikasi (hubungan) yang berkesan di tempat kerja
To foster effective communication (relationships) in the workplace
- 03** Meningkatkan dan membudayakan semangat kerja berpasukan.
To enhance and instil a culture of teamwork
- 04** Memaksimumkan motivasi diri bagi kecemerlangan organisasi
To maximize self-motivation for organisational excellence
- 05** Mempertingkatkan pengurusan dan produktiviti kerja yang tinggi
To improve management and achieve high work productivity



PDT Town Hall ini menjadi medium utama untuk PDT menyampaikan laporan pencapaian KPI PDT serta anak syarikat, mencerminkan komitmen kami terhadap ketelusan dan prestasi cemerlang. Selain itu, sesi ini juga membuka ruang untuk perkongsian visi, harapan serta strategi hala tuju PDT dan anak syarikat bagi tahun 2025. Langkah ini bagi memastikan setiap kakitangan memahami dan bersedia dalam merealisasikan matlamat yang ditetapkan.

Sebagai sebuah organisasi yang mengutamakan keterlibatan dan penyampaian maklumat secara berkesan, sesi ini turut menampilkan pembentangan penilaian prestasi serta amanat Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan. PDT Town Hall adalah satu simbol perpaduan dan komitmen dalam mencapai kecemerlangan bersama.

The PDT Town Hall serves as a primary platform for PDT to present the KPI achievements of the company and its subsidiaries, reflecting our commitment to transparency and outstanding performance. Additionally, the session provides a space to share the vision, hopes and strategic direction of PDT and its subsidiaries for the year 2025. This is to ensure that every employee understands and is prepared to realise the set goals.

As an organisation that prioritises engagement and effective communication, the session also featured a performance evaluation presentation as well as a mandate from the President and Group Chief Executive. PDT Town Hall stands as a symbol of unity and commitment in striving for collective excellence.

TRANSFORMASI DIGITAL Digital Transformation

Seiring dengan perkembangan teknologi dan keperluan organisasi yang semakin dinamik, PDT terus mengorak langkah dalam transformasi digital dengan memperkenalkan tiga sistem digital baharu bagi meningkatkan kecekapan pengurusan sumber manusia. Inisiatif ini bukan sahaja mengoptimumkan operasi dalaman tetapi juga memperkasa pengalaman kakitangan dalam mengurus keperluan mereka dengan lebih mudah dan efisien.


In line with technological advancements and the increasingly dynamic needs of the organisation, PDT continues to advance its digital transformation journey by introducing three new digital systems aimed at enhancing the efficiency of human resource management. This initiative not only optimises internal operations but also empowers staff by making it easier and more efficient for them to manage their needs.



Sistem Pendaftaran Klinik Panel Secara Dalam Talian *Online Panel Clinic Registration System*

PDT telah memilih HealthMetrics sebagai platform pengurusan faedah kesihatan pekerja, membolehkan kakitangan mendaftar dan mengakses perkhidmatan klinik panel secara digital. Sistem ini memastikan proses yang lebih lancar, pantas dan telus dalam pengurusan manfaat kesihatan.

PDT has chosen HealthMetrics as the platform for managing employee health benefits, enabling staff to register and access panel clinic services digitally. This system ensures a smoother, faster and more transparent process for managing healthcare benefits.



Sistem Penilaian Prestasi Bersepadu *Integrated Performance Appraisal System*

Bermula tahun 2024, PDT memperkenalkan sistem penilaian prestasi digital yang dibangunkan bersama pihak pembekal. Setiap kakitangan kini perlu mengisi borang penilaian prestasi individu secara dalam talian, membolehkan penilaian yang lebih sistematik, mudah diakses, serta memastikan ketelusan dan penyimpanan rekod yang lebih efisien.

Starting in 2024, PDT has introduced a digital performance appraisal system developed in collaboration with a service provider. All staff are now required to complete individual performance appraisal forms online, allowing for a more systematic and accessible evaluation process, while ensuring transparency and more efficient record keeping.



Sistem Permohonan Latihan Digital
Digital Training Application System

Menggantikan proses manual yang sebelum ini menggunakan borang fizikal, sistem permohonan latihan baharu ini membolehkan kakitangan mengurus penyertaan latihan mereka secara digital. Langkah ini bukan sahaja meningkatkan kemudahan akses, tetapi juga membantu Jabatan Modal Insan dalam pemantauan dan pengurusan latihan dengan lebih efektif.

Replacing the previous manual process involving physical forms, this new training application system allows staff to manage their training participation digitally. This step not only improves accessibility but also supports the Human Capital Department in better monitoring and managing training programs.

Transformasi digital ini adalah sebahagian daripada komitmen PDT dalam membangunkan persekitaran kerja yang lebih inovatif, cekap dan berdaya saing, seiring dengan aspirasi syarikat untuk terus maju dalam era digital.

This digital transformation is part of PDT's commitment to building a more innovative, efficient and competitive work environment, in line with the company's aspiration to thrive in the digital era.

LATIHAN KAKITANGAN PDT
PDT STAFF TRAINING



Di PDT, pembangunan tenaga kerja adalah teras kepada kejayaan organisasi. Dengan komitmen tinggi dalam memperkasa modal insan, PDT mewajibkan setiap kakitangan untuk menghadiri sekurang-kurangnya 40 jam latihan, kursus atau bengkel setahun, merangkumi bidang teknikal dan pengurusan. Bagi tahun 2024, hampir RM500,000.00 telah diperuntukkan bagi inisiatif latihan dan pembangunan, memastikan kakitangan terus diperkasakan dengan ilmu serta kemahiran terkini dalam dunia profesional.

Jabatan Modal Insan PDT telah merancang dan melaksanakan pelbagai program latihan berimpak tinggi di dalam dan luar negara, dengan fokus kepada pengurusan perniagaan, kepimpinan, kejuruteraan, undang-undang, kewangan dan komunikasi berkesan.

At PDT, workforce development is fundamental to the organisation's success. With a strong commitment to empowering human capital, PDT requires that each staff member completes a minimum of 40 hours of training, courses, or workshops annually, covering both technical and management areas. For the year 2024, nearly RM500,000.00 has been allocated for training and development initiatives, ensuring main employees remain well-equipped with the latest knowledge and skills in the professional world.

The PDT Human Capital Department has planned and implemented various high-impact training programmes, both locally and abroad, focusing on business management, leadership, engineering, law, finance and effective communication.



Sebagai sebahagian daripada inisiatif ini:

As part of these initiatives:

- 8 - 9 Ogos 2024 – PDT telah menganjurkan kursus "Leader in Action" bersama-sama pasukan dari Razak School of Government (RSOG) di Hotel Hyatt, Johor Bahru, bertujuan membentuk kepimpinan dinamik dalam organisasi.
- 5 - 8 November 2024 – Seramai empat kakitangan berjawatan eksekutif kanan ke atas telah menghadiri kursus "Emerging Leaders: Leading with Adaptability Intelligence" di Phuket, Thailand, hasil kerjasama strategik dengan Asia School of Business (ASB).
- 8-9 August 2024 – PDT organised the "Leader in Action" course with a team from the Razak School of Government (RSOG) at Hyatt Hotel, Johor Bahru, aimed at developing dynamic leadership within the organisation.
- 5-8 November 2024 – Four employees at senior executive level and above attended the "Emerging Leaders: Leading with Adaptability Intelligence" course in Phuket, Thailand, through a strategic collaboration with the Asia School of Business (ASB).

Sepanjang tahun 2024, PDT telah merekodkan sebanyak 98 sesi latihan dalaman dan luaran, mencerminkan dedikasi syarikat dalam melahirkan tenaga kerja berprestasi tinggi. Dengan pelaburan berterusan dalam pembangunan bakat, PDT beraspirasi menjadi majikan pilihan, menyediakan persekitaran kerja yang positif, progresif dan berdaya saing bagi menjana kejayaan yang lebih besar.

Throughout 2024, PDT recorded a total of 98 internal and external training sessions, reflecting the company's dedication to nurturing a high-performing workforce. With continuous investment in talent development, PDT aspires to be an employer of choice, offering a positive, progressive and competitive work environment to drive greater success.

JUMLAH KAKITANGAN 2024
TOTAL NUMBER OF EMPLOYEES 2024

Lelaki
Male

57%

Wanita
Female

43%

Jumlah Keseluruhan
Overall Total

60 Kakitangan
Staff



SENARAI KURSUS & PENGLIBATAN PDT DAN ANAK SYARIKAT 2024

Bil. No.	Tarikh Date	Nama Kursus, Latihan, Bengkel & Program Name of Courses, Training, Workshops & Programmes	Penganjur Organiser
1.	6 Januari 2024	Program Gotong-Royong di Pantai Lido Bersama YAB Menteri Besar Johor	Pejabat Daerah Johor Bahru
2.	22-24 Januari 2024	Bengkel SOP Projek Pengurusan & Penyelenggaraan PBT	Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor
3.	23-24 Januari 2024	GLC/ GLIC Legal Counsel Forum 2024	RDS Advocates & Solicitors
4.	30 Januari 2024	Introduction to Dynamic SAFWA Traffic Light System	SAFWA Global Ventures (M) Sdn. Bhd.
5.	6 Februari 2024	Pembangunan Content Kreatif Media Sosial	Institut Tanah dan Ukur Negara
6.	7-9 Februari 2024	Seminar Kebangsaan Pengurusan Mampas Tasik dan Wetland Putrajaya Sempena Hari Wetland Sedunia	Perbadanan Putrajaya
7.	20-21 Februari 2024	Strategic Tax Optimisation: Navigation Corporate Finances for Maximum Returns	Maulid Minda Training & Consultancy
8.	21 Februari 2024	Taklimat Pelaksanaan Inisiatif Antirasuah Anjuran Bahagian Penyiasatan Tatakelola (BPT, SPRM)	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
9.	20-21 Februari 2024	Corporate Directors Training Programme Fundamental 5.0 + Cyber Security Awareness	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
10.	26-27 Februari 2024	ISO 37001 : 2016 Internal Auditing	SIRIM Academy
11.	26-27 Februari 2024	Construction Project Management	IPA Training
12.	26-27 Februari 2024	Administrative Professionals & Secretaries Symposium	The Ville
13.	27 Februari 2024	Kursus Pengawasan Kualiti Air Anjuran JTLAB	Johor Toyyiban Laboratories Sdn. Bhd.
14.	28 Februari 2024	Bengkel Pelan Strategik PDT	PDT & SALIHIN
15.	28-29 Februari 2024	Masterclass on Business Integrity, Corporate Liability and Adequate Procedure for Small Medium Enterprise	Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Bil. No.	Tarikh Date	Nama Kursus, Latihan, Bengkel & Program Name of Courses, Training, Workshops & Programmes	Penganjur Organiser
16.	3 Mac 2024	Safety Induction for Construction Workers	PKPJ
17.	4-8 Mac 2024	Sustainable Integrated Water Resources Management	Singapore Cooperation Programme
18.	4-5 Mac 2024	Kursus Pengenalan Pertolongan Cemas, CPR dan AED Siri 2024	PDT & Bulan Sabit Merah Malaysia
19.	6-7 Mac 2024	ASEAN Finance Innovation Summit 2024	CT Event Asia
20.	20 Mac 2024	Kursus Aplikasi & Amalan 5S dalam Pengurusan Rekod dan Fail	IPA Training
21.	20 Mac 2024	Taklimat Pelaksanaan Inisiatif Antirasuah Anjuran Bahagian Penyiasatan Tatakelola (BPT, SPRM)	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
22.	25 Mac 2024	Bengkel Pemantapan Prosedur Pengurusan Mesyuarat-Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor	Pejabat Jurutulis Dewan Kerajaan Negeri Johor
23.	3 April 2024	HR Essential for Newbie	Syamsul Management Consulting Asia
24.	23 April 2024	Bengkel Strategik Bersama Petronas Southern	Petronas Selatan
25.	24 April 2024	Taklimat Pelaksanaan Inisiatif Antirasuah Anjuran Bahagian Penyiasatan Tatakelola (BPT, SPRM)	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
26.	29-30 April 2024	Essentials of The Employment Act 1955	Training Asia
27.	4-5 Mei 2024	Corporate Governance - MAICSA (1 st Session)	MAICSA
28.	6 Mei 2025	RDS Johor Legal & Tax Outlook 2024	Advocates & Solicitors
29.	7-30 Mei 2024	Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO)	Akademi Pencegah Rasuah Malaysia
30.	9 Mei 2024	Program Pemerkasaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) bersama Agensi Kerajaan di Negeri Johor	Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Selatan

Bil. No.	Tarikh Date	Nama Kursus, Latihan, Bengkel & Program Name of Courses, Training, Workshops & Programmes	Penganjur Organiser
31.	15-16 Mei 2024	Bengkel Penyelarasan Modul bagi Sijil Profesional Tadbir Urus Korporat	Akademi JCS
32.	18-19 Mei 2024	Corporate Governance - MAICSA (2 nd Session)	MAICSA
33.	21 Mei 2024	Sesi Libat Urus (Sistem Pengangkutan & Mobiliti Hijau & Perubahan Iklim)	UTM & Jabatan Pembangunan Strategik
34.	26 Mei 2024	Construction Safety: A Comprehensive Introduction to OSH in Construction	Rich Mega Region Sdn. Bhd.
35.	27-28 Mei 2024	Penulisan Surat Rasmi & Memo Berkualiti	Versatile Training
36.	27-28 Mei 2024	Fixed Assets Management & Tracking Systems With an Overview of ISO55000	Institute of Professional Advancement
37.	28-29 Mei 2024	Strategic Contracts Negotiation and Deal Making	iTraining Experts
38.	28-29 Mei 2024	Program Latihan Jabatan Kerja Raya Malaysia Tahun 2024 Kursus Penyediaan Anggaran Kos Awalan dan Anggaran Jabatan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
39.	1-2 Jun 2024	Accounting for Financial Acumen for Dummies	Institut Dato' Onn
40.	5 Jun 2024	CTOS Online Training	CTOS
41.	10-12 Jun 2024	Occupation Safety & Health Coordinator	NIOSH
42.	11-13 Jun 2024	Company Secretaries Training Programme Essential 1.0	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
43.	12-13 Jun 2024	Program Pesona Aspirasi Psikologi	JCCD
44.	12-13 Jun 2024	Kursus Keterampilan Korporat	JCCD
45.	18-22 Jun 2024	Singapore International Water Week 2024	Singapore International Water Week

Bil. No.	Tarikh Date	Nama Kursus, Latihan, Bengkel & Program Name of Courses, Training, Workshops & Programmes	Penganjur Organiser
46.	20-21 Jun 2024	Income TAX/PCB + EPF ACT 1991 + SOCSO 1969 & EIS (2018)	Institute of Professional Advancement
47.	2 Julai 2024	KWAP Contribution Management Workshop 2024	KWAP
48.	9 Julai 2024	Taklimat Kesedaran Gangguan Seksual di Tempat Kerja	PDT & Unit Kaunseling SUKJ
49.	10-11 Julai 2024	A Journey to Empower Strategic Management for Corporate Communication	ISO Solution
50.	11-12 Julai 2024	Payroll Administration & MTD / PCD Calculations	Institute of Professional Advancement
51.	14 Julai 2024	Kursus Juruaudit Dalaman Persekitaran Berkualiti 5S	AJK Latihan 5S & EFR Certification
52.	15-26 Julai 2024	Kursus Penterjemahan Am	Institut Terjemahan & Buku Malaysia
53.	15 Julai 2024	Program Johor Leadership Insights with Dato' Sri Idris Jala	Institut Dato' Onn
54.	16-17 Julai 2024	Water Malaysia 2024 ; Operationalising Water Transformation: New Strategies and Actions	The Malaysian Water Association
55.	22-23 Julai 2024	National Tax Conference 2024	Chartered Tax Institute of Malaysia
56.	25-26 Julai 2024	Kursus Scoping Mission for Data Driven Water Treatment For Water Efficiency and Energy Saving	Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)
57.	27 Julai 2024	Bengkel Pematuhan Syarat Khas Berkaitan Perolehan Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan serta Pengurusan Keselamatan Siber	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
58.	31 Julai 2024	Taklimat Pelaksanaan E-Invois LHDN	PDT & LHDN
59.	8 Ogos - 1 Disember 2024	Onn Leadership Accelerator (OLA) 2024	Institut Dato' Onn
60.	16-17 Ogos 2024	Youth Sustainability Forum 2024	Kelab Belia Prihatin Malaysia

Bil. No.	Tarikh Date	Nama Kursus, Latihan, Bengkel & Program Name of Courses, Training, Workshops & Programmes	Penganjur Organiser
61.	19 Ogos 2024	Power Branding Personality	PUJB
62.	20-21 Ogos 2024	Master the Art Using Photoshop (Bronze Package)	EFXCO Sdn. Bhd.
63.	20-24 Ogos 2024	Remote Pilot Competency Program	The UAV Academy of Asia
64.	25 Ogos - 20 November 2024	Pensijilan Pengurusan Projek Awam Bersepadu (3PAB)	Akademi JCS
65.	26-27 Ogos 2024	Seminar Kebangsaan Audit Dalam 2024	UKM
66.	26 Ogos 2024	Kursus Taklimat Pelaksanaan Dokumen Terperingkat PDT (Kumpulan)	PDT & CSGO
67.	26-27 Ogos 2024	RCOC (EVLOS) - Extended Visual Line of Sight	The UAV Academy of Asia
68.	27-28 Ogos 2024	SSM National Conference 2024	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
69.	3-5 September 2024	Occupation Safety & Health Coordinator (OSH-C)	NIOSH
70.	8-9 September 2024	Leadership in Action	PDT & RSOG
71.	9-11 September 2024	Latihan Operasi dan Peralatan UAS Latihan Perkakasan	The UAV Academy of Asia
72.	11-12 September 2024	Driving Higher Performance Through Emotional Intelligence	Malaysian Institute of Accountant
73.	18 September 2024	Bengkel Pemurnian Data, Rekod Peribadi, Laporan Penilaian Prestasi dan Pembangunan Kompetensi dalam Sistem HRMIS 2.0	Bahagian Khidmat Pengurusan SUKJ
74.	8-9 Oktober 2024	Green Legacy Summit 2024	COACTION Event
75.	13-18 Oktober 2024	Oxford High Performance Leadership Programme 2024	Saïd Business School, University of Oxford

Bil. No.	Tarikh Date	Nama Kursus, Latihan, Bengkel & Program Name of Courses, Training, Workshops & Programmes	Penganjur Organiser
76.	14 Oktober 2024	Kursus Ergonomik Pejabat	UTM Unbox Resources
77.	14-15 Oktober 2024	Konvensyen Integriti, Tadbir Urus dan Antirasuah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
78.	14 Oktober 2024	Program SME ESG Start Symposium (2024) Johor	MBPG
79.	20-21 Oktober 2024	Pengurusan Fail dan Rekod	Institut Pengurusan & Integriti Negeri Kedah (INSPIN)
80.	26 Oktober 2024	Kenali Personaliti Diri	Institut Pengurusan & Integriti Negeri Kedah (INSPIN)
81.	4 November 2024	Seminar Occupational Safety and Health (OSH) Seminar 2024 Anjuran JCCD	JCCD
82.	4 November 2024	2025 Malaysia Tax Budget Seminar	Salihin Academy
83.	5-8 November 2024	Emerging Leaders; Leading with Adaptability Intelligence	Asia School of Business
84.	7 November 2024	The Malaysian Code in Corporate Governance	MICG
85.	10 November 2024	Pengurusan Kenderaan Jabatan	Institut Pengurusan & Integriti Negeri Kedah (INSPIN)
86.	16 November 2024	Understanding the Latest Update Beneficial Ownership	Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia
87.	19-20 November 2024	Asian Perspectives on Water Loss Management & Carbon Reduction	PROTEMP
88.	20 November 2024	Hari Integriti 2024 "Kerana Opportunity, Penjara Menanti"	Jabatan Governans PDT
89.	21 November 2024	Companies Limited by Guarantee	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
90.	21 November 2024	Asian Perspectives on Water Loss Management & Carbon Reduction	PROTEMP

Bil. No.	Tarikh Date	Nama Kursus, Latihan, Bengkel & Program Name of Courses, Training, Workshops & Programmes	Penganjur Organiser
91.	26-28 November 2024	Persidangan & Pameran Inovasi Air Kebangsaan (NWICE 2024)	Kelab Kebajikan, Sukan & Rekreasi Jabatan Perkhidmatan Pembentukan
92.	7 Disember 2024	Agile Project Management	Institute of Engineers Malaysia
93.	10-11 Disember 2024	PDT Teambuilding 2024	Brainwork Resources
94.	Online	Investment Foundation Certificate	CFA Institute
95.	4-5 Disember 2024	PA & Administrative Professionals Conference	COMFORI

PENJENAMAAN SEMULA NAMA SEKTOR DAN JAWATAN PENGURUSAN

Rebranding of Sector Names and Management Positions at PDT



Sebagai sebahagian daripada agenda transformasi korporat, PDT telah melaksanakan penjenamaan semula sektor dan jawatan pengurusan kanan yang berkuat kuasa pada 1 April 2024. Inisiatif ini bertujuan untuk memastikan setiap fungsi sektor lebih selari dengan keperluan industri semasa, meningkatkan kecekapan operasi, serta memperkukuhkan struktur organisasi bagi mendukung pertumbuhan jangka panjang Kumpulan PDT.

Transformasi ini bukan sekadar perubahan nama, tetapi merupakan strategi komprehensif untuk terus mengoptimumkan fungsi setiap bahagian bagi menyokong pertumbuhan mampan dan meningkatkan daya saing dalam industri. Langkah ini juga menegaskan komitmen PDT dalam memperkukuh kecekapan organisasi serta mempercepat pencapaian sasaran strategik syarikat.

As part of its corporate transformation agenda, PDT has implemented the rebranding of sector names and senior management positions, effective from 1 April 2024. This initiative aims to ensure that each sector's function aligns more closely with current industry needs, enhances operational efficiency and strengthens the organisational structure to support PDT Group's long-term growth.

This transformation is not merely a change of names but a comprehensive strategy to continually optimise each division's functions to support sustainable growth and improve competitiveness within the industry. This step also reinforces PDT's commitment to enhancing organisational efficiency and accelerating the achievement of the company's strategic goals.

Objektif Penjenamaan Semula Nama Sektor dan Jawatan Pengurusan PDT:
Objectives of the Rebranding of Sector Names and Management Positions at PDT:

- 01

Menyusun semula struktur organisasi bagi meningkatkan keberkesanan fungsi sektor dan jabatan.

Restructuring the organisation to improve the effectiveness of sector and departmental functions.
- 02

Memastikan setiap bahagian selari dengan keperluan korporat dan perniagaan semasa.

Ensuring that each division aligns with current corporate and business needs.
- 03

Memberi tumpuan lebih mendalam terhadap pertumbuhan strategik PDT.

Placing greater focus on PDT's strategic growth.

Bil. No.	Nama Lama <i>Former Name</i>	Nama Baru <i>New Name</i>
1.	Sektor Korporat & Kewangan <i>Sektor Korporat & Kewangan</i>	Pejabat Ketua Pegawai Kewangan <i>Chief Finance Officer Office</i>
2.	Sektor Hartanah & Projek SSI <i>Land & Property Sector</i>	Bahagian Hartanah & Pengurusan Aset <i>Property & Asset Management Division</i>
3.	Sektor Komunikasi, Pentadbiran & Sumber Manusia <i>Communications, Administration & People Sector</i>	Bahagian Pengurusan Sumber & Hal Ehwal Korporat <i>Resource Management & Corporate Affairs Division</i>
4.	Sektor Undang-Undang, Kesetiausahaan & Integriti <i>Legal, Secretarial & Integrity Sector</i>	Bahagian Penasihat Korporat <i>Corporate Advisory Division</i>
5.	Sektor Penyelidikan & Pemantauan Projek <i>Research & Project Monitoring Sector</i>	Bahagian Pembangunan Strategik <i>Strategic Development Division</i>

Bil. No.	Nama Jawatan Terdahulu <i>Former Position Title</i>	Nama Jawatan Baharu <i>New Position Title</i>
1.	Ketua Eksekutif <i>Chief Executive</i>	Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan serta memegang jawatan sebagai Pengerusi Majlis Ketua Eksekutif (CE Council) <i>President & Group Chief Executive and holds the position of Chairman of the Chief Executive Council (CE Council)</i>
2.	Timbalan Presiden Kanan, Korporat & Kewangan <i>Senior Deputy President, Corporate & Finance</i>	Ketua Pegawai Kewangan <i>Chief Finance Officer</i>
3.	Timbalan Presiden, Hartanah & Projek (SSI) <i>Deputy President, Property & Project (SSI)</i>	Pengarah Eksekutif Hartanah & Pengurusan Aset <i>Executive Director Property & Asset Management</i>
4.	Timbalan Presiden, Komunikasi, Pentadbiran & Sumber Manusia <i>Deputy President, Communications, Administration & People</i>	Pengarah Eksekutif Pengurusan Sumber & Hal Ehwal Korporat <i>Executive Director Resource Management & Corporate Affairs</i>
5.	Timbalan Presiden, Undang-Undang, Kesetiausahaan & Integriti <i>Deputy President, Legal, Secretarial & Integrity</i>	Pengarah Eksekutif Penasihatan Korporat <i>Executive Director Corporate Advisory</i>
6.	Timbalan Presiden, Penyelidikan & Pemantauan Projek <i>Deputy President, Research & Project Monitoring</i>	Pengarah Eksekutif Pembangunan Strategik <i>Executive Director Strategic Development</i>

KEMPEN KITAR SEMULA DAN KESEDARAN AWAM KAKITANGAN PDT *Recycling Campaign and Awareness for PDT Staff*



Pertandingan Kempen Kitar Semula

**& Kesedaran Awam Seluruh
Kakitangan PDT**



Kempen Kitar Semula dan Kesedaran Awam PDT 2024 telah digerakkan oleh Jabatan Pengurusan Sumber sebagai inisiatif untuk meningkatkan tahap kesedaran warga kerja terhadap kepentingan amalan kitar semula dalam menyokong usaha kelestarian alam sekitar.

Bertemakan “Amalan Hijau: Langkah Kecil, Impak Besar”, kempen ini dilaksanakan bermula 1 Jun hingga 31 Disember 2024, merangkumi aktiviti pengumpulan bahan kitar semula yang dilaksanakan secara berperingkat di setiap bahagian dalam PDT.

Walaupun pertandingan rasmi dijadualkan bermula pada Jun 2024, PDT telah terlebih dahulu menyertai Program KITAREcycle anjuran SWM Environment, yang menerima sambutan amat menggalakkan daripada kalangan kakitangan. Sepanjang pelaksanaan kempen, sebanyak 1,797.90 kilogram bahan kitar semula telah berjaya dikumpulkan dan disalurkan kepada pihak SWM Environment untuk proses pengurusan sisa yang lebih lestari.

The PDT 2024 Recycling Campaign and Awareness was initiated by the Resource Management Department as an effort to raise staff awareness on the importance of recycling practices in supporting environmental sustainability.

With the theme “Amalan Hijau: Langkah Kecil, Impak Besar”, the campaign was being held from 1 June to 31 December 2024, involving the gradual implementation of recyclable material collection activities across all departments in PDT.

Although the official competition was scheduled to begin in June 2024, PDT had already taken part in the KITAREcycle Programme organised by SWM Environment, which received overwhelming support from staff members. Throughout the campaign, a total of 1,797.90 kilograms of recyclable materials were successfully collected and delivered to SWM Environment for more sustainable waste management.



Objektif Kempen

Campaign Objectives

01

Memupuk semangat dan budaya kitar semula dalam kalangan kakitangan PDT.
To foster the spirit and culture of recycling among PDT staff.

02

Mendorong perubahan tingkah laku positif dalam pengurusan sisa harian.
To encourage positive behavioural change in daily waste management.

03


Menyokong inisiatif kerajaan dalam meningkatkan kesedaran terhadap alam sekitar.
To support the government's initiatives in raising environmental awareness.

04

Menggalakkan kerjasama dan semangat berpasukan melalui penglibatan dalam aktiviti hijau.
To promote teamwork and collaboration through participation in green activities.


Jumlah Berat Timbangan Bahan Kitar Semula
(KG) Mengikut Bahagian

Total Weight of Recycled Materials (KG) by Department



Jumlah Keseluruhan (KG) Mengikut Bahagian

Total Accumalated Weight (KG) by Department



PERTANDINGAN INOVASI PDT: 'INNOVATHON' *PDT Innovation Competition: Innovathon*



Sebagai usaha memperkukuh budaya inovasi dalam kalangan warga kerja, PDT buat julung kalinya telah menganjurkan Pertandingan Inovasi PDT: 'Innovathon', sebuah inisiatif yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Induk 5S melalui Jawatankuasa Promosi 5S.

Pertandingan ini telah berlangsung selama dua bulan, bermula pada 20 Oktober hingga 20 Disember 2024 dan melibatkan penyertaan aktif daripada semua zon 5S di PDT.

'Innovathon' telah menjadi platform strategik untuk mencungkil potensi kreativiti serta memupuk daya cipta dalam kalangan kakitangan melalui penghasilan idea, produk atau penyelesaian baharu yang efektif.

As part of its efforts to strengthen a culture of innovation within its workforce, PDT organised the first PDT Innovation Competition: 'Innovathon'. This initiative was carried out under the 5S Main Committee through the 5S Promotion Committee.

The competition ran for two months, from 20 October to 20 December 2024 and witnessed active participation from all 5S zones within PDT.

'Innovathon' served as a strategic platform designed to harness creativity and foster inventiveness among staff by encouraging the development of new and effective ideas,

Objektif utama penganjurkan pertandingan ini adalah seperti berikut:

The main objectives of the competition were as follows:

- 01** Menggalakkan penghasilan idea-idea kreatif dan inovatif yang berpotensi untuk diaplikasikan di seluruh zon bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan proses kerja.
To encourage the generation of creative and innovative ideas with the potential to be applied across all zones to enhance work process efficiency and effectiveness.
- 02** Membudayakan inovasi sebagai sebahagian daripada amalan kerja harian warga PDT dalam usaha mewujudkan sistem kerja yang lebih cekap, sistematik dan berkesan.
To embed innovation as part of PDT's daily work culture with the aim of establishing a more efficient, systematic and effective work environment.
- 03** Memupuk semangat kerjasama dan kolaborasi antara kakitangan melalui pendekatan kerja berpasukan yang harmoni dan berfokuskan matlamat bersama.
To foster teamwork and collaboration among staff through a harmonious, goal-oriented team-based approach.
- 02** Memberi pengiktirafan kepada hasil inovasi terbaik sebagai penghargaan kepada usaha dan komitmen kakitangan dalam menghasilkan projek inovasi.
To recognise outstanding innovations as a form of appreciation for staff efforts and commitment in delivering innovation projects.
- 03** Mewujudkan persekitaran kerja yang menyokong pemikiran kreatif dan penyelesaian masalah secara proaktif dalam menghadapi cabaran organisasi.
To create a work environment that supports creative thinking and proactive problem-solving in addressing organisational challenges.

Sebagai penutup pertandingan ini, sesi pembentangan projek oleh setiap ketua zon 5S telah diadakan bagi membentangkan idea inovasi masing-masing di hadapan panel juri yang terdiri daripada wakil pengurusan PDT. Sesi ini memberikan ruang kepada peserta untuk mengetengahkan potensi projek mereka serta membuka peluang pelaksanaan idea-idea terbaik di peringkat organisasi.

Pertandingan 'Innovathon' merupakan satu inisiatif PDT dalam memacu transformasi kerja berasaskan inovasi dan penambahbaikan berterusan, sejajar dengan aspirasi organisasi untuk kekal relevan dan kompetitif dalam landskap korporat semasa.

As the competition ended, a presentation session was held where each 5S zone leader showcased their innovation projects to a panel of judges comprising PDT management representatives. This session provided an opportunity for participants to highlight the potential of their projects and opened the door for the implementation of the best ideas at the organisational level.

'Innovathon' competition represents PDT's commitment in driving innovation-led transformation and continuous improvement, in line with the organisation's aspiration to remain relevant and competitive in today's corporate landscape.

RINGKASAN PROJEK INOVASI PDT BAGI SETIAP ZON

Summary of PDT Innovation Projects by Zone



ZON A

Zone A

Eco Drip: Self-Plant Watering System

Eco Drip: Self-Plant Watering System adalah sebuah sistem titisan air automatik yang direka khas untuk tanaman di luar pejabat PDT dengan menggunakan bahan kitar semula. Projek ini seiring dengan matlamat PDT untuk menggalakkan inisiatif hijau dalam usaha menjaga kelestarian alam sekitar, termasuk kawasan sekitar pejabat PDT.

Eco Drip: Self-Plant Watering System is an automated drip irrigation system using recycled materials specially designed for plants located outside PDT's office. This project aligns with PDT's goal of promoting green initiatives to support environmental sustainability, particularly in the office surroundings.



ZON B

Zone B

GHG Reduction & Emissions Accountability Tracking (GREAT)

Program GREAT ini merupakan satu inisiatif permulaan yang dilaksanakan oleh Zon B dalam memastikan rekod pelepasan gas rumah hijau (GHG) dapat dipantau khususnya bagi Skop 1 - Pelepasan Pengangkutan dan Skop 2 - Elektrik. Perakaunan GHG (GHG Accounting) dibuat berdasarkan sumber kerangka rujukan yang sahih seperti *GHG Protocol* dan *Department for Environment Food & Rural Affairs (UK)*.

The GREAT programme is a preliminary initiative by Zone B to track greenhouse gas (GHG) emissions, focusing on Scope 1 – Transportation Emissions and Scope 2 – Electricity. GHG accounting is conducted based on credible frameworks such as the GHG Protocol and the UK Department for Environment, Food & Rural Affairs.



ZON C

Zone C

Ergo-ProPosture Laptop Stand

Ergo-ProPosture Laptop Stand adalah konsep yang fokus pada reka bentuk ergonomik. Maksudnya ia direka untuk meningkatkan keselesaan, produktiviti dan kesihatan pengguna secara menyeluruh dengan menggalakkan postur yang lebih semula jadi dan sihat bagi kakitangan PDT.

The Ergo-ProPosture Laptop Stand is a concept focused on ergonomic design. It is to enhance overall comfort, productivity and health of users by promoting a more natural and healthy posture for PDT staff.

RINGKASAN PROJEK INOVASI PDT BAGI SETIAP ZON

Summary of PDT Innovation Projects by Zone



ZON D

Zone D

Tracking Motion System (TMS)

Tracking Motion System (TMS) adalah inovasi yang direka untuk meningkatkan komunikasi dalam kalangan kakitangan dan memudahkan rakan sekerja mengetahui keberadaan kakitangan yang tidak berada di meja mereka. Sistem ini berfungsi dengan memberikan maklumat seperti status kakitangan yang mungkin bercuti, menghadiri mesyuarat, berada dalam kursus, atau tugas lain.

The Tracking Motion System (TMS) is an innovation designed to enhance communication among staff by allowing colleagues to easily identify the whereabouts of team members who are away from their desks. This system provides real-time status updates, indicating whether an employee is on leave, attending a meeting, undergoing training or being assigned to other tasks.



ZON E

Zone E

Pelaksanaan Wireless Charging Spot di Ruang Legar Aras 2 & Board Room

Wireless Charging Spot at Level 2 Lobby & Board Room

Wireless Charging Spot merupakan inovasi yang diperkenalkan bagi memudahkan tetamu atau klien yang hadir berurusan dan menghadiri mesyuarat di aras 2 PDT. Pelaksanaan inovasi ini dapat membantu tetamu atau klien mengecas peranti mudah alih seperti telefon bimbit dan tablet apabila kehabisan bateri dengan mudah dan cepat tanpa perlu memikirkan kabel yang mana diperlukan.

Wireless Charging Spot is an innovation introduced to enhance the convenience of guests and clients attending meetings or conducting business at Level 2 of PDT's office. This initiative enables users to easily and quickly charge mobile devices such as smartphones and tablets without the need for charging cables.

Rangkuman 2024





2024 Summary

167-168 **Majlis & Acara**
Events

169 **Liputan Media**
Media Coverage







DIREKTORI PDT

PDT Directory

Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

President & Group Chief Executive (PGCE)

 arzielawati@pdt.com.my

 +607-239 6567 (201)

Pejabat Ketua Pegawai Kewangan

Chief Finance Officer's Office (CFOO)

Jabatan Komersial
Commercial Department

 fin@pdt.com.my

 +607-239 6567 (103)

Jabatan Kewangan
Finance Department

 fin@pdt.com.my

 +607-239 6567 (102)

Bahagian Pengurusan Sumber & Hal Ehwal Korporat

Resource Management & Corporate Affairs Division (RCA)

Jabatan Hal Ehwal Korporat
Corporate Affairs Department

 comms@pdt.com.my

 +607-239 6567 (319)

Jabatan Pengurusan Sumber
Resource Management Department

 admin_dept@pdt.com.my

 +607-239 6567 (304)

Jabatan Modal Insan
Human Capital Department

 hr@pdt.com.my

 +607-239 6567 (322)

Bahagian Penasihatán Korporat

Corporate Advisory Division (CAD)

Jabatan Undang-Undang

Legal Department

 legal@pdt.com.my

 +607-239 6567 (207)

Jabatan Kesetiausahaan

*Company Secretary Department
(CoSec)*

 secretarial2@pdt.com.my

 +607-239 6567 (204)

Jabatan Governan

Governance Department

 igd@pdt.com.my

 +607-239 6567 (212)

Bahagian Pembangunan Strategik

Strategic Development Division (SD)

Jabatan Penyelidikan

Research Department

 rpm@pdt.com.my

 +607-239 6567 (133)

Jabatan Pembangunan Projek

*Project Development
Department*

 rpm@pdt.com.my

 +607-239 6567 (134)

Jabatan Projek Khas

Special Projects Department

 rpm@pdt.com.my

 +607-239 6567 (135)

Bahagian Hartanah & Pengurusan Aset

Property & Asset Management Division (PAM)

 pentadbiran.upssij@gmail.com

 +607-266 6058

DIREKTORI KUMPULAN PDT

PDT Group Directory

Syarikat Air Johor Sdn. Bhd. (SAJSB)

No. 24-02, Jalan Iskandar Putri 1/3, Taman Nusantara Prima,
Iskandar Putri Commercial Centre, 81550 Gelang Patah, Johor



general@sajsb.com.my



+607-585 2510

Johor Special Water Sdn. Bhd. (JSW)

No. 16, Jalan Iskandar Putri 1/3, Taman Nusantara Prima,
Iskandar Putri Commercial Centre, 81550 Gelang Patah, Johor.



general@jsw.com.my



+607-596 4203

Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd. (PUJB)

No. 24, Jalan Iskandar Putri 1/3, Taman Nusantara Prima,
Iskandar Putri Commercial Centre, 81550 Gelang Patah, Johor.



pujbsb@gmail.com



+607-510 2542

Johor Centre for Construction Development Sdn. Bhd. (JCCD)

No. 6, Jalan Iskandar Putri 1/3, Taman Nusantara Prima,
Iskandar Putri Commercial Centre, 81550 Gelang Patah, Johor.



general@jccd.com.my



+607-596 4011/4012

Johor Economic, Tourism and Cultural Office (JETCO)

No. 1, Aras 2, Bangunan Sultan Ismail, Kota Iskandar,
79100 Iskandar Putri, Johor.



jetco@johor.gov.my



+60 14-381 0996

PDT Oil & Gas Services Sdn. Bhd. (PDT O&G)

No. 44, Jalan Padi Emas ½, Uda Business Centre,
Bandar Baru Uda, 81200 Johor Bahru, Johor.



official.pdtogs@gmail.com



+607-239 6567

Johor Sustainability Centre Sdn. Bhd. (JSC)

Pusat Kelestarian Johor Tunku Mahkota Ismail Youth Center Johor (TMIYC)
Hutan Bandar MBBJ, 80200 Johor Bahru, Johor



admin@sustainablejohor.com



+607-207 0075

Ketua Editor

Editor-In-Chief

Yang Berhormat Dato' Ramlee Bin A Rahman

Eksekutif Editor

Editor Executive

- **Dzulkifly Bin Hassan**
- **Noor' Azmi Bin Md Omar**
- **Mohd Firdaus Bin Abd Samad**
- **Ts. Azman Bin Jaafar**
- **Ambok Nani Bin Muhammad Nor**

Editor

Editor

- **Norindah Binti Khairi**
- **Mohd Faizan Bin Abul Hasan**
- **Siti Noorzarina Binti Musa**
- **Muhammad Nur Sadiqin Bin Mohd Khusni**

Sub Editor

Sub Editor

- **Che Norhalizawati Binti Che Mohamed**
- **Muhammad Affif Bin Lukman**
- **Roslina Binti Selamat**
- **Muhammad Danial Ariff Bin Burhanuddin**
- **Gurpreet Singh Dhaliwal**
- **Mohamad Sulaiman Bin Mohd Noh**

Penolong Editor (Bahasa Inggeris)

Assistant Editor (English)

Nur Raihan Binti Mohd Noorazam

Penolong Editor (Grafik/Foto)

Assistant Editor (Graphics/Photos)

Adi Muizzuddin Bin Addy Mulia

Penolong Editor (Penyelidikan)

Assistant Editor (Research)

- **Mohd Zuhri Hafizi Bin Jumaat**
- **Hanis Nabilah Binti Mustaffa Kamal**
- **Nuruljannah Binti Razman**
- **Muhammad Azamuddeen Bin Ismail**
- **Amirah Adilah Binti Mahfiz**

Penyelaras Penerbitan

Publication Coordinator

Jabatan Hal Ehwal Korporat (HEK) PDT

Corporate Affairs Department (CA) PDT

Penerbit

Publisher

Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd.



PERMODALAN DARUL TA'ZIM SDN. BHD.

199401041837 (327525-V)

Syarikat Milik Penuh Kerajaan Negeri Johor
No.44, Jalan Padi Emas 1/2, Uda Business Centre,
Bandar Baru Uda, 81200 Johor Bahru,
Johor Darul Ta'zim, Malaysia